

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 2*Rabu***4 Mei 2005**

K A N D U N G A N**PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:**

- Cuti Kepada Ahli - Kebenaran (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Perlantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pemilih (Halaman 28)

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 30)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 4 Mei 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin dari 3 Mei 2005 hingga 19 Mei 2005.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha kepimpinan negara untuk menonjolkan sebuah negara Islam yang berdaulat dan mempunyai ciri-ciri "*good governance*" kerajaan yang terbuka, telus dan bertanggungjawab sesuai dengan slogan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan bagi meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berdaulat, antaranya kerajaan telah memperkenalkan konsep Islam Hadhari yang merupakan satu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh. Berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam dengan harapan akan dapat memajukan pembangunan ummah dan negara.

Pendekatan Islam Hadhari bertujuan untuk memastikan masyarakat Islam kembali mengamalkan Islam secara syumul dalam konteks dan dimensi yang lebih luas

meliputi bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan budaya, undang-undang dan sebagainya. Islam Hadhari berpegang kepada visi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah contoh negara majoriti Islam yang maju, bertamadun dan aman. Islam Hadhari juga merangkumi penekanan terhadap aspek *good governance* melalui prinsipnya yang kedua iaitu kerajaan adil dan beramanah.

Di samping itu, kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan *good governance* dan nilai etika sebagai tiang utama pentadbirannya. Ini timbul daripada kesedaran bahawa salah satu pemacu utama ekonomi politik global ialah usaha dan penekanan terhadap memperkenalkan dan mengekalkan satu sistem pentadbiran dan pengurusan yang baik di dalam sektor awam dan swasta. Amalan *good governance* yang berprinsipkan keterbukaan, telus dan bertanggungjawab serta bersih, cekap, bebas rasuah diberikan penekanan kerana ia amat penting dalam usaha memperkukuhkan ekonomi Malaysia agar berdaya saing untuk menghadapi cabaran global.

Walaupun kerajaan sedar bahawa usaha memerangi rasuah bukanlah usaha yang mudah yang boleh dicapai dalam jangka masa yang singkat. Namun, kerajaan tetap komited di dalam melaksanakannya. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan memberi penekanan terhadap dua aspek iaitu pencegahan dan hukuman. Melalui pencegahan, pelbagai usaha dijalankan agar amalan rasuah tidak diberi ruang langsung berlaku. Ini termasuk usaha untuk memperbaiki sistem penyampaian awam serta mewujudkan sistem perolehan tender yang lebih efektif dan berkesan. Selain daripada itu, kerajaan juga berusaha untuk menanam nilai-nilai kejujuran, etika, integriti di dalam diri setiap masyarakat Malaysia melalui kewujudan Pelan Integriti Nasional, Institut Integriti Malaysia.

Melalui aspek hukuman pula, Badan Pencegah Rasuah telah diarah untuk menjalankan tugas mereka tanpa mengira pangkat dan darjat. Hasilnya statistik telah menunjukkan peningkatan dari segi jumlah kes aduan yang difailkan, jumlah tangkapan yang dibuat, jumlah kes yang dibicara dan jumlah siasatan yang akan dilakukan. Selain daripada itu, pihak kepimpinan berpegang teguh kepada Perlembagaan Malaysia yang meletakkan Institut Kehakiman Parlimen dan kuasa eksekutif sebagai badan bebas. Ini

juga jelas menunjukkan Malaysia ialah sebuah negara yang terbuka dan telus di dalam melaksanakan pengurusannya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih banyak kepada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Mohd Johari Baharum yang menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, satu jawapan yang baik sekali. Cuma soalan tambahan saya ini, daripada jawapan Yang Berhormat bawa tadi, saya hendak tanya tentang persepsi, bagaimana kerajaan hendak menukar persepsi rakyat yang masih lagi mengatakan, bila rasuah ini hanya bagi golongan yang tertentu sahaja. Maksudnya, ada yang berkata hanya untuk ikan kecil dan ikan besar. Jadi, bagaimana caranya ada kaedah untuk kita menukar persepsi rakyat terhadap masalah yang ada dalam negara hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan tambahan itu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sukar kita hendak membuat dasar melalui persepsi. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mempunyai statistik daripada tahun 2003 dan 2004 kes-kes yang telah kita ambil kira iaitu pertama sekali maklumat yang kita terima pada tahun 2003 - 9,719; bagi tahun 2004 - 11,413; dan kes kertas siasatan - 1,058. Pada tahun 2003/2004 - 982 kes tangkapan; dan bagi tahun 2003 - 339; dan 2004 - 497. Saya rasa tindakan yang kita ambil memanglah tidak mengira bulu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai terdapatnya parti pembangkang yang cuba mengelirukan rakyat dengan membuat pelbagai fitnah kerana strategi Islam Hadhari memang begitu baik bagi mencapai mercu kecemerlangan ummah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Itu soalannya dan minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah, itu memanglah kerja pembangkang, apa juga yang kerajaan buat memanglah tidak baik, apa juga usaha. Kalau kita tengok daripada penjelasan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri kita mengenai Islam Hadhari semalam di Kedah jelas bahawa Islam Hadhari ialah satu pendekatan yang baik di mana kalau kita amalkan banyak masalah yang kita hadapi dalam masyarakat kita pada hari ini dapat diselesaikan. Saya rasa itu memanglah hasrat pembangkang. Apa juga yang kita buat mereka akan cuba mencari jalan untuk membangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak betulkan. Sebenarnya pembangkang hanya membangkang apa yang tidak betul sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Soalan tambahan saya iaitu saya ingin pandangan kerajaan apabila kenyataan pimpinan Singapura mengatakan bahawa Islam Hadhari ini akan melahirkan golongan ekstremis dalam negara, apakah pandangan pihak kerajaan? Dan saya ingin tahu juga kenapa pendakwaan terhadap kes-kes rasuah ini secara berpilih-pilih? Banyak pendakwaan yang melibatkan menteri, bekas menteri besar dan sebagainya tidak dibuat sehingga sekarang. Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu sama dengan soalan tadi.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, terima kasihlah di atas soalan itu. Dalam Islam Hadhari tidak pernah wujud ekstremis ini. Islam Hadhari mewujudkan Islam yang syumul - yang baik. Saya rasa berkenaan dengan ekstremis ini mungkin hanya parti Pas sahajalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah buat silap dalam interpretasi Peraturan Mesyuarat semalam. Sebenarnya saya hanya boleh membenarkan tiga soalan tambahan.

2. **Datin Chong Set Mui** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah jenis produk pertanian atau industri asas tani yang telah dikenal pasti setakat ini oleh kementerian untuk dilaksanakan secara komersial di Sabah selaras dengan pelan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan pertanian sebagai enjin ketiga ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar kerajaan untuk

memajukan industri berasaskan hasil pertanian, kementerian ini akan memberi tumpuan yang lebih besar kepada industri asas tani bertaraf kecil dan sederhana di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi negeri Sabah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah telah mengenal pasti beberapa projek atau beberapa produk yang berpotensi untuk dikomersialkan di negeri Sabah, antaranya produk-produk berasaskan herba dan rempah ratus istimewa, kuih tempatan popular, produk berasaskan hasil laut dan air tawar, produk berasaskan sayur-sayuran, sos istimewa, kopi, bijirin dan lain-lain

Projek-projek ini akan dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seperti FAMA, LPP, LKIM dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah seperti Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Yayasan Usaha Maju, Lembaga Industri Getah Sabah dan Koperasi Pembangunan Desa. Projek-projek Industri Asas Tani ini akan diusahakan di daerah Papar, Tambunan, Tawau, Kuala Penyu dan Sipitang. Sekianlah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Fuad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Soalan tambahan saya. Saya ingin bertanya tentang projek pertanian moden di Ayer Hitam yang dinamakan atas penternakan burung unta (Ostrich) tetapi pengusaha juga menternak anjing-anjing dalam projek tersebut. Saya ingin tahu apakah penternak anjing ini dianggap sebagai penternak moden, apakah tujuannya, dan apakah kita ingin mengeksport daging anjing ke luar negara? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asal adalah khusus bagi negeri Sabah. Saya serahkan kepada Yang Berhormat sama ada mempunyai data untuk menjawab.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan pokok.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

3. **Datin Paduka Jaya Partiban** minta Perdana Menteri menyatakan apakah keadaan sebenar yang berhubung dengan dasar kerajaan yang menyatakan langkah-langkah bersesuaian akan diambil bagi meningkatkan ekuiti milik masyarakat India kepada 3% menjelang tahun 2010 dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8). Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan sekiranya tidak ada, apakah yang menyebabkan kelewatan dalam mencapai matlamat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan M. Krishnan bertarikh 5 Mei 2005 memandangkan kedua-dua soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Strategi serta langkah-langkah yang dirancang oleh kerajaan dalam meningkatkan pemilikan ekuiti kaum India kepada 3% menjelang tahun 2010 merupakan usaha kerajaan bagi merealisasikan dasar menyusun semula masyarakat Malaysia. Kementerian dan agensi-agensi kerajaan berkaitan bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar, strategi dan langkah-langkah ini dengan melancarkan pelbagai inisiatif bagi menyediakan lebih banyak peluang kepada kaum India menyertai program-program yang dilaksanakan.

Program-program yang disediakan untuk memberi peluang kepada semua kaum, termasuk kaum India, meningkatkan pemilikan dan penyertaan mereka dalam ekonomi negara umumnya, dan sektor korporat khususnya adalah seperti berikut:-

- (i) program-program latihan termasuk latihan keusahawanan dan latihan kemahiran bagi usahawan dan bakal-bakal usahawan yang berminat dan mempunyai kesungguhan dalam bidang berkaitan;
- (ii) program latihan kemahiran yang disediakan, Pusat Giat Mara yang selama ini hanya melatih pelajar bumiputera telah membuka peluang kepada remaja India menyertai latihan kemahiran di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Sehingga Disember 2004, seramai 359 remaja India telah pun menyertai pelbagai kursus kemahiran di Pusat Giat Mara. Manakala seramai 166 lagi sedang mengikuti latihan bagi pengambilan Januari 2005.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya menjurus kepada soal pencapaian nisbah ekuiti kaum India.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Ya, ini adalah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya mencapai *target* tersebut. Peluang yang sama juga di wujudkan di Kolej Komuniti di seluruh negara.

- (iii) program-program penswastaaan dan pembangunan industri kecil dan sederhana juga menyediakan peluang luas kepada masyarakat India untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat mereka;
- (iv) bantuan kewangan melalui Skim Kredit Mikro juga terbuka kepada usahawan di kalangan masyarakat India;
- (v) penyertaan dalam skim-skim saham amanah seperti Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Malaysia, di samping tabung-tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta; dan
- (vi) penubuhan syarikat usaha sama di antara kaum India dengan kaum bumiputera dan kaum Cina melalui program usaha sama tulen.

Program ini dilaksanakan melalui Majlis Galakan Usaha Sama Tulen yang dianggotai oleh ketiga-tiga dewan perniagaan dan perindustrian Melayu, Cina dan India serta wakil konsortium bank dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Majlis ini berperanan sebagai pemudah cara dan penjodohan rakan kongsi usaha sama yang berpotensi mengikut sektor-sektor strategi yang dikenal pasti.

Pencapaian sasaran pegangan ekuiti masyarakat kaum India bergantung kepada kemampuan kaum India meningkatkan pemilikan ekuiti melalui penyertaan aktif dalam merebut peluang yang disediakan. Berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran serta mampu mengenal pasti peluang baru dalam pasaran terbuka.

Di samping itu kaum India juga perlu menjalin rantaian kerjasama dengan bergabung tenaga, kepakaran dan sumber untuk membangunkan syarikat yang lebih besar supaya lebih kompetitif, berdaya tahan dan berdaya maju. Badan-badan yang mewakili kaum India seperti Dewan Perniagaan dan Perindustrian, persatuan-persatuan perdagangan juga badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO perlu memainkan

peranan yang lebih aktif dalam menyebarkan maklumat serta menggerakkan usaha membangunkan sumber ekonomi kaum India di negara ini.

Datin Paduka Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Matlamat kita semua sedia maklum. Tetapi sekian lama tidak ada sebarang peningkatan terhadap pencapaian matlamat ini, jadi saya khuatir mungkin ada dasar kerajaan tetapi tidak ada dia punya efektif pemantauan. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan menganggap adalah perlu suatu unit khas ditubuhkan di bawah IPU supaya pemantauan dilakukan secara berkesan. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada perancangan untuk menubuhkan unit tersebut, tetapi persepsi bahawa kurang meningkatnya ataupun kurang berjayanya kita menuju ke hala objektif yang kerajaan telah tetapkan, tidak begitu tepat kerana peratusan ekuiti yang dimiliki adalah cuma satu daripada ukuran yang kita patut guna untuk melihat sama ada seseorang itu ataupun sesuatu suku kaum itu berjaya ataupun tidak dalam mengambil bahagian di dalam aktiviti ekonomi negara.

Suku kaum India misalnya banyak terlibat di dalam perniagaan kedai runcit, memiliki gedung-gedung dan sebagainya dan ini tidak dimasukkan ke dalam ekuiti yang kita selalu sebutkan. Ekuiti yang kita lihat ialah ekuiti syarikat-syarikat ataupun korporat-korporat yang didaftarkan dengan ROC, yang tidak didaftarkan dengan ROC, kita tidak sentuh dan juga kalau kita melihat dari segi peratusan, kemungkinan Yang Berhormat betul. Tetapi dari segi *absolute number*, dengan izin

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat sudah masuk jajahan susah berhenti.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Saya hendak terangkan yang saya anggapkan persepsi yang tidak tepat ini. Dari segi *absolute number* misalnya dengan izin banyak peningkatan yang telah dicapai oleh suku kaum India. Misalnya dari segi

Tuan Yang di-Pertua: Bukan saya katakan susah berhenti. Biarlah, Dato' Dr. Chin Fook Weng soalan tambahan.

Dato' Dr Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mungkin lebih senang, iaitu tadi dalam jawapan ada disebutkan bahawa

masyarakat India perlu lebih aktif lagi di dalam jawapan tadi. Adakah ini bermakna masyarakat ini sendiri tidak begitu minat dengan program-program yang telah diaturkan untuk membantu mereka sehingga *respond* mereka hanya 'dingin' sahaja.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, mengikut data yang ada pada kita, komen Yang Berhormat tadi tepat. Ada beberapa program yang diwujudkan oleh EPU bukan sahaja untuk suku kaum India, tetapi untuk suku kaum yang lain, tetapi sambutan dari suku kaum India agak kurang memuaskan.

4. Tuan Ismail bin Kasim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah kerajaan seterusnya di dalam menghalang ekonomi negara daripada mencapai tahap "meltdown" memandangkan ada laporan yang timbul baru-baru ini menyatakan semakin banyak syarikat gulung tikar akibat tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terdahulu saya ingin tegaskan di sini bahawa pada masa ini keadaan ekonomi negara masih mantap dan terus menunjukkan peningkatan yang meyakinkan. Ini terbukti dengan penyampaian pertumbuhan ekonomi negara yang baik setakat ini, di mana Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku keempat tahun 2004 ekonomi berkembang pada tahap 5.6%, tetapi keseluruhan tahun 2004 pertumbuhan adalah teguh pada kadar 7.1%.

Namun pertumbuhan ekonomi dunia dijangka rendah sedikit daripada tahun 2004 iaitu daripada 5.3% kepada 4.3% pada tahun 2005. Prestasi ekonomi negara kita akan berkembang terus di antara 5% hingga 6% pada tahun 2005 dan tidak menghadapi "meltdown".

Bagi mencapai pertumbuhan mapan dalam jangka masa panjang dan mengekang berlakunya kemelesetan ekonomi, kerajaan telah merangka dasar dan strategi jangka pendek dan sederhana bagi mengukuhkan lagi asas dan ketahanan ekonomi negara. Antaranya termasuklah usaha untuk mempercepatkan peralihan struktur ke arah ekonomi berasaskan nilai tambah yang tinggi.

Yang kedua, meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan, kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan daya saing negara.

Yang ketiga, membangunkan sumber manusia atau *human capital* sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi.

Sektor swasta mestilah meningkatkan ketahanan dan daya saing mereka untuk terus menjadi enjin dan menerajui pertumbuhan ekonomi. Mereka juga perlu mengurangkan kos dan meningkatkan lagi produktiviti melalui penciptaan ataupun penggunaan teknologi baru.

Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan akan terus memastikan persekitaran yang kondusif untuk peniaga dan pelaburan termasuk menyediakan infrastruktur, kemudahan pembiayaan serta pelbagai insentif untuk membantu sektor swasta berkembang maju.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telah saya nyatakan tadi, kerajaan juga baru-baru ini telah mengambil keputusan untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan 26 projek pembinaan bernilai RM2.4 bilion. Ini adalah bertujuan untuk mencergaskan semula sektor pembinaan tempatan yang mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 1.9% pada tahun lalu dan membantu sektor ini berkembang pada tahun 2005.

Saya berharap pihak swasta menyambut baik segala usaha kerajaan dan berusaha dengan lebih gigih memajukan perniagaan mereka termasuk meninjau peluang yang ada di luar negara.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah jenis-jenis risiko dalaman dan juga antarabangsa yang boleh mengakibatkan ekonomi *meltdown* dan apakah kemungkinan atau *probably* sesuatu risiko itu berlaku? Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Malaysia adalah sebuah negara *trading* ataupun negara perdagangan nombor ke 17 dunia. Ekonomi negara bergantung penuh ataupun bergantung banyak kepada apa yang berlaku di seluruh dunia. Bila ekonomi dunia menurun maka kita juga akan rasai kesannya. Kerajaan telah berusaha memastikan kesan negatif yang berkurangan kepada negara ini.

Sebagaimana yang telah saya sebut tadi bahawa kerajaan sedang berusaha dari segi *tagging* dengan menghadkan kepada *exchange* kerana kita juga berdagang menggunakan US *dollar* dan bila kita *pack* maka kesan perubahan tukaran wang asing akan juga berkurangan. Setakat ini kita berniaga dan berurusan perniagaan

menggunakan wang US dalam lingkungan 88% perniagaan kita. Maknanya kalau kita *pegging* begitu maka kesannya akan berkurangan.

Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita lihat bagaimana mutakhir ini banyak syarikat-syarikat asing yang keluar yang melabur dalam negara kita keluar daripada pelaburan negara kita ke negara asing, negara lain seperti China dan India. Persoalannya apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan. Ini mencapai kejayaan dan sebanyak manakah usaha-usaha ini telah dapat membawa balik kemasukan pelabur-pelabur asing ke dalam negara kita setakat ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pihak syarikat-syarikat asing ini terutama sekali *Multi National Companies*, mereka memang mencari keuntungan yang lebih, ini mana juga mereka boleh berniaga dapat untung maka mereka akan pergilebih. Dia begitu mobil sekali. Macam di negeri China dan India dan memang *labour* kosnya adalah rendah maka mereka pergi ke sana untuk berniaga.

Pihak negara Malaysia tidak boleh ikut rentak itu sebab *labour* kita adalah tinggi maka tidak boleh *compete* pada dasar yang sama maka kita kena usaha cara lain terutama sekali meningkatkan produk aktiviti kita dan meningkatkan mutu kita dalam segi nilai barangan kita mestilah ditingkatkan supaya kita tidak..... Kalau negara China ataupun negara kita mengeluarkan barangan yang murah, kita tidak boleh ikut maknanya kita tak boleh keluarkan barangan yang murah, kita kena keluarkan barangan yang bernilai lebih tinggi dan setakat ini memang produk daripada Malaysia masih mendapat sanjungan yang tinggi di luar negara. Sebab itu saya katakan ada syarikat-syarikat yang akan pergi dan masuk balik. Kalau kita lihat dari segi FDI kita memang meningkat tiap-tiap tahun bukan menurun tetapi semakin meningkat maknanya ada *confidence* di kalangan syarikat-syarikat asing yang melabur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat saya sedar Yang Berhormat mungkin dalam keadaan tersipu-sipu bila bangun tetapi saya tidak panggil ataupun apabila saya tegur, tetapi terimalah ini rempah ratus kehidupan sebagai pemimpin atau ahli politik. Saya lihat dalam kaca mata TV bagi ini *Tony Blair* sekalipun ditemplak *staff smiling* jadi, terimalah kerana perjalanan Dewan supaya lebih sempurna saya tidak dapat memanggil dan terimalah kadang-kadang kita dalam keadaan tersipu-

sipu dan saya pun bila buat silap berada dalam keadaan tersipu-sipu, itu rempah ratus kehidupan sebagai seorang pemimpin dan ahli politik.

5. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah hasrat Kerajaan untuk menyeragamkan pentadbiran undang-undang syariah di seluruh negara dan bila agaknya usaha ini akan mula direalisasikan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan untuk menyeragamkan pentadbiran undang-undang syariah di seluruh negara sebenarnya memang serius. Sebagai usaha melaksanakan telah ditubuhkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia atau JKSM pada tahun 1989 lagi.

JKSM ditubuhkan dengan visi untuk menjadi agensi pusat yang berwibawa bagi merealisasikan penyeragaman perundangan Islam sejak JKSM ditubuhkan ia telah melaksanakan tugas dengan baik.

Sebagai hasilnya sembilan buah negeri telah meluluskan danewartakan penggunaan kelima-kelima undang-undang di mahkamah-mahkamah syariah negeri masing. Negeri-negeri tersebut ialah Selangor, Terengganu, Kelantan, Melaka, Johor, Perak, Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan manakala negeri Pahang hanya meluluskan danewartakan dua undang-undang sahaja iaitu Undang-undang Tatacara Maklum - dan undang-undang jenayah syariah bagi Pulau Pinang negeri ini juga telah meluluskan lima undang-undang tersebut tetapi masih belum lagiewartakan penguatkuasaannya. Baki tiga negeri lagi yang masih belum meluluskan danewartakan iaitu Kedah, Perlis dan Wilayah Persekutuan. Secara keseluruhannya usaha ke arah penyeragaman pentadbiran undang-undang syariah di seluruh negara sentiasa dipergiatkan oleh kerajaan persekutuan dan kita menjangkakan segala-galanya akan selesai dan menjadi satu realiti pada akhir tahun 2005 ini. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berapakah bilangan hakim-hakim dalam Mahkamah Syariah pada hari ini dan adakah ia mencukupi untuk memperkasakan mahkamah tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Soalan Yang Berhormat memerlukan data terperinci tentang bilangan hakim, saya mohon waktu untuk menjawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kenapa Wilayah Persekutuan tidak mewartakan, sedangkan Wilayah Persekutuan di bawah kerajaan pusat. Sebarang perkara yang berkaitan dengan agama kena luluskan di Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah faham soalnya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: saya hendak tanya, fasal apa? Wilayah Persekutuan begitu lembap

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa tidak, Wilayah Persekutuan.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat perbezaan undang-undang syariah sebenarnya antara negeri di Malaysia ini tidaklah terlalu ketara ataupun terlalu luas jurangnya. Walau bagaimana pun kita memberi satu pandangan yang cukup serius untuk menyeragamkan sebab itu kalau kita lihat di Wilayah Persekutuan sendiri walau pun dia masih lagi dalam usaha dan kita menganggarkan pada hujung tahun dia akan meluluskan dan mewartakannya saya ingin menyatakan bahawa jurang perbezaan ini tidaklah terlalu ketara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya boleh benarkan ketiga-tiga dari satu parti Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, persoalan murtad di antara persoalan yang menjadi permasalahan semasa yang amat membimbangkan sekarang ini, apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kerajaan terutama di bawah Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan Islam Hadhari supaya undang-undang murtad ini dilaksanakan keseluruhan di seluruh negara kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini terkeluar daripada soal yang kita bincangkan jadi saya tidak mahu menjawab soalan ini. Terima kasih.

6. **Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta Perdana Menteri menyatakan adakah syarikat Petroleum Nasional iaitu Petronas merujuk terlebih dahulu kepada kerajaan sebelum menerokai kawasan-kawasan minyak baru terutamanya di kawasan yang sensitif bagi mengelakkan isu sepadanan antarabangsa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi jawapan agak panjang, ini singkat sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bukan tegur sama ada jawapan panjang atau pendek [*Ketawa*]. Saya cuma bagi ingatan jangan masuk *teritory* yang kita susah *lending* [*Ketawa*].

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua untuk makluman ahli Yang Berhormat usaha cari gali yang akan diusahakan oleh Petronas dan rakan kongsinya di kawasan yang sensitif cuma dilaksanakan setelah mendapat persetujuan daripada kerajaan. Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya melihat Petronas telah melabur lebih daripada 30 buah negara di dunia, apakah kerajaan memantau pelaburan yang mana difahamkan hanya 10% daripada pelaburan di luar negara mendatangkan keuntungan. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini banyak keluar dari soalan asalnya saya tidak jawab.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan telah menyelesaikan masalah yang kita hadapi baru-baru ini di negeri Sabah serta tentang sempadan. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun : Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini isu Ambalat, ini saya ingat. Blok ND 6 dan ND 7 di kawasan Ambalat yang menjadi isu di antara Malaysia dan Indonesia adalah didapati di dalam kawasan sepadanan Malaysia. Petronas pada awal lagi telah merujuk kepada kerajaan sebelum mereka menandatangani kontrak perkongsian pengeluaran ataupun *production sharing contract* dengan syarikat Shell dan Petronas Cari Gali Sendirian Berhad supaya Blok *utra* laut dalam ND 6 dan ND 7 ini di perairan negeri Sabah

Setakat ini sudah ada jawatankuasa teknikal yang telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Teknikal Persempadanan. Jawatan kuasa ini sedang berunding dengan rakan-rakan sejawat mereka dari Indonesia. Saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat faham setakat ini, semasa perundingan ini sedang dijalankan, banyak isu-isu yang tidak mungkin kita dapat dedahkan dahulu kerana ia untuk menjaga kepentingan negara kita.

7. Dato' Rhina Bhar minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk menentukan pengimplementasian polisi bekerja dari rumah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menentukan dan memastikan pelaksanaan konsep bekerja dari rumah atau *home office*, dengan izin, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga pihak berkuasa tempatan telah membentuk jawatankuasa teknikal untuk merangka garis panduan bekerja dari rumah bagi memudahkan masyarakat, khususnya dari golongan wanita, orang kurang upaya dan warga emas untuk memilih konsep ini sebagai alternatif kerja. Pada masa ini, draf garis panduan telah disediakan dan akan dimuktamadkan pada masa yang terdekat.

Kementerian kita dijangka akan melancarkan buku panduan bekerja dari rumah atau *home office*, dengan izin, pada bulan Ogos 2005. Dalam masa yang sama, semua PBT akan mengiktiraf konsep ini dan akan diperluaskan kepada semua golongan masyarakat. Terima kasih.

8. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Kewangan menyatakan apa maklum balas yang diterima kini dalam Sistem Taksir Sendiri Cukai Pendapatan yang baru dilaksanakan, berapakah peratusan orang ramai yang tidak tahu mengisi borang dengan lengkap, terang dan jelas dan siapakah yang tergolong di dalam kumpulan ini dan apakah bantuan yang patut diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Sistem Taksir Sendiri ataupun STS bagi pembayar cukai individu walaupun berkuat kuasa pada tahun taksiran 2004 tetapi pembayar cukai hanya perlu mengisi borang dan mengira atau menaksir sendiri cukai mereka bagi pendapatan dalam tahun 2004 pada tahun ini. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, borang cukai pendapatan perlu dikembalikan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak lewat daripada 30hb April 2005. Memandangkan tempoh menghantar borang oleh pembayar cukai individu di bawah Sistem Taksir Sendiri baru sahaja berakhir, tahap peratusan orang ramai yang tidak tahu mengisi borang dengan lengkap, terang dan jelas belum dapat diketahui.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah notis akan dihantar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri kepada pembayar-pembayar cukai memberitahu bahawa taksiran yang diisi oleh mereka itu disetujui atau tidak, ada kesilapan atau tidak dan bilakah notis itu akan dikeluarkan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, notis telah dikeluarkan pada hujung bulan Februari dan telah pun diberi tempoh sebulan untuk mengisi dan menghantar balik dan kemudian ada *grace period* lagi sehingga 30hb April 2005. Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak bercadang untuk menyemak satu persatu tetapi hanya membuat *random checking*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan kalau didapati tidak betul, maka notis akan dikeluarkan untuk mereka yang diperiksa secara *random*. Yang lain mungkin *escape*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tetap akan dikenakan juga cukai.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, orang ramai juga dijemput memberi cadangan-cadangan tertentu supaya masalah yang wujud setakat ini dapat dibereskan. Adakah Jabatan Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengambil kira semua pandangan yang telah diberikan oleh orang ramai supaya pada tahun hadapan mungkin masalah-masalah yang wujud pada tahun ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa memantau dan menerima pendapat orang ramai berkenaan dengan kaedah atau sistem yang telah dijalankan. Memang *on going*, Tuan

Yang di-Pertua, sentiasa ada dan kalau mengikut maklumat yang ada pada saya memang pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri mengadakan berbagai-bagai program untuk berjumpa dengan orang ramai untuk menerangkan, menjelaskan dan menerima pandangan daripada orang ramai.

Contohnya, saya berikan di sini, Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri mengadakan Program Pembelajaran Cukai, Program Perkhidmatan Pembayar Cukai, Program Sehari Bersama Pelanggan, Program Banci *Business*, Program Khidmat Sokongan Peniaga dan juga mengadakan kaunter bulanan, Perkhidmatan Pembayar Cukai ataupun PBPC mulai Februari 2005, di merata tempat, termasuk di Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri di kompleks membeli belah dan juga di mana-mana jabatan, lokasi yang sesuai.

9. Dato' Sri Empiang Jabu minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah pusat-pusat kaunseling bagi ibu tunggal yang akan didirikan di Sarawak dan bilakah pusat-pusat tersebut akan beroperasi sepenuhnya?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang belum ada cadangan daripada kementerian untuk mendirikan pusat-pusat kaunseling bagi ibu tunggal di Sarawak. Walau bagaimanapun, kementerian dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak telah menubuhkan Pusat Khidmat Nasihat iaitu di bahagian Kuching sejak tahun 1997 dan di ahagian Sarikei sejak tahun 2004. Untuk bahagian-bahagian lainnya, dirancang untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pusat Khidmat Nasihat ini antara lainnya menyediakan perkhidmatan para kaunseling untuk semua golongan wanita termasuk ibu tunggal. Sekian, terima kasih.

10. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah kontrak yang dapat diselesaikan oleh PMC di kementerian, khususnya bagi projek membina sekolah di seluruh Malaysia termasuk akaun muktamad (*final account*).

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Pelajaran merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga April 2005, sebanyak 472 buah projek daripada 602 projek telah disiapkan di bawah pengurusan projek atau PMC. Kementerian Pelajaran Malaysia dalam proses menyiapkan akaun muktamad pada projek-projek yang telah disiapkan. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Masih banyak lagi yang telah diberitahu bahawa akaun-akaun muktamad ini, yang berjumlah dalam anggaran RM400 juta masih tidak lagi *difinalisekan* memandangkan bahawa PMC-PMC ini telah pun banyak yang mengecil ataupun mengecutkan besarnya. Adakah itu betul ataupun tidak? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih. Berhubung kait dengan *final account* yang masih belum kita siapkan, ini ada hubung kait dengan tempoh tanggungan kecacatan. *Final account* hanya kita siapkan selepas tempoh pada dua tahun untuk tempoh tanggungan kecacatan. Dalam tempoh tanggungan kecacatan ini, kalau Kementerian Pelajaran mendapati tidak ada apa-apa kecacatan dalam projek yang telah dilaksanakan maka *account* itu baru kita mula untuk menyiapkan. Ini juga akan mengambil masa lebih kurang tiga bulan untuk Kementerian Pelajaran menyiapkan *final account*. Terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apakah kebaikan dengan melantik PMC berbanding dengan diambil alih oleh JKR. Adakah ia lebih murah, kalau tidak mengapa pula melantik PMC? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang baru dilantik sebagai Senator. Untuk menjawab soalan yang telah dikemukakan, memang pada satu ketika dahulu apabila kerajaan telah melaksanakan banyak projek dan pihak JKR memang pada ketika itu, saya masih ingat, mereka memang tidak boleh untuk mengambil projek-projek yang telah diberikan oleh Kementerian Pelajaran. Oleh kerana itu, pada ketika itu, dicadangkan supaya PMC melaksanakan projek itu kerana kalau projek itu dikendalikan oleh PMC, maka projek itu boleh dilaksanakan dalam kadar yang lebih cepat tetapi kalau kita gunakan PMC

memang kosnya adalah sedikit tinggi tetapi *design* nya, kadar pelaksanaannya memang dapat kita pendekkan, kalau biasanya diberikan kepada pihak JKR. Terima kasih.

11. **Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan kementerian bagi mengatasi masalah terlalu ramai juruterbang MAS menyertai syarikat penerbangan lain khususnya dari Asia Barat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Emas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini MAS kini mempunyai 1,276 orang juruterbang. Dalam tahun 2004 sejumlah 63 orang juruterbang telah pun meletak jawatan. Faktor utama peletakan jawatan juruterbang MAS untuk menyertai syarikat penerbangan lain khususnya dari Asia Barat ialah tawaran gaji serta imbuhan yang lebih lumayan dari syarikat-syarikat penerbangan berkenaan. MAS ketika ini tidak dapat menandingi gaji serta imbuhan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat perlembagaan yang berkenaan.

Antara langkah-langkah yang telah dipersetujui oleh pihak pengurusan MAS adalah seperti berikut:-

- (i) tertakluk kepada prestasi perkhidmatan yang baik, MAS menawarkan *option* kepada juruterbang-juruterbang yang akan bersara pada umur 55 tahun untuk berkhidmat sehingga umur 60 tahun secara kontrak;
- (ii) menawarkan jawatan juruterbang secara kontrak jangka pendek kepada juruterbang-juruterbang serantau yang memohon kepada MAS; dan
- (iii) pengambilan sejumlah 200 juruterbang kadet tempatan setahun untuk dilatih di sekolah-sekolah latihan penerbangan tempatan dan juga luar negeri sebagai strategi dan program latihan jangka masa panjang serta mengambil juruterbang tempatan yang memenuhi kriteria syarikat.

Untuk memenuhi kekosongan jawatan juruterbang bagi operasi B 747400 dan B 737400 seramai 10 orang juruterbang dari Garuda telah dipinjamkan atau pun *secondment* dengan izin mulai minggu keempat bulan April 2005. Mereka akan

memandu pesawat B 747400 seramai 16 orang juruterbang dari pesawat B 747200 pesawat kargo yang dijual pada bulan Mei 2005 akan di serapkan kepada B 747400 flit di dalam Mei ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hampir kata Dato' Haji Kadir tadi.... Dato' Haji Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Apa pandangan Yang Berhormat adakah Yang Berhormat yakin....soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, iaitu sering kali kelewatan penerbangan MAS adakah disebabkan kekurangan juruterbang? Terima kasih.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Yang Berhormat. Kelewatan yang berlaku pada penerbangan jadual MAS terjadi kerana beberapa isu tetapi ianya tidak ada kaitan dengan kekurangan juruterbang kerana sehingga ini walaupun 63 orang juruterbang telah pun meletak jawatan tetapi ianya tidak menjejaskan prestasi MAS untuk memberi perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih.

12. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah perancangan kementerian untuk membantu pembangunan usahawan-usahawan kecil dan sederhana, terutama di kalangan pembawa teksi yang kini hanya menyewa dan menumpang permit yang sebenarnya dipegang oleh orang lain dan bagaimanakah pula tatacara untuk memastikan permit-permit yang dikeluarkan tidak pula disalahgunakan sehingga membebankan penyewa permit dan akhirnya membawa kepada penindasan ke atas penumpang.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sentiasa menggalakkan pembangunan usahawan kecil dan sederhana (MECD) melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Pengangkutan (LPKP) membuka peluang seluas-luasnya kepada pemandu teksi yang menyewa untuk memiliki lesen teksi individu dan dasar ini diteruskan pada masa akan datang berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan tersebut.

LPKP juga menggalakkan para pemandu teksi mengikuti kursus pembangunan usahawan kenderaan perdagangan bagi membudayakan ciri-ciri keusahawanan dalam diri mereka. Di samping itu dalam rancangan Malaysia Ke sembilan MECD telah merancang program bagi meningkatkan pembangunan usahawan kecil dan sederhana antaranya ialah program *groom big* di mana LPKP memilih beberapa usahawan kenderaan perdagangan yang berpotensi dan membangunkan mereka sehingga berjaya.

Bagi mengelakkan permit-permit yang dikeluarkan tidak disalah gunakan oleh penerima, LPKP telah menetapkan di bawah seksyen 19(1)(a) dan (7) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Akta 324 bahawa pemegang lesen itu atau orang yang tertentu sahaja yang boleh memandu atau mengendalikan kenderaan itu setelah mendapat kelulusan dari LPKP. Antara tindakan yang boleh diambil ialah menetapkan kriteria yang ketat dan membuat pemilihan yang teliti sebelum mengeluarkan lesen bagi memastikan hanya individu yang benar-benar layak dipilih membatalkan lesen yang dimiliki dan memindah milik kepada penyewa jika disabit dengan kesalahan. Juga mengawal kadar sewaan teksi yang sedia ada dan memastikan sewaan tersebut tidak dinaikkan supaya tidak membebankan pengguna.

13. **Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kesan pergolakan pengurusan di dalam syarikat Proton terhadap masa depan syarikat ini terutama di dalam memastikan ia mampu bersaing di persada antarabangsa selepas penerapan konsep AFTA sepenuhnya di dalam industri automobil pada tahun 2009 dan apakah persediaan yang telah dan akan diambil bagi menghadapi situasi tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut maklum balas yang diterima daripada Proton sebarang masalah pengurusan syarikat akan diselesaikan dan dipastikan ianya tidak akan menjejaskan prestasi serta daya saing di peringkat antarabangsa terutamanya selepas kemasukan industri automatif sepenuhnya di dalam skim set di dalam APTA mulai 1 Januari 2005 pada kadar duti import di antara kosong hingga 20 peratus. Kadar ini akan diturunkan kepada kosong hingga lima peratus pada tahun 2008 dan seterusnya kepada sifar peratus pada tahun 2010.

Mengikuti Proton tindakan akan terus diambil untuk meningkatkan pengurusan operasi syarikat bersama dengan penasihat khas dan pengerusi barunya. Syarikat telah merangka dan mengambil langkah-langkah berikut bagi menghadapi APTA:-

- (i) mencari rakan usaha sama yang strategi dengan syarikat pengeluar yang lain untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan menembusi pasaran luar yang kompetitif;
 - (ii) mengurangkan kos pengeluaran komponen melalui peningkatan, kecekapan dan perlaksanaan sistem pengelolaan *modular*;
 - (iii) sentiasa melaksanakan aktiviti latihan dan peningkatan kemahiran di kalangan pekerja untuk mengurangkan kecacatan pengeluaran;
 - (iv) meningkatkan lagi penggunaan automasi di mana lebih banyak robot digunakan dalam proses pengeluaran untuk meningkatkan produktiviti;
 - (v) membangun dan mereka bentuk sendiri produk bagi model baru;
 - (vi) memenuhi keperluan piawaian antarabangsa terutamanya dari segi keluaran asap, kesan hentakan dan kitar semula dan menubuhkan unit khas untuk memantau pembaikan mutu dan kualiti; dan
 - (vii) mewujudkan perkhidmatan pengguna yang lebih luas untuk mendapatkan maklum balas daripada pengguna kereta nasional.
- Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Oleh kerana Proton adalah kebanggaan kita perlulah kita mengadakan satu *business plan* dengan izin, Proton perlu ada *business plan* selama lima tahun. Adakah pihak Proton mempunyai satu jangka masa panjang menentukan hala tuju rancangan perniagaannya dalam lima tahun akan datang. Sekian Terima kasih.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih. Proton adalah sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Kuala Lumpur dan lembaga pengarah yang buat keputusan polisi syarikat. Kementerian juga di maklumkan bahawa Proton telah membuat satu strategi untuk jangka panjang masa untuk menembusi pasaran luar negara dan dari segi ini juga

kita pada tahap peringkat akhir penyediaan dan kelulusan dasar automatif negara dan strategi dan polisi yang akan menolong meningkatkan daya saing kereta nasional kita akan di umum apabila dasar automatif negara ini diumumkan dan dijangka sebelum Jun tahun ini. Terima kasih.

14. **Tuan M. Krishnan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan di dalam merealisasikan hasrat mencapai gaji minimum untuk pekerja-pekerja ladang. Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk meneliti semula kadar gaji minimum RM350 untuk membolehkan kadar ini diselaraskan dengan kadar inflasi dan kuasa pembelian pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini tiada gaji minimum yang ditetapkan bagi pekerja ladang. Gaji sebanyak RM350 yang disyaratkan itu adalah gaji asas minimum bulanan yang dipersetujui antara Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu ataupun MAPA (*Malayan Agricultural Producers' Association*) yang mewakili pihak majikan dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang, NUPW (*National Union of Plantation Workers*) yang mewakili pekerja ladang melalui rundingan perjanjian kolektif.

Kadar gaji tersebut masih berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2005 dan sebarang perubahan kepada kadar yang dipersetujui itu hendaklah dirundingkan semula antara pihak MAPA dan NUPW. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan saya. Malaysia adalah sebuah negara pengeluaran getah yang terbesar di dunia. Sepatutnya gaji penoreh getah bukan RM350 sebulan kerana ianya dianggap murah. Soalannya, adakah terdapat sumber-sumber lain selain daripada upah RM350 sebulan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bayaran gaji sebanyak RM350 sebulan adalah pendapatan minimum yang terjamin, yang telah dipersetujui di antara MAPA dan juga NUPE bagi penoreh getah dan juga pekerja-pekerja am.

Pada dasarnya upah penoreh getah adalah mengikut hasil susu getah dan sekerap yang diperolehi oleh penoreh-penoreh getah setiap hari tanpa mengambil kira bayaran tambahan seperti bonus, harga dan bayaran insentif. Pendapatan seorang

penoreh getah boleh melebihi RM1,000 sebulan malah ada yang mencapai hampir-hampir angka RM2,000 atau lebih.

Oleh itu, jika penoreh itu rajin dan menyelesaikan semua *task* ataupun semua perkara yang ditawarkan dalam sebulan oleh majikan-majikan dan juga mengambil kira pengeluaran susu getah daripada pokok getah yang berhasil tinggi, getah kering, getah sekerap yang tinggi itu dan mereka dijamin boleh mendapat pendapatan yang tinggi melebihi daripada kadar minimum gaji sebanyak RM350. Terima kasih.

15. **Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:-

- (a) adakah punca graduan menganggur berkaitan dengan mutu dan kualiti universiti serta pembelajaran tidak mengikut kehendak pasaran; dan
- (b) apakah cara untuk meningkatkan mutu dan kualiti universiti tempatan supaya graduan kita boleh terus memasuki pasaran pekerjaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan yang dikemukakan. Yang pertama, semua program yang ditawarkan di IPTA telah pun mengambil kira kehendak pasaran. Bagi setiap program baru yang hendak dilaksanakan di IPTA haruslah melalui Kementerian Pengajian Tinggi di mana program tersebut akan dinilai dan di antara kriterianya adalah bersesuaian dengan kehendak pasaran sebelum diluluskan.

Selain daripada itu, kurikulum pengajian juga dinilai semula dari semasa ke semasa dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik, penilai luar, input daripada industri bagi memastikan kurikulum program pengajian mempunyai kualiti dan juga sesuai dengan perkembangan dan pekerjaan kerja terkini.

Soalan kedua, bagi meningkatkan mutu dan kualiti universiti tempatan supaya graduan kita boleh terus memasuki pasaran pekerjaan, antara langkah yang diambil oleh kementerian ialah:-

- (i) meminta IPTA dan IPTS memasukkan elemen-elemen khusus seperti teknologi maklumat, keusahawanan dan etika dalam kursus-kursus;

- (ii) mempertingkatkan kerjasama antara kementerian dengan pihak industri, IPT dan agensi kerajaan yang berkaitan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas mengenai keperluan tenaga kerja semasa;
- (iii) menggesa IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa yang penting tanpa meminggirkan penggunaan bahasa Melayu serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah;
- (iv) cadangan kursus pengajian secara dwi-pengkhususan melalui gabungan-gabungan kursus pengajian seperti kursus pengajian Islam dan ekonomi, pengurusan dan teknologi maklumat;
- (v) mengadakan program penempatan latihan industri pelajar semasa tahun akhir pengajian di syarikat-syarikat awam ataupun swasta;
- (vi) mahasiswa diberi pendedahan dalam aspek-aspek kepimpinan (*leadership*), pengurusan dan budaya kerja di industri; dan
- (vii) mengadakan skim latihan tenaga pengajar supaya mencapai sasaran 75% tenaga pengajar di IPTA berkelulusan Ph.D atau kelayakan profesional.

Kesemua langkah tersebut telah dan akan dilaksanakan di IPT. Dengan usaha-usaha yang dijalankan ini adalah diharapkan pihak IPTA dapat melahirkan graduan yang mampu bersaing bukan sahaja di peringkat pasaran tempatan malahan juga di peringkat dunia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaacob.

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada maklumat yang diwar-warkan daripada jumlah 80,000 penganggur dan 18,000 daripadanya graduan IPT bertaraf ijazah, soalnya ialah daripada jumlah tersebut didapati 95% graduan-graduan yang menganggur ini adalah lepasan IPTA. Adakah *indicator* ini menunjukkan kelulusan IPTA kurang mendapat perhatian ataupun menyulitkan mendapat pekerjaan? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dakwaan yang menyatakan bahawa daripada laporan yang dikeluarkan oleh UPU seramai 65,890

orang di suku tahun keempat tahun 2004, memang benar 18,000 orang pelajar yang berkelulusan ijazah tidak mendapat pekerjaan lagi. Tetapi untuk kelulusan IPTA dan IPTS kadar pengangguran sebenarnya seimbang dan juga ini menunjukkan bahawa apa yang didakwa sebanyak 90% pelajar-pelajar IPTA tidak mendapat pekerjaan sebenarnya sangatlah relatif, kerana kajian itu merupakan enam bulan pengesanan selepas mereka bergelar graduan. Kebanyakan kajian yang dibuat selepas enam bulan hampir 50% pelajar-pelajar daripada IPTA telah bekerja, 19% mereka menyambung pelajaran dan selainnya menunggu pekerjaan yang sesuai. Terima kasih.

16. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Pelancongan menyatakan:-

- (a) apakah pakar agama dan Majlis Fatwa telah dirujuk apabila ibadah Islam dipergunakan sebagai produk pelancongan contohnya Fiesta Bazar Ramadhan; dan
- (b) apa buktinya ia amat berkesan dari segi menarik lebih ramai kedatangan pelancong asing ke Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, Bazar Ramadhan merupakan salah satu acara tahunan yang dirancangan oleh kerajaan sejak tahun 2000 sebagai salah satu daya tarikan pelancongan bagi menggalakkan kedatangan lebih ramai pelancong terutama pelancong asing, Malaysia semasa acara ini diadakan. Ini memandangkan pada bulan Ramadhan ramai suri rumah yang beragama Islam akan mengambil peluang ini untuk berniaga secara kecil-kecilan dengan menyediakan pelbagai juadah makanan dan minuman di merata-rata tempat.

Malah demikian membawa kepada pembentukan satu masyarakat suasana bazar yang amat menarik dan unik kerana hanya boleh terdapat di Malaysia sahaja. Kementerian Pelancongan dengan kerjasama pihak kerajaan-kerajaan negeri serta majlis agama di negeri masing-masing akan memastikan bahawa penganjuran sesuatu program atau acara itu tidak bercanggah dengan syariat yang telah ditetapkan dalam Islam.

Dengan penganjuran acara-acara sedemikian kerajaan berharap amalan dan cara hidup masyarakat Islam dapat diperkenalkan kepada golongan bukan Islam

khususnya pelancong asing. Ini secara tidak langsung dapat menonjolkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam, di mana rakyatnya yang berbilang bangsa dan agama dapat hidup aman damai serta saling hormat-menghormati sesama sendiri. Keberkesanan pelaksanaan acara Bazar Ramadhan boleh dilihat dari segi kejayaannya untuk mewujudkan satu suasana yang meriah dan menarik sejajar dengan usaha membangunkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan berpesta, berkarnival dan ceria sepanjang masa.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: *[Bangun]*

Puan Wan Ubaidah binti Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Selepas ini Puan Wan Ubaidah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya bertanyakan kenapa ia dijadikan sebagai pesta kerana dijemput artis-artis untuk mengadakan konsert termasuklah dibawa personaliti-personaliti TV3 semasa pelancaran tersebut.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan. Saya akan membawa isu tentang artis-artis yang dibawa ke konsert sempena Fiesta Bazar Ramadhan ini untuk dibawa sebagai polisi dasar di Kementerian Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu di manakah Fiesta Bazar Ramadhan ini diadakan dan adakah kemudahan-kemudahan seperti tempat solat dan tempat berbuka puasa turut disediakan untuk para pengunjung. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat. Fiesta Bazar Ramadhan ini diadakan di merata-rata tempat, di merata-rata negeri, secara khususnya kalau Yang Berhormat perlukan, saya akan dapatkan tempat dan di mana lokasinya secara tepat, secara bertulis kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL-USUL**PERLANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PEMILIH**

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Kesebelas.”

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh [Pengerusi];
2. Yang Berhormat Tuan Ir. Wong Foon Meng;
3. Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin;
4. Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam;
5. Yang Berhormat Datuk Benedict Bujang Tembak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen yang Kesebelas.” **[3 Mei 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato’ Dr. S. Vijayarajnam, sila sambung ucapan.

11.12 pg.

Dato’ Dr. S. Vijayarajnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ke Kementerian Pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Perdana Menteri bahawa Bahasa Cina dan Bahasa Tamil akan termasuk di dalam kurikulum rasmi sekolah-sekolah kebangsaan, akan diterima baik oleh semua kaum dan semua lapisan masyarakat. Ini adalah bukti bahawa kerajaan begitu serius, bukan sahaja menggambarkan sekolah-sekolah kebangsaan lebih menarik kepada semua warga Malaysia tetapi juga bahawa kerajaan begitu terikat ataupun komited kepada perpaduan negara. Selain daripada membuka satu peluang kepada murid-murid keturunan Cina dan India belajar dengan lebih teliti bahasa ibunda masing-masing, dasar tersebut akan menyuntikkan lebih keyakinan di atas sistem pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mesti mengambil perhatian bahawa Negara China dan India, termasuk India Selatan sedang berkembang menjadi jentera ekonomi yang sangat kuat dan hebat di dunia. Kita sekarang menghadapi masalah kos buruhan tinggi

di Malaysia, kepada pelabur-pelabur kita yang ingin pindah operasi perkilangannya ke India Selatan atau China, pengetahuan bahasa Mandarin atau Tamil akan menjadi satu manfaat yang bernilai apabila berniaga di sana.

Saya harap selepas permulaan pengajaran bahasa Cina dan Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan, murid-murid Melayu digalakkan belajar satu bahasa daripadanya. Pada ketika ini, murid-murid keturunan Cina dan India boleh bercakap tiga bahasa iaitu bahasa ibunda, Inggeris dan bahasa Malaysia. Murid-murid keturunan Melayu, Inggeris dan bahasa Malaysia sahaja tetapi saya mengakui bahasa mereka pun diajar bahasa Arab.

Saya percaya jika murid-murid Melayu belajar Mandarin atau Tamil, ia akan membantu proses integrasi kebangsaan ataupun perpaduan. Pengetahuan bahasa kaum lain salah satu kunci kepada kefahaman kebudayaan, adat dan sejarah kaum itu. Semasa pelaksanaan dasar yang terpuji ini, kerajaan diminta mengatasi masalah kekurangan guru-guru bahasa. Satu cara ialah menggunakan guru-guru sementara dengan tujuan jangka masa panjang untuk mengambil guru-guru yang layak dan terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sekolah-sekolah jenis kebangsaan tidak rasa diancam oleh dasar tersebut dan tidak akan diketepikan, SJK(C) dan SJK(T) ada penyokong dan pasarannya sendiri. Saya minta pihak kerajaan membiarkan sekolah-sekolah itu terus berfungsi dan bantuan diberi macam dahulu. Kita tidak boleh tinggalkan sekolah-sekolah ini. Apa yang mustahak, apa yang diutamakan ialah yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan dan juga Akta Pendidikan iaitu kewujudan kebebasan pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap sedikit tentang media massa. *Lord Chancellor Thomas 'Erskind'*, pada suatu ketika telah menyebut. Minta izin.....

Tuan Yang di-Pertua: 'Erskind' atau Erskine?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Erskine 'Erskind', Erskine. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak berapa pasti.

Tuan Yang di-Pertua: Memang benarlah k-i-n-e itu biasanya disebut '*kind*' tetapi mungkin Erskine bila disebut.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih. Saya minta kebenaran menyebut dalam bahasa Inggeris. "*A press must be free, it has always been so and much evil has*

been corrected by it. If government finds itself annoyed by it, let it examine it's ate own conduct and it will find the cause."

Terjemahannya, lebih kurang, Tuan Yang di-Pertua, "*Media masa mesti bebas, selalu begitu dan banyak yang buruk dan jahat telah dibetulkan melalui media masa. Jika kerajaan marah di atas apa yang dicetak di surat-surat khabar, kerajaan harus memeriksa dirinya sendiri dan tentu akan mendapat jawapannya."*

Saya sungguh minat , Tuan Yang di-Pertua, di atas pertengkaran baru-baru ini di antara sahabat-sahabat di Dewan Rakyat dengan satu surat khabar Inggeris terkenal apabila rencana terlibat dibaca, pandangan sayalah, tidak ada kandungan yang begitu kurang manis yang boleh menghasut serangan oleh dua atau tiga Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, surat khabar di negara kita, akan melapur apa yang terjadi dan apa yang berlaku, itu tanggungjawabnya. Saya percaya ia tidak akan menulis apa yang tidak berlaku atau cerita bohong. Walau bagaimanapun,

Dato' Dr. Chin Fook Wing: Saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Wing

Dato' Dr. Chin Fook Wing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk bila seorang Ahli bangun.

Dato' Dr. Chin Fook Wing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan laporan surat khabar, apakah pendapat Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam tentang laporan di akhbar Indonesia yang menyatakan Timbalan Perdana Menteri kita telah memohon maaf dan ini kononnya datang dari atase *military* di Kedutaan Indonesia, sungguhpun orang yang berkenaan telah menafikan dia bercakap dengan surat khabar. Selepas itu, sungguhpun kita minta surat khabar itu memohon maaf, tidak ada apa yang telah berlaku dan adakah sikap sedemikian patut dipertahankan dengan menyatakan kita mahu kebebasan media. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cakap tadi surat khabar tulis segala yang benar, Yang Berhormat yang satu lagi kata ada juga mereka tulis yang tidak benar.

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Dato' Dr. Chin Fook Weng. Tadi saya kata surat khabar di negara kita, saya percaya

ada perbezaan surat khabar negara kita daripada surat khabar negara lain dan saya akan sentuh.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang mereka tulis mengenai Presiden Parti Gerakan itu benarlah.....*[Ketawa]*.....

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Itu salah kata.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Pertama saya hendak buat teguran tentang penggunaan bahasa dan ini pun boleh dimainkan juga oleh surat khabar. Yang Berhormat ada menyebutkan pertengkaran Ahli-ahli Parlimen, pertengkaran - ya semua orang mendengar pertengkaran. Saya ingat di Parlimen ini lebih baik menggunakan bahasa perbahasan bukan pertengkaran, jadi bertengkar ini macam budak-budak berkelahi. Saya ini teguran sayalah kalau boleh diterima. Itu yang pertama.

Yang kedua tentang surat khabar ini, saya ambil pepatah Arab dia kata fasal, khabar itu pun bahasa Arab, surat khabar, khabar itu bahasa Arab. Arab kata*[bercakap dalam bahasa Arab]*..... Sama ada boleh terima ataupun tidak saya itu lain fasal. Khabar itu boleh jadi dia betul dan boleh juga jadi tidak betul. Boleh jadi dia benar dan boleh jadi tidak benar, maka sifat surat khabar itu kadang-kadang ada yang benar, ada yang tidak benar.

Mungkin apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat saya ini ada unsur-unsur tidak benar, tidak betul dan mungkin juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memperkukuhkan bahawa semua surat khabar itu betul tetapi saya berdiri surat khabar yang katakan khabar itu ada yang betul, ada yang tidak betul. Saya mohon sama ada setuju ataupun tidak dengan pandangan saya itu. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti bagi Yang Berhormat selesaikan satu perkara dahulu.

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Ustaz Hassan bin Shukri. Apa yang dicetak di dalam sesuatu surat khabar itu terpulung kepada pembacanya. Kalau dia mahu terima atau tidak terima. Macam saya kata tadi saya merujuk kepada surat khabar di Malaysia dan pandangan saya cerita-ceritanya betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekarang di kalangan Ahli-ahli Parlimen susah sedikit hendak bertahan surat khabar ini.....[Ketawa].....

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Tadi fasal penggunaan perkataan bertengkar. Pertengkaran itu bukan di antara Ahli-ahli Parlimen tetapi dengan surat khabar di antara Ahli-ahli Parlimen itu saya kira perbahasan sahaja. Oleh kerana ini terkeluar di surat khabar

Tuan Yang di-Pertua: Perkataannya pertelingkahan.

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mohon laluan tadi.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apa pandangan Yang Berhormat. Adakah akhbar-akhbar kita di Malaysia ini yang terbaik di dunia kerana pada pandangan saya, media massa kita ini lebih minat untuk menulis tentang berita-berita sensasi lebih daripada apa yang di cakap oleh Ahli-ahli Dewan Negara atau Ahli Parlimen untuk kebaikan rakyat.

Misalnya kalau ada pemimpin-pemimpin tertinggi bertelingkah sesama mereka, maka akan dimasukkan di dalam surat khabar dan kadang-kadang ada pemimpin yang belum lagi jatuh salah didapati bersalah kerana sensasi daripada akhbar-akhbar. Apakah pandangan Yang Berhormat bahawa akhbar kita terbaik di dunia, terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh jadi seorang hakim, tengok surat khabar mana yang baik atau jika surat khabar kita yang paling baik di dunia tetapi nampaknya surat khabar kita yang *main stream*, yang utama bagus juga laporannya dan boleh dikatakan *balance*.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat selesaikan usulnya.

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Okey, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Jins Shamsudin: Saya ingin menarik perhatian, terima kasih Yang Berhormat, tentang laporan akhbar mungkin kita pergi kepada akhbar dan kadang-kadang kepada penulisnya, pengarangnya. Barangkali ini juga harus diperlihatkan dan tidak boleh kita menuduh hanya surat khabarnya tetapi pengarangnya kadang-kadang.

Sebagai contoh baru-baru ini di Dewan yang mulia ini, saya telah menegur berhubung dengan gosip. Saya tidak mengatakan gosip diharamkan tetapi besoknya keluar surat khabar *front page main stream*, "Datuk Jins Shamsudin meminta supaya gosip diharamkan", itu adalah laporan yang salah kerana mereka barangkali tidak membuat *homework* dan yang dihantar ke sini, barangkali yang tidak bertanggungjawab sebab itu terjadi. Barangkali perkara ini Yang Berhormat bersetuju atau tidak. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin. Memang ada juga ketika di mana surat khabar boleh salah sebut atau *mis quote*, apa yang dicakapkan oleh seorang Yang Berhormat Ahli Parlimen atau sesiapa pun tetapi saya percaya jika berlaku begitu boleh berhubung dengan surat khabar tersebut dan minta mencetak pembetulannya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat saya *quote authority* tadi, saya terlupa sama ada *Khalai* atau *Berq* yang gunakan ungkapan *the forth as state*. Surat khabar atau media sebagai *the forth as state* mempunyai peranan dan tanggungjawab sebagai *custodian* kepada demokrasi dan kalau liputan tidak objektif dan tidak merupakan *fair comment*, apa pula pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *The forth as state* tersebut pun sudah jadi satu cerita novel kalau tidak salah oleh *Frederick Forsyth* dan di mana beliau beri pandangan bahawa surat khabar atau media massa sudah jadi satu senjata yang kuat di dunia, kerajaan, tentera dan satu lagi ialah *a forth protocol* iaitu surat khabar dan media massa boleh menukar suasana di dunia pun, boleh ada kesan yang besar di atas pandangan-pandangan orang dan juga boleh menghasutkan macam-macam.

Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sudah hilang, okey. Walau bagaimanapun seorang penulis mempunyai hak menyampaikan pandangannya terutama sekali macam mana perkara-perkara tersebut diterima oleh pembaca-pembaca dan pembaca-pembacanya terdiri daripada rakyat yang lebih dididik pada zaman sekarang. Persepsi orang awam itulah yang penting.

Apa sebab-sebab untuk mereka berasa marah atau tidak puas hati di atas rencana tersebut khasnya Ahli-ahli Parlimen dari pembangkang.

Pembangking yang sentiasa buat aduan dan menangkis bahawa media massa kita tidak bebas. Tetapi apabila menulis cerita itu, Yang Berhormat Ketua Pembangking yang bising paling kuat. Kepada saya komen-komen yang ditulis adalah betul dan bahasanya pun sederhana. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca cerita-cerita atau artikel politik di surat khabar di United Kingdom, atau India, atau Filipina, bahasanya kadang-kadang kasar dan serangan-serangan di atas individu Ahli-ahli politik, Ahli-ahli Parlimen, Menteri-Menteri, sungguh kuat dan memburukkan imej. Di United Kingdom, baru-baru ini, pihak pembangking konservatif sudah buat tuduhan bahawa Perdana Menteri Blair seorang pembohong dan keluar di *news paper*. Jika,.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam ingatan untuk supaya kita dalam Dewan Negara berlaku adil kepada mereka dalam Dewan Rakyat. Yang menjadi heboh ialah penggunaan tiga perkataan yang tidak tepat, *rampage*, *untouchable* dua perkataan yang tidak tepat, inilah isunya di Dewan Rakyat. Jadi, saya tidak mahu dikatakan Dewan Negara ini tidak sensitif, bahas mengenai perkara-perkara yang mereka tidak tahu dengan mendalam. Jadi, itu sahaja sumbangan saya, memprotes mereka terhadap penggunaan perkataan *rampage* dan *untouchable* yang tidak langsung tepat pada pandangan mereka.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Memang betul, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya laporkan apa yang dicetak oleh surat-surat khabar di luar negara. Jika berbanding dengan semua ini, surat khabar di Malaysia cukup sopan dan berbudi bahasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Sebenarnya saya percaya majoriti Ahli-ahli Parlimen kita di Dewan Rakyat cukup sopan dan *gentleman* dan memberi tumpuan penuh kepada isu-isu semasa dan masalah rakyat termasuk pendidikan, pembangunan, ekonomi, alam sekitar, dasar luar negara dan keselamatan dalam negeri dan sebagainya. Di dalam perbahasannya jika ada lawak jenaka atau pantun kadang-kala, ini baik dan akan memberi sedikit hiburan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun, kita harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menggunakan perkataan-perkataan kasar atau lucah, menyentuh perkara-perkara yang sensitif atau kurang penting, atau serangan individu iaitu *personal attacks*.

Kebebasan media massa terikat dengan tanggungjawab. Apabila satu isu atau masalah didedahkan, bukankah baik untuk wartawan-wartawan yang laporkannya mencadangkan cara-cara mengatasi masalah tersebut dengan bahasa yang baik. Bukan selalu hentam sahaja, mesti ada sedikit tanggungjawab memberi cadangan macam mana mengatasi *problem* itu. Jika, kita tidak setuju dengan apa yang ditulis oleh *journalist-journalist* kanan, kita pun boleh mengeluarkan pandangan dan jawapan kita melalui media massa tetapi jika pandangan-pandangan surat khabar betul, isu atau masalah mesti dibaiki. Kalau seorang besar atau seorang penting mengakui kesalahannya dan meminta maaf tentu itu akan dikagumi oleh rakyat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat satu lagi *quotation* oleh penulis terkenal di England pada awal abad yang lepas iaitu Sir Author Conan Doyle.

Di dalam sebuah cerita *Sherlock Homes*, cerita detektif dan di dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "There is the scarlet thread of murder running through the colourless skein of life and our duty is to unravel it, isolate it and expose every inch of it." Terjemahannya, lebih kurang ialah di dalam kehidupan harian wujud benang-benang merah jenayah pembunuhan dan adalah tanggungjawab kita untuk mencarinya, mengasingkannya dan mendedahkan kesemuanya. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga benang-benang rasuah menjangkitkan lapisan-lapisan masyarakat Malaysia. Sudah menjadi tanggungjawab tiap-tiap warga mengenal pastinya dan melaporkannya kepada pihak berkuasa. Malangnya rasuah telah wujud di aspek-aspek tertentu di dalam kehidupan tiap-tiap hari.

Orang yang marah dan bising di atas pelbagai masalah dan kekurangan nampaknya tidak mengambil berat perkara rasuah. Tuan Yang di-Pertua, ini sikap yang salah. Jika tidak mengambil perhatian, akar-akar rasuah akan bertambah dalam dan besar lagi seperti akar pokok-pokok besar. Ia akan sampai satu tahap di mana tidak boleh dimusnahkan. Sekarang ialah masa untuk mencegahnya dengan serta-merta. Tuan Yang di-Pertua, kita selalu dengar lebih banyak cerita dan kalau ada asap mesti ada api, there is no smoke without fire, dengan izin. Ada cerita mengenai pelan-pelan yang walaupun betul dan lengkap mengikuti semua peraturan-peraturan tetapi tidak dapat diluluskan hingga sumbangan diberi. Ada cerita pengurusan berjenis-jenis

melibatkan jabatan-jabatan kerajaan yang memerlukan insentif kewangan untuk bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh dua peristiwa yang membebankan atau memburukkan imej negara. Satu ialah masalah kekurangan diesel dan satu lagi ialah berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan. Sistem subsidi diesel telah pun wujud beberapa tahun, di mana ada dua harga, satu untuk perkilangan, perindustrian dan sebagainya, lebih kurang RM1.40 satu liter dan juga satu lagi untuk kenderaan-kenderaan awam, nelayan, petani dan sebagainya, harga itu lebih kurang RM0.88 seliter. Tetapi, mengapakah masalah timbul sekarang. Sistem tersebut pun telah dijalankan dahulu dengan sedikit masalah sahaja.

Nampaknya ini adalah masalah penguatkuasaan, di mana minyak diesel bersubsidi dicuri atau diseludupi dan dijual kepada mereka yang tidak layak. Persepsi orang awam dan ada ramai yang menceritakan kepada saya, keadaan ini disebabkan oleh rasuah. Apabila semua kemungkinan telah dibatalkan, tinggal sahaja rasuah. Kita boleh mencadangkan bermacam-macam cara untuk mengatasinya, tetapi yang nombor satu, mencegah rasuah di peringkat yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, dalam surat khabar *New Straits Times*, 25 April ada satu laporan di muka hadapan yang mengejutkan. Untuk RM600 sesiapa pun boleh membeli lesen memandu komersial. Mengikut ceritanya yang ditulis oleh seorang wartawan yang menyiasat, lebih kurang 100 buah sekolah memandu mampu menganjurkan atau *fix* keputusan peperiksaan. Walaupun yuran biasa untuk kursus dan peperiksaan tersebut ialah RM70, keputusannya dapat diubah supaya menjamin (guarantee) kelulusan untuk tambahan RM400. Semua ini Tuan Yang di-Pertua, di dalam laporan *New Straits Times*.

Calon-calon hanya duduk di dewan peperiksaan dan menghantar kertas jawapan yang kosong, jawapan-jawapannya akan diisi oleh pihak-pihak tertentu dan dijamin lulus keputusannya. Tidak hairanlah perangkaan-perangkaan kemalangan, kenderaan pengangkutan awam dan komersial tinggi di negara ini. Pada satu atau dua tahun yang lepas ada pula cerita lesen terbang iaitu lesen-lesen pemandu yang dikeluarkan tanpa peperiksaan dan ujian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan situasi begini apakah kesimpulan yang dilihat oleh orang ramai? Apakah hakikatnya ia sekali lagi menimbulkan gejala rasuah? Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak tertentu di sektor swasta pun telah dirosakkan oleh gejala rasuah. Malangnya kewujudan syarikat-syarikat korporat tidak mengikut cara-cara beretika di dalam operasinya dan pihak-pihak yang membuat pemantauan pun diam sahaja.

Promosi dan perpindahan pegawai-pegawai tidak mengikut garis panduan-garis panduan yang sedia ada. Prosedur-prosedur kewangan yang kurang elok atau tidak mengikut undang-undang telah disembunyikan. Bukan semua yang terlibat tetapi ada juga di sana sini dan jika tidak dikawal akan terus meningkat. *Where is a good corporate governance* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini akan menurunkan imej negara dan pelabur asing akan berasa curiga bila datang ke sini. Macam mana boleh kita mencipta satu suasana yang menunjukkan bahawa Malaysia adalah tempat menarik untuk pelabur-pelabur asing, suasana yang bebas daripada rasuah? Mengapakah rakyat kita dan individu payah melaporkan perbuatan-perbuatan rasuah? Adakah mereka takut atau risau bahawa boleh jadi mereka akan dimangsakan atau victimize dengan izin? Kita mesti mengambil satu sikap yang positif, kalau lebih orang mengenal pasti dan melaporkan kesalahan rasuah kepada BSN dan pada satu ketika jika ada ramai aduan-aduan tentu ada kesannya yang baik. Jangan kita takut, yang merasa takut diugut dialah penjenayah-penjenayah rasuah. Untuk

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, BSN sudah tidak wujud lagi, yang ada sekarang ialah BPR!

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Oh, minta maaf, Biro Pencegah Rasuah. Untuk perlakuan rasuah mesti ada dua pihak yang menawarkan dan yang menerima, yang beri rasuah itu biasanya seorang awam dengan kepercayaan bahawa sesuatu urusan tidak akan dilaksanakan tanpa duit kopi. Melanjutkan proses ini akan melancarkan satu pusingan buruk atau pun vicious cycle yang payah dihentikan. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada rakyat kita yang disayangi jangan memberi rasuah, jika semua warga negara bekerjasama jenayah ini akan hilang, saya percaya keadaan di mana semua jentera dan pentadbiran kerajaan akan berhenti oleh kerana tidak ada rasuah, tidak akan menjadi dan tidak boleh - semua rakyat akan mogok.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghadapi masalah rasuah. Pendirian pemimpin-pemimpin sangat penting dan boleh dikatakan “tombak pertama yang dibaling dalam perang” ini, ia akan mengancamkan mereka yang mengamalkan rasuah kerana tentu mereka takut kepada pemimpin yang bersih seperti Pak Lah. Walau bagaimana pun nilai-nilai dan pandangan beliau harus diturunkan kepada semua lapisan pentadbiran awam dan swasta dan berkehendakkan atau semangat politik sangat mustahak - political will is very important dengan izin. Saya harap juga tidak ada kekurangan tenaga atau pembiayaan untuk membina penguatkuasaan yang berkesan untuk mencegah aktiviti-aktiviti rasuah. Pengenalpastian dan pendakwaan harus dijalankan dengan cekap dan cepat. Jika pengubahan undang-undang baru perlu untuk BPR menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih kesan, saya harap Parlimen akan mengambil perhatian. Sebenarnya kerajaan boleh.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Ir. Wong Foon Meng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Siti Zailah bangun.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Sila.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Saya amat tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat tentang isu rasuah yang sedang menular dalam negara kita, yang kita lihat mutakhir ini ialah laporan rasuah dan tangkapan rasuah yang semakin meningkat tetapi yang malangnya ialah pendakwaannya terlalu kecil dan kita lihat kes-kes pendakwaannya hanyalah kes-kes yang terpilih. Kita lihat bagaimana satu ketika dahulu, bagaimana Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim yang telah menyatakan ada 18 kes rasuah yang berprofil tinggi yang mana sehingga sekarang masih tidak ada tindakan yang diambil dan apa pandangan Yang Berhormat sekiranya perkara ini terus berlaku, kita tidak akan berjaya mencapai target untuk rasuah sifar dalam negara kita.

Kita lihat sekarang ini BPR masih tidak di bawah jawatankuasa Parlimen jadi adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya BPR ini terus kita letak di bawah Parlimen supaya segala laporan berkenaan dengan rasuah dan sebagainya dapat dibentangkan

kepada rakyat dan supaya rakyat dapat menilai. Bukan kes-kes yang terpilih yang mungkin ada kepentingan politik di sana, jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini? Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Saya percaya tidak ada pilihan apabila kita mendakwa satu kes rasuah seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukan kita suka-suka boleh menjalankan proses pendakwaan untuk rasuah mesti ada buktinya, evidence dan sebagainya. Jangan kita suka-suka cakap, ini orang ini rasuah dan bawanya ke mahkamah. Ada juga boleh dikatakan oleh orang tinggi dan dituduhkan dan didakwa ada seorang menteri ada seorang pakar industri dan ada juga dua orang bekas ADUN dan sebagainya.

So, untuk soalan yang kedua ialah tentang BPR, ini adalah perkara yang saya bahas sekarang iaitu, jika memerlukan pengubahan undang-undang untuk memberi lebih kuasa kepada BPR, itu pun baik dan kerajaan boleh cadangkan macam-macam atau mengadakan satu suruhanjaya bebas *anti corruption* macam di Hong Kong, ini semua adalah cadangan kepada kerajaan.

Sebenarnya kerajaan boleh melaksanakan usaha-usaha lain sampai isu rasuah dapat diatasi, minta maaf, sebenarnya kerajaan boleh memperlahankan usaha-usaha lain sampai isu rasuah diatasi dan dibasmi. Apabila pentadbiran di sektor awam dan swasta lebih bersih, semua dasar dan usaha-usaha kerajaan akan dilicinkan dan mudah dilaksanakan dan disampaikan untuk kebaikan rakyat.

Dalam perang anti rasuah, penglibatan dan kerjasama orang-orang awam sangat penting, sebaliknya BPR harus rahsiakan nama dan butir-butir sesiapa yang membuat aduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta perkara akhir dalam ucapan saya, dalam Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku pun menyentuh perkara dasar luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa kecewa di atas satu sikap permusuhan yang diambil oleh surat khabar-surat khabar tertentu di Indonesia berkenaan dengan Malaysia. Ini menyedihkan kerana kedua-duanya adalah di antara negara-negara yang menubuhkan ASEAN pada tahun 1967. Kedua-duanya mempunyai ciri-ciri yang serupa

seperti bahasa, agama, kebudayaan, makanan dan sebagainya. Boleh dikatakan juga bahawa Malaysia dan Indonesia memerlukan satu sama lain. Maka dengan dukacitanya kita lihat media massa telah membesar-besarkan perbezaan pandangan kedua-dua pentadbiran di atas hak mencari gali minyak mentah di pentas Ambalat ND6 dan ND7 di Laut Sulawesi.

Sebenarnya ini adalah oleh sebab sedikit salah faham macam, Tuan Yang di-Pertua sebelum ini saya ada berbahas tentang kebebasan media massa, tetapi kebebasan itu mesti ada tanggungjawab. Jika mereka suka-suka laporkan sahaja, ini satu yang tidak boleh diterima dan tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah kerana sedikit salah fahaman saja tetapi surat khabar-surat khabar tersebut di Indonesia mengapi-apikan isu ini. Laporan-laporannya telah menghasut kebencian ke atas Malaysia dan menyebabkan satu kumpulan rakyatnya menunjukkan perasaan dengan sengit, *violence demonstration* dengan izin dan membakar Jalur Gemilang kita yang disayangi di Jakarta, akibatnya ialah suasana ketidakpuasan hati dan tegang. Boleh jadi tulisan-tulisan yang menghasut Angkatan Laut Republik Indonesia menjalankan pergerakan-pergerakan yang mengancam kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia di kawasan yang dipertikaikan itu ataupun *disputed area*, dengan izin.

Di atas kenyataan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri telah meminta maaf daripada seorang diplomat Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur, ini adalah kenyataan yang tidak benar. Tiada sebab untuk minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, adakah sikap media massa di Indonesia disebabkan oleh tindakan tegas yang baru diambil untuk mendesak beribu-ribu pekerja Indonesia tanpa izin pulang ke negara mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya harap semuanya dapat diselesaikan melalui dialog di antara kedua-dua kerajaan, bukan melalui kuasa senjata. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kita di atas kesabarannya terhadap isu tersebut. Bukankah lebih selesa merujuk pertengkar ini ke Lembaga Penimbangtara Pihak Tiga ataupun *Third Party Arbitration*, dengan izin atau Undang-undang Laut Antarabangsa, *International Law of the Sea* dengan izin, atau Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu di atas Undang-undang Lautan 1982, *United Nation Convention*

on the Law of the Sea. Ada juga Mahkamah Antarabangsa di Hague, ini akan menunjukkan kesopanan dan sikap bertoleransi dan bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun merasa sedih di atas sikap media massa Indonesia, apabila diambil kira bantuan besar yang disampaikan oleh Malaysia kepada mangsa bencana Tsunami 26 Disember 2004 di Aceh. Dan baru-baru ini selepas gempa bumi di Pulau Nias, Sumatera, kerajaan kita, NGO-NGO dan individu-individu telah menyumbang dan berkorban untuk menyampaikan makanan, air minuman, ubat dan wang tunai. Ada yang sendiri pergi dan tolong-menolong di kawasan terlibat.

Beribu-ribu warga Indonesia berfaedah dan berterima kasih, maka sikap kurang persahabatan dan tidak mengenang budi yang ditunjuk oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab kita tidak boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa majoriti rakyat Indonesia tidak akan percaya semua yang diceritakan di surat khabar-surat khabar di sana. Dan mempunyai kebijaksanaan untuk mengiktiraf apa hakikatnya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya Menjunjung Kasih Di Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayratnam. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad Zarkashi.

11.59 pagi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Di Dewan yang mulia ini izinkan saya juga untuk menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda kerana turut prihatin untuk memperkukuhkan lagi sistem demokrasi Raja Berperlembagaan yang kita amalkan selama ini.

Negara kita terus aman, negara kita terus aman dan terus harmoni, hak istimewa orang Melayu tetap terpelihara, kesucian agama Islam tetap dipertahankan di samping kita terus memberikan keadilan kepada kaum yang lain dan apatah lagi memelihara kebebasan beragama.

Kita bersyukur kerana Peristiwa 13 Mei tidak pernah berulang lagi. Rakyat sudah semakin matang untuk menghadapi suasana politik yang semakin mencabar. Oleh itu saya juga turut menyanjung kepada sikap rakyat yang terus bertanggungjawab kerana tidak mudah dipengaruhi oleh sebarang hasutan, fitnah dan juga cerita-cerita bohong. Apatah lagi dalam usaha kerajaan untuk menjayakan pendekatan Islam Hadhari, khususnya semua pihak harus menerima dan menyokong pendekatan ini.

Wawasan 2020, pelaksanaan beberapa syariat Islam seperti membasmi kemiskinan, penguasaan sains dan teknologi, memberikan pendidikan dan menguasai ilmu pengetahuan adalah sebahagian daripada pendekatan-pendekatan Hadhari yang perlu kita sokong.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada aspek penting yang disentuh dalam Titah Diraja ialah usaha kerajaan untuk memajukan sektor pertanian sebagai sumber moden, sebagai sumber utama untuk meningkatkan lagi ekonomi negara kita. Oleh kerana bidang bioteknologi menjadi asas utama, maka saya ingin menyentuh tentang penggunaan bioteknologi dalam memajukan sektor komoditi seperti mana yang dititahkan di dalam Titah Diraja tempoh hari.

Kita adalah negara industri bioteknologi kesembilan terbesar di rantau Asia Pasifik. Justeru, saya menyokong penuh usaha kerajaan kerana memberikan tumpuan yang sewajarnya terhadap perkembangan industri-industri yang berasaskan kepada bioteknologi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah melancarkan Dasar Bioteknologi Negara dan sekali gus mengumumkan penubuhan, dengan izin, Malaysian Biotechnology Corporation pada Persidangan bilion-Malaysia 2005 di Putrajaya baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, ini bukanlah kali pertama sebenarnya Malaysia gah dengan projek-projek bertemakan bioteknologi. Kita berharap dengan adanya kesungguhan kerajaan kali ini, maka kita akan dapat melonjakkan lagi sektor ini untuk menjadi pemaju pembangunan negara di masa akan datang. Fokus kerajaan terhadap bioteknologi bermula sejak tahun 1980-an lagi. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan masih ingat kepada projek *BioValley* yang mula-mula difikirkan pada tahun 2001 dan dilancarkan oleh matan Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir pada 20 Mei 2003. Pada masa tersebut disasarkan untuk mengumpulkan pelaburan daripada

sektor swasta sebanyak USD10.5 bilion daripada 150 hingga 200 syarikat dan menyediakan sebanyak 15 ribu peluang pekerjaan untuk tempoh lima tahun.

Persoalannya, setelah empat tahun, apa hasilnya? Setakat ini hanya tiga syarikat sahaja yang telah membuka kilang-kilang mereka dalam kawasan *BioValley* yang dikatakan seluas 800 hektar itu. Dan kini berita mengenai *BioValley* tinggal senyap sepi sahaja. Hakikatnya Malaysia telah ketinggalan 20 tahun dalam industri bioteknologi tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita masih belum terlewat untuk menyertainya.

Saya percaya kerajaan tidak mahu membiarkan pisang berbuah dua kali. Cukuplah dengan *entertainment village* yang dibelanjakan sebanyak RM3 bilion tetapi kini tinggal terbengkalai di Cyberjaya. Akibatnya kita harus mengakui bahawa banyak pemerhati dan pelabur-pelabur asing cukup berhati-hati dengan setiap apa yang diwar-warkan oleh kerajaan. Justeru, usaha kerajaan harus dilipatgandakan untuk memastikan imej Malaysia di mata dunia tidak lagi tercemar oleh janji-janji kosong.

Saya setuju dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh Dato' Dr. S. Vijayaratnam sebelum ini bahawa kerajaan mesti mengambil langkah berhati-hati untuk melaksanakan visi bioteknologi ini kerana di Amerika Syarikat, di Eropah dan di United Kingdom, mereka mengambil masa selama 30 tahun untuk menjadi matang dalam bidang bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan itu saya berharap kerajaan mempunyai visi yang lebih jelas sebenarnya tentang penglibatan mereka dalam sektor bioteknologi ini. Kalau kita melihat jiran kita, Singapura, kerajaan mereka memberikan mandat yang jelas, dengan izin, kepada Economic Development Board (EDB) untuk menumpukan perhatian kepada sektor bioteknologi yang hanya berkaitan dengan kesihatan ataupun *life sciences* dan sudah menjadi dasa mereka semenjak tahun 2000 untuk menjadikan sektor *life sciences* ini salah satu daripada tonggak ekonomi mereka.

Maka dengan mandat itu EDB di Singapura ingin membelanjakan sebanyak SGD1.9 bilion untuk lima tahun akan datang dan mengkhususkan sebanyak SGD550 juta untuk syarikat-syarikat tempatan Singapura turut serta dalam pengembangan sektor ini. Singapura juga berjaya menarik nama-nama besar dalam industri *life sciences* ini seperti Allen Coleman iaitu *scientist* yang berjaya mengklonkan kambing biri-biri yang bernama "Dolly". Ardisson Dew, seorang pakar penyelidik utama di Institut Kanser

Amerika Syarikat serta keseluruhan daripada *team*, pasukan penyelidik Yoshiyaki Itto daripada Kyoto University.

Badan kerajaan utama untuk penyelidikan saintifik di Singapura seperti Ace Star telah menawarkan sumbangan biasiswa sebanyak SGD286 juta untuk para pelajar melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negara untuk bidang sains *biomedic* ini. Pendek kata untuk Malaysia bersaing hebat dalam era globalisasi, Malaysia juga harus mengatur perancangan rapi dan *holistic* untuk menarik dan merangsang bakat-bakat bertaraf dunia untuk datang bertapak di sini. Setakat bercerita tentang kos buruh yang murah di Malaysia tidaklah cukup untuk menarik minat bakat-bakat bioteknologi yang dikehendaki. Mereka pasti mempersoalkan kekurangan sumber manusia yang berkemahiran tinggi serta graduan-graduan yang berkelulusan peringkat Ph.D dalam bidang bioteknologi.

Saya mencadangkan, tidak salah sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, jika kita membawa para pekerja dan penyelidik terbaik dalam bidang bioteknologi untuk mengisi kekosongan yang ada, sekurang-kurangnya untuk seketika. Negara-negara Barat sebenarnya turut mengundang ramai penyelidik daripada Asia dan Afrika untuk mengisi makmal penyelidikan mereka.

Saya berharap UPM sebagai contohnya, mestilah memberikan satu pengkhususan sebagai *research university* dalam bidang bioteknologi ini dan melahirkan ramai para graduan yang berkualiti dan juga kerajaan mesti menyediakan peruntukan dan dana yang cukup untuk menyediakan biasiswa-biasiswa kepada pelajar-pelajar yang mengkhusus dalam bidang penyelidikan bioteknologi ini.

Saya mengesyorkan dialog Selatan-Selatan menjadi medan pengiklanan untuk kita menarik tenaga penyelidik bioteknologi daripada kawasan Asia dan Afrika. Infrastruktur komunikasi maya seperti mana yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda juga patut diberi perhatian jikalau penggunaan komunikasi jalur lebar (*broadband*) hanya 0.1% sahaja. Pelabur tidak akan yakin kepada kemampuan kita untuk menyediakan infrastruktur komunikasi yang berpatutan untuk mereka menjalankan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa berbanding dengan negara-negara lain di rantau Asia ini masih banyak yang perlu dilakukan. India dikatakan mempunyai industri bioteknologi yang agak baru tetapi India pun masih boleh

menubuhkan lebih kurang 52 syarikat-syarikat bioteknologi yang mana 30 daripada mereka hanya tertubuh selepas 1998. Pada tahun lepas, India mampu untuk melahirkan IPO terbesar mereka untuk sebuah syarikat bioteknologi dengan nilai pasaran USD1.2 bilion, sedangkan Malaysia hanya baru melahirkan IPO pertama di MESDAQ pada bulan lepas untuk Equator Life Sciences Berhad. Malah dana pelaburan tempatan untuk bioteknologi oleh Spring Hill Ventures yang sebahagiannya dipunyai Khazanah Nasional hanya aktif melabur di India, seolah-olah Malaysia ketandusan syarikat-syarikat yang mempunyai produk bioteknologi yang berpotensi.

Oleh itu saya ingin mengesyorkan agar lebih banyak perhatian diberi kepada teknologi-teknologi baru yang lebih canggih demi menaikkan taraf industri bioteknologi di negara ini di mata dunia. Setakat ini Malaysia hanya berbangga dengan pengeluaran minuman seperti kacang fatimah, tongkat ali dan ubat ulam pegaga sahaja seolah-olah kita tidak mampu untuk mengeluarkan produk ataupun teknologi yang lebih tinggi nilainya. Usaha-usaha seperti Syarikat Guthrie untuk mengeluarkan klon kelapa sawit yang boleh meningkatkan pengeluaran sebanyak 30% seharusnya diwar-warkan di media massa antarabangsa.

Dalam membincangkan sektor pertanian moden ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan kembali projek pertanian moden yang saya sentuh dalam soalan lisan tadi yang tidak dijawab oleh Menteri Pertanian. Terdapat satu projek pertanian moden di Ayer Hitam yang dinamakan atas projek penternakan *ostrich* ataupun burung unta yang dilancarkan oleh matan Perdana Menteri kita yang melibatkan jumlah kos pertanian moden ini adalah puluhan juta.

Tetapi apa yang mengejutkan ialah dalam senarai perjanjian projek tersebut, pengusaha juga dibenarkan untuk menternak apa yang dinamakan sebagai *exotic fed*. Sebab itulah apabila kita datang melawat ke tempat perusahaan tersebut didapati pengusaha itu juga menternak anjing-anjing. Anjing-anjing di simpan di kandang yang dikhususkan untuk burung *ostrich* ini. Yang menjadi persoalan kita ialah apakah ini yang dikatakan pertanian moden? Apakah kita ingin menjadi pengeksport daging anjing sedangkan anjing-anjing yang diternak itu adalah anjing-anjing garang yang pernah membaham sama seperti anjing-anjing yang membaham anak-anak kecil sebelum ini.

Sudah tentu kita tidak faham apakah ini sebenarnya yang dikatakan sebagai pertanian moden? Saya ingin membangkitkan perkara ini juga sesuai dengan hasrat kita untuk memodenkan bidang pertanian. Apakah bidang Kementerian Pertanian ini mempunyai cara untuk mengembalikan kembali kegemilangan kita sebagai pengeluar produk, sebagai pengeluar getah dan juga nanas yang terbesar sebelum ini di dunia?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang kedua mengenai dengan pentadbir korporat. Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapan Perasmian Penggal Kedua Parlimen Kesebelas tempoh hari menyentuh tentang Kod Tadbir Korporat Malaysia yang diharap akan menjadikan syarikat-syarikat awam lebih telus dan terbuka. Saya rasa usaha tersebut akan lebih berjaya jika diwujudkan juga satu indeks ketelusan korporat yang mengambil kira ketelusan sesebuah syarikat sebenarnya. Syarikat awam dalam membuat laporan dan pengumuman.

Indeks sebegini akan membantu masyarakat awam terutamanya pelabur kecil untuk membuat keputusan pelaburan yang lebih bijak. Selain itu, indeks tersebut patut mengambil kira cara penyebaran maklumat dibuat. Penyampaian maklumat kepada pelabur akan menjamin persepsi ketelusan yang lebih baik. Lama-kelamaan sektor pelaburan negara harus membuat anjakan paradigma daripada sistem yang berasaskan kepada pengawasan dan peraturan kepada sistem yang berfalsafahkan keterbukaan dan ketelusan yang diasaskan kepada laporan berkala yang mudah difahami dan senang didapati.

Tuan Yang di-Pertua, ketelusan dalam sektor korporat adalah amat penting sebenarnya. Kita bimbang jika dunia menghadapi cabaran kemunculan kemelesetan ekonomi sekali lagi, syarikat-syarikat Malaysia mungkin kurang bersedia untuk menempuh cabaran tersebut. Sewajarnya kita mengambil iktibar daripada kegawatan ekonomi yang lepas dan bersiapsiaga supaya bila kemelesetan ekonomi dunia berlaku sekali lagi, pelabur asing tetap mengunjungi negara kita hasil wujudnya syarikat-syarikat awam yang telus sehingga mencapai tahap ketelusan antarabangsa.

Tanda-tanda hampirnya kemelesetan ekonomi dunia sudah pun semakin jelas sebenarnya. Untuk itu kita harus meletakkan syarikat-syarikat kita dalam posisi yang mampu menarik perhatian pelabur dalam waktu kegawatan bila mana wang pelaburan semakin berkurangan. Selain menumpukan perhatian terhadap Kod Tadbir Korporat,

kita juga wajar mewujudkan kod khusus seperti kod ketelusan korporat demi meningkatkan keyakinan para pelabur.

Namun antara masalah terbesar dalam negara kita adalah bukan sahaja pentadbiran syarikat awam tetapi badan-badan kewangan milik kerajaan. Perdana Menteri telah melakukan banyak perubahan terhadap syarikat-syarikat yang dimiliki kerajaan dengan izin, Government Link Companies ataupun GLC's. Salah satu perubahan terbesar adalah mengubahkan struktur pentadbiran dengan mengambil muka-muka baru sebagai ketua eksekutif dan pengurus-pengurus kanan. Walaupun mereka ini ramai yang mempunyai kelayakan yang tinggi, namun kita tidak harus lupa bahawa tugas mereka dalam syarikat-syarikat milik kerajaan bukan sahaja merangkumi tanggungjawab perniagaan tetapi juga tanggungjawab sosial.

GLC adalah pemberi pekerjaan yang sangat besar termasuk di kawasan luar bandar malah berbeza dengan syarikat awam biasa, mereka mempunyai tanggungjawab dalam bidang pendidikan, memberi biasiswa dan pinjaman pelajaran, mendirikan pusat latihan dan universiti serta menyediakan prasarana latihan kemahiran.

Oleh itu memilih pengurus kanan bagi syarikat-syarikat sebegini bukanlah satu proses yang boleh diambil lewa. Kementerian Kewangan sewajarnya lebih telus dalam mengumumkan dan mengiklankan kriteria bagi pentadbir syarikat-syarikat awam milik kerajaan iaitu ahli-ahli lembaga pengarahnya, ketua eksekutifnya dan ketua pegawai operasinya. Jika kriteria boleh diumumkan untuk jawatan seperti pelantikan Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) atas dasar kepentingan awam, tentulah kriteria boleh juga diumumkan untuk jawatan-jawatan tinggi syarikat-syarikat awam milik kerajaan kerana kepentingan awam dalam hal ini jauh lebih besar mencapai ratusan bilion ringgit sebenarnya.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, dalam kes pelantikan Pengerusi Perusahaan Automobil Nasional berhad yang baru ini, pelantikan itu dibuat secara pantas tetapi tertutup. Sebagai pengusaha milik kerajaan yang juga sebuah syarikat awam, Kementerian Kewangan seperti tidak profesional dan terbuka dalam menguruskan isu ini. Kesannya, kepercayaan pelabur boleh tergugat dan mereka tidak akan yakin bila kita mengatakan bahawa pentadbiran korporat di Malaysia semakin telus.

Pergelutan antara lembaga pengarah dan pengurusan kanan Proton seperti mana yang dibangkitkan dalam soalan Dewan tadi merupakan petanda buruk bagi keyakinan pelabur asing terhadap negara. Sewaktu industri automotif menghadapi cabaran getir dalam persediaan menjelang pelaksanaan AFTA, kita tidak mampu membuang masa dengan melayan gelagat beberapa orang primadona korporat ini. Untuk itu, Kementerian Kewangan harus lebih berhati-hati dalam menguruskan pentadbiran syarikat-syarikat awam milik kerajaan kerana ia membawa kesan besar terhadap dunia pelaburan dalam dan luar negara.

Saya ingin turut mengesyorkan agar Kementerian Kewangan menggilirkan jawatan pengerusi bagi syarikat-syarikat awam milik kerajaan di kalangan ahli lembaga pengarah sekali dalam setiap tiga tahun. Ini akan menjamin tidak ada pengerusi yang menjadi terlalu kebal hingga mempengaruhi secara keterlaluan perjalanan pentadbiran syarikat sedangkan tugasnya adalah lebih mirip kepada pengawasan sahaja. Menggilirkan jawatan pengerusi akan menimbulkan tanggungjawab kolektif yang lebih mantap dan lebih serata dalam pentadbiran korporat syarikat-syarikat sebegini rupa. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin mencadangkan agar seorang ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat milik awam kerajaan tidak memegang atau dilantik lebih daripada tiga lembaga pengarah syarikat.

Adalah keterlaluan sebenarnya, jika mereka diberikan terlalu banyak syarikat awam milik kerajaan untuk diawasi. Dengan demikian sebenarnya, mengurangkan kepekaan mereka dalam menjalankan tugas. Sebagai contoh, bekas Pengerusi Proton juga menjawat tidak kurang daripada tiga jawatan penuh syarikat awam milik negara yang lain, termasuklah menjadi pengerusi di dua syarikat awam milik kerajaan selain daripada Proton.

Tanggungjawab sebegini sepatutnya tidak ditumpukan hanya kepada segelintir individu. Adalah wajar juga supaya Anggota-anggota Lembaga Pengarah Khazanah Nasional, terutamanya Ketua Pegawai Eksekutifnya tidak dilantik sebagai Pengarah Anak-anak Syarikat Khazanah. Pelantikan sedemikian hanya mengurangkan kebebasan beliau membuat keputusan sebagai pengawas pelaburan rakyat, akibat konflik dan pertembungan tanggungjawab di antara Khazanah sebagai badan induk

pelaburan rakyat dengan anak-anak syarikatnya yang merupakan badan perniagaan yang lebih mementingkan keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri telah menyatakan zaman, dengan izin, *super* CEO telah berakhir, telah berlalu, oleh itu, lebih wajar kuasa dibahagikan supaya wujud lebih banyak, dengan izin, *check and balance* tetapi, saya sedikit gusar apabila Khazanah mengurangkan Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya yang datang daripada sektor perkhidmatan awam. Umum mengetahui Institut Integriti Malaysia yang dialu-alukan oleh Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapan tempoh hari dikemudikan oleh tokoh-tokoh perkhidmatan awam. Mengapa pula Khazanah mengurangkan jumlah mereka dalam lembaga pengarahnya sedangkan mereka mempunyai integriti yang terpuji dan diyakini oleh masyarakat?

Janganlah kita menggantikan lampu-lampu lama dengan yang baru seperti dalam kisah Aladdin, semata-mata kerana mereka ini berkelulusan universiti daripada universiti yang terkemuka, sama ada *Harvard*, sama ada *Oxford*, sama ada *Cambridge*, *London School of Economy* dan sebagainya, sedangkan mereka yang lebih berpengalaman diketepikan. Adunan yang sesuai adalah keanggotaan yang mengambil kira kedua-dua golongan ini.

Ada syarikat-syarikat milik kerajaan yang mendapat pengarah-pengarah dan pegawai tinggi eksekutif yang mempunyai kelayakan kertas dengan ijazah-ijazah yang tinggi tetapi mereka tidak berpengalaman terutama dalam industri. Akibatnya, mereka tidak begitu mementingkan tanggungjawab sosial, sebaliknya, hanya melihat keuntungan, kunci kira-kira, *balance sheet* semata-mata. Ramai pekerja syarikat-syarikat awam milik kerajaan yang sudah bertahun-tahun memberikan khidmat, kini menghadapi masa depan yang gelap akibat rancangan pembuangan pekerja yang direncanakan oleh para eksekutif muda ini. Kita tidak seharusnya lupa janji kerajaan sewaktu penswastaan dulu bahawa nasib pekerja akan terus terjamin walaupun status mereka berubah daripada pekerja kerajaan kepada pekerja swasta.

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya Dr. Haji Mohd. Puad yang dikasihi. Saya ingin

penjelasan daripada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad berhubung dengan *retrenchment* yang sengaja dibuat menerusi syarikat-syarikat kerajaan yang telah diswastakan, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya sangat-sangat bersetuju dan kebetulannya saya juga pernah terlibat dan berkhidmat dengan salah satu syarikat sebelum bersara menjadi ahli politik sepenuh masa.

Apabila kita melihat dasar pengurusan yang melantik tenaga pengurusan tertinggi yang seperti mana Yang Berhormat timbulkan tadi, dari kalangan mereka yang bukan ahli ataupun pakar dalam bidang yang berkenaan dan saya ambil contoh di sini ialah BERNAS yang diswastakan daripada LPN. Ia diambil daripada tenaga yang memang tidak ada *background* dalam *rice business*, dengan izin, ataupun dalam perniagaan beras, di mana apabila mereka masuk dalam sektor ini, sektor yang cukup memerlukan pengalaman dan kemahiran dalam usaha pengendalian padi beras ini,

mereka membuat tindakan-tindakan yang saya rasa lebih mementingkan, seperti mana Yang Berhormat bangkitkan tentang keuntungan semata-mata, sedangkan janji yang dibuat dengan kerajaan sebelum ianya diswastakan termasuk kedudukan ataupun kebajikan kakitangan yang perlu dipertahankan tidak diambil hirau dan mereka berbuat seolah-olah kakitangan yang pernah menyumbang khidmat bakti ini tidak pernah berjasa kepada syarikat ataupun agensi kerajaan yang terbabit.

Cuma, ianya dibuat dengan lebih berhemah iaitu dengan cara *restructuring* yang kalau pada mata kasarnya kita tidak nampak, macam seolah-olah pekerja-pekerja yang banyak berjasa ini ingin dibuang dan sebagainya. Mereka juga lupa kepada tanggungjawab sosial, di mana termaktub dalam perjanjian yang mereka buat dengan kerajaan sebelum diswastakan, kerana motif keuntungan itu adalah segala-galanya. Ini termasuk Pos Malaysia. Dulu kita lihat, kebanyakannya kita ambil contoh di kawasan-kawasan luar bandar, apabila Mini Pos-Mini Pos diberi hak-hak tertentu kepada orang perseorangan ataupun kedai-kedai runcit untuk mengendalikan segala urusan pos di peringkat kampung, yang kita sedia maklum bahawa orang kampung ini dia memang dari segi logistiknya, kemudahan pengangkutannya, mereka susah hendak ke bandar untuk mengendalikan urusan pembayaran bil, penghantaran surat, penghantaran wang dan sebagainya .

Sekarang ini, memandangkan Mini Pos ini dianggap sebagai bebanan kepada syarikat dan tidak boleh menyumbang 'sarang' keuntungan kepada syarikat dan mungkin dianggap bebanan kepada syarikat, mereka telah mengurangkan bayaran, kalau dulu, RM400 lebih dan sekarang ini kepada RM200 lebih, kalau tidak silap saya, menghampiri RM300 sahaja, yang sengaja dibuat oleh pihak pengurusan tertinggi. Kalau pihak yang mengendalikan Mini Pos di peringkat kampung-kampung ini tidak berpuas hati, mereka boleh tutup. Itu sahaja bahasa yang boleh digunakan, sedangkan ini menimbulkan kesukaran dan mereka melupakan tanggungjawab sosial ataupun *social obligation* yang mereka pernah berjanji dengan kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim. Tuan Yang di-Pertua, inilah sebenarnya perkara yang saya bangkitkan iaitu berlaku satu trend sekarang ini, pelantikan CEO-CEO muda yang berkelulusan tinggi tetapi mereka ini tidak mempunyai '*roh kerakyatan*,' dan tidak ada jiwa kepada negara. Sebab itulah berlaku apa yang dikatakan pertindihan antara usaha untuk mencari keuntungan dan tanggungjawab sosial yang juga sepatutnya dipikul oleh mereka kerana mereka ini tidak mempunyai pengalaman sebenarnya. Perkara inilah yang patutnya diperbetulkan dalam usaha kita untuk terus memajukan negara kita ini. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, pekerja sebegini.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan. Boleh, Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Silakan, Yang Berhormat Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, sahabat saya, iaitu tentang penswastaaan ini. Kita ambil contoh, UDA. UDA sekarang telah pun diswastakan. Sebenarnya kita lihat hari ini, di bandar sendiri kalau ada masalah perumahan, kalau dulu UDA adalah bertanggungjawab untuk membangunkan perumahan di bandar-bandar. Begitu juga dengan peniaga-peniaga kecil. Kalau kita lihat dulu, peniaga kecil, kompleks ini dibangunkan oleh UDA, untuk membantu peniaga-peniaga, apa yang telah pun dilaungkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri. Tetapi hari ini, agensi seperti UDA telah pun diswastakan. Jadi, adakah UDA ini mahu lagi membuat kerja-kerja sosial begini dan siapakah yang bertanggungjawab untuk

bangunkan penduduk-penduduk di bandar dan juga peniaga-peniaga. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah pernah dicadangkan, saya mengambil satu contoh, Perbadanan Johor. Sebagai satu contoh, sebuah syarikat milik kerajaan yang besar yang diminta dan dicadangkan kepada mereka supaya mereka ini menyediakan satu peruntukan khas tentang tanggungjawab sosial ini. Jika tidak, selagi itulah perkara ini tidak boleh diselesaikan. Syarikat-syarikat awam milik kerajaan sebenarnya harus lebih peka terhadap tanggungjawab sosial mereka. Nampaknya, akibat pengurusan orang muda yang tidak berpengalaman serta desakan suntikan modal oleh pelabur-pelabur asing termasuk kerajaan-kerajaan asing, sebab itulah, tanggungjawab ini mula terhakis dan lama-kelamaan mungkin dilupakan. Itu sebenarnya yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat seperti Telekom Malaysia ataupun nama barunya TM, Tenaga Nasional Berhad, Pos Malaysia, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan MRCB adalah milik kerajaan secara langsung dan secara tidak langsung.

Pengurusan dan keanggotaan Lembaga Pengarahnya harus dijaga supaya ia terdiri daripada mereka yang bukan sahaja cekap dalam perniagaan dan pengurusan tetapi juga sedar tentang tanggungjawab sosial mereka. Sebab itulah saya ingin bangkitkan di sini bagaimanakah syarikat-syarikat yang ada kepentingan strategik dan kepentingan nasional seperti Proton, Telekom dan TNB. Saham mereka ini sudah pun dibeli oleh syarikat-syarikat daripada Singapura. Sebab itulah saya ingin bangkitkan dalam Dewan ini.

Kita ingin penjelasan berapa peratuskah saham-saham syarikat-syarikat seperti TNB, Proton dan Telekom ini sudah dibeli oleh syarikat-syarikat daripada Singapura? Kenapa perkara ini disenyapkan? Kita ingin tahu nama-nama syarikat daripada Singapura yang sudah pun membeli saham milik TNB, Telekom, Proton dan sebagainya kerana ini adalah syarikat-syarikat yang ada kepentingan strategik dan juga kepentingan nasional yang mempunyai tanggungjawab yang besar terutamanya tanggungjawab sosial khususnya untuk negara kita sendiri. Rakyat tidak akan menerima perkhidmatan

yang hanya berasaskan keuntungan sedangkan tidak menepati kriteria *service* dan tanggungjawab sosial yang tinggi.

Nama baru Telekom Malaysia (TM) adalah hasil perbelanjaan pengiklanan yang menelan belanja berjuta ringgit tetapi tidak menawarkan khidmat yang baru dan lebih bermutu kepada pelanggan sebaliknya ribuan pekerja pula yang disisihkan. Tindakan sebegini tidak menepati cita-cita Seri Paduka Baginda yang inginkan pengurangan jurang teknologi antara bandar dan luar bandar melalui titian digital dengan pelanggan yang tinggi. Mengapakah antara tindakan pertama Ketua Eksekutif baru TM ini atau Telekom Malaysia ini ialah untuk mengiklankan nama dan logo baru? Untuk siapakah pengiklanan ini dibuat? Keterampilan ini hanya meniru daripada luar tanpa mengira keperluan semasa dan keperluan setempat. Saya berikan contoh mengenai pembaharuan imej korporat TD Belt di Amerika Syarikat dan British Telecom (BT) di United Kingdom yang gagal membawa perubahan mutu perkhidmatan sebaliknya hanya kerugian yang terpaksa ditampung melalui bantuan kerajaan dan kenaikan takrif pelanggan.

Tindakan Pos Malaysia seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dalam memperkenalkan takrif surat yang baru langsung tidak menepati tiga kriteria utama untuk kenaikan harga iaitu perkhidmatan yang lebih cekap, konsultasi dengan pengguna secara terbuka dan penerangan yang jelas dan munasabah atas sebab-sebab kenaikan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya seperti mana yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda ialah syarikat-syarikat Malaysia kini digalakkan untuk menceburi perniagaan di luar negara. Dan kini ada cadangan pula supaya syarikat awam seperti KWSP juga turut melabur ataupun menceburi perniagaan di luar negara. Perkembangan ini adalah satu perkara yang menggalakkan namun ia harus dilakukan dengan teliti terutama di negara-negara yang masih tidak mempunyai rejim ekonomi dan perundangan yang tersusun. Sebagai contoh dalam projek Fasa Ketiga Pembekalan Air dan Elektrik Bebas Shoiba di Arab Saudi. Konsortium yang dianggotai oleh Tenaga Nasional Berhad dan Malakof telah pun membuat bida untuk penyertaan 60% dalam projek tersebut. Sebahagian projek tersebut akan dibiayai dan dijamin oleh Khazanah Nasional.

Walaupun langkah menyertai projek di Arab Saudi patut dipuji namun oleh kerana ia melibatkan Khazanah Nasional iaitu wang rakyat, Kementerian Kewangan harus membuat penilaian lain yang cukup teliti sebelum melibatkan diri dalam projek tersebut, antara lain sistem arbitrase, perundangan sivil serta ikatan jaminan perniagaan dan peribadi perlu diambil kira. Kita berbangga dengan penyertaan Khazanah tetapi secara cepatnya ini adalah penyertaan dana yang diamanahkan oleh rakyat Malaysia jadi kita perlu sangat teliti dalam menjalankan projek ini.

Rakyat akan merasa bimbang jika Khazanah dan badan-badan lain seperti yang saya sebutkan tadi KWSP, Kumpulan

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Syed Ali.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat mengenai syarikat-syarikat besar negara tetapi saya tidak dengar Yang Berhormat menyentuh tentang Petronas. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat sebab pagi tadi saya telah cuba mengemukakan satu soalan menyatakan bahawa Petronas telah melabur di lebih daripada 30 buah negara di dunia. Daripada 30 buah negara itu hanya satu atau dua negara sahaja yang mendatangkan keuntungan sementara selainnya kerugian. Kita dimaklumkan bahawa lebih daripada RM1 bilion dan saya tidak tahu sama ada kerajaan mengetahui akan perkara ini.

Tadi Yang Berhormat telah memaklumkan bahawa kita harus melihat senarai Lembaga Pengarah yang kita difahamkan kadang-kadang melebihi 10 tahun masih duduk di dalam Lembaga Pengarah tersebut di mana Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa sepatutnya di gilir-gilirkan supaya kita dapat memantau apa yang dilakukan oleh syarikat besar negara kita. Yang dilaporkan kepada kita ialah Petronas untung, betul, Petronas untung tetapi Petronas rugi di 30 buah negara. Yang masuk yang untung hanya satu atau dua negara sementara yang 28 negara itu rugi tetapi kita tidak tahu. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat kalau boleh tentang Petronas ini. Terima kasih.

Dr. Hj. Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Petronas adalah antara syarikat yang kita kategorikan sebagai syarikat yang mempunyai kepentingan nasional dan kepentingan strategik. dan kita mengakui

masalah yang dihadapi oleh Petronas di dalam projek-projek pelaburannya di luar negara. Sebab itulah saya mengatakan tadi bahawa kita perlukan ketelusan, kita perlukan maklumat supaya kita dapat menilai sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh syarikat-syarikat besar seperti ini. Memang kita tahu kita tidak banyak mendapat maklumat tentang pelaburan-pelaburan yang dilaburkan oleh syarikat-syarikat besar ini. Sebab itulah saya katakan tadi kenapa kita merasa kecewa tentang TNB, Telekom dan sebagainya yang sahamnya sudah dibeli oleh syarikat-syarikat dari Singapura. Kenapa ini berlaku?

Sebab itulah apabila ada cadangan dan semalam pun kita baca dalam akhbar, pemikiran rakyat digunakan untuk menggalakkan bersetuju supaya KWSP ini dibenarkan untuk melabur di luar negara. Sebab itulah kenapa barangkali saya bersetuju dengan Dato' Dr.S. Vijayaratnam tadi bahawa kita mesti berhati-hati apabila dalam hendak menjayakan sesuatu pelaksanaan jangan kita memperkuda-kudakan rakyat, bersetuju KWSP ini melabur di luar negara dalam keadaan sudah banyak contoh-contoh yang membuktikan kegagalan akibat kita tidak melakukan tindakan yang berhati-hati dalam melabur di luar negara.

Rakyat akan merasa bimbang jika Khazanah Nasional dan badan-badan lain seperti KWSP yang saya sebut tadi. Kumpulan Wang Amanah Pencen dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera menyertai projek di luar negara tanpa penelitian yang khusus. Kita tidak mahu mengulangi kerugian yang dialami oleh kerajaan Singapura yang rugi akibat salah tadbir pelaburan di Suzhou Industrial Park di China. Syarikat Taman Perindustrian Suzhou China-Singapura mengalami kerugian lebih kurang USD100 juta akibat tidak cukup bersedia dalam menempuhi iklim baru perniagaan di luar negara. Singapura menganggap, oleh kerana budaya China lebih kurang sama dengan majoriti rakyat Singapura maka kerjasama mereka akan menguntungkan. Sayangnya yang sebaliknya telah berlaku dan pelaburan Singapura yang berjumlah USD147 juta mengalami kerugian besar hampir 2/3 daripada jumlah pelaburan.

Kita harus mengambil iktibar daripada kesilapan Singapura ini. Keghairahan kita melabur di luar negara harus diwarnai sikap berhati-hati dan profesional. Sebab itulah saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Syed Ali tadi tentang

Petronas ini. Kita berharap ada menteri yang akan menjawab tentang kerugian ini dan kenapa ini berlaku, siapa yang memantau dan sebagainya.

Selain daripada itu kita juga harus mengambil iktibar daripada beberapa kesilapan Singapura dalam membuat pelaburan ekuiti di negara asing. Kerajaan kita kini telah mengizinkan Khazanah Nasional dan KWSP untuk membuat pelaburan asing sekali gus mengizinkan broker-broker asing beroperasi dalam negara kita.

Namun kita harus sentiasa insaf bahawa lebih banyak kita melabur di luar negara, lebih banyak kita terdedah kepada risiko pertukaran asing dan pergantungan terhadap aliran tunai daripada luar. Dalam keadaan kita sekarang di mana tambatan ringgit masih dikekalkan dan sedikit sebanyak kita dapat mengawal risiko tersebut, tentulah kita berada dalam keadaan yang lebih selesa.

Sungguhpun begitu kita harus bersedia bila mana keadaan baru ini mungkin memaksa kita mengubah dasar tambatan ringgit. Malah jika kita melihat kesan Piagam Tamasek 2002, di mana sambungan dia banyak contoh Singapura Tuan Yang di-Pertua. Jika kita lihat kesan Piagam Tamasek 2002, di mana Singapura mengambil keputusan bahawa syarikat-syarikat awam milik kerajaan, seperti *Singapore Power*, PSA iaitu Penguasa Pelabuhan Singapura, *Singapore Telecommunication* dan *BBS Bank Group* patut mengaut lebih keuntungan melalui pengembangan operasi luar negara.

Antara akibatnya ialah pertambahan risiko perniagaan dan kredit. Badan penguasaan kredit seperti *Standard and Poors* dalam menilai operasi luar negara, syarikat sebegini lebih mengambil kira risiko perniagaan dan bukannya pemilikan ekuiti oleh kerajaan. Dengan demikian kos perniagaan bertambah dan jika tidak terkawal akan membebankan negara dan rakyat. Kementerian Kewangan terutamanya Khazanah dalam beberapa dasar terbaru seperti pengenalan dengan izin, *Key Performance Indicators (KPI)* dasar perluasan pelaburan luar negara dan perkembangan operasi di luar negara banyak mengikut jejak langkah Kerajaan Singapura.

Termasuklah Tamasek *Holdings*, tetapi kita jangan terlalu ghairah mengejar model yang belum tentu boleh diguna pakai di negara kita sendiri. Kejayaan Dasar Persyarikatan Malaysia harus mengambil kira tahap ekonomi rakyat terbanyak yang masih lagi memerlukan sokongan kerajaan dan badan-badan bersekutu. Adalah terlalu

janggal jika syarikat-syarikat awam milik kerajaan terlalu ghairah melabur di luar negara sedangkan banyak projek tempatan masih belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan pengurusan Dana Harta Nasional Berhad memandangkan badan tersebut akan mencapai tempoh akhirnya pada tahun ini. Salah satu daripada usaha kerajaan untuk mengatasi masalah yang timbul akibat kegawatan ekonomi pada tahun 1997 dahulu ialah Dana Harta. Semenjak 31 Mac 2005 Dana Harta telah pun menebus kesemua bond terbitannya bernilai RM11.14 bilion.

Dengan itu memulangkan kembali modal yang dipinjamkan oleh institusi kewangan bagi kerja melangsaikan hutang tidak berbayar NPL yang diambil alih daripada bank-bank tempatan. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan, ia menunjukkan Malaysia mempunyai sistem yang baik bagi menguruskan masalah-masalah kegawatan ekonomi. Namun Dana Harta bukanlah satu badan yang mempunyai nyawa berterusan Tuan Yang di-Pertua, menurut pengerusinya Datuk Zainal Abidin Putih kejayaan Dana Harta diukur dan dibuktikan jika pada penghujung tahun ini ianya mampu dibubarkan kerana tugas yang diberikan telah pun selesai.

Tetapi penutupan Dana Harta harus dilakukan dengan bijak sungguhpun boleh dianggap berjaya dalam tugasannya. Namun menurut laporan operasi terakhir Dana Harta masih perlu mengutip sebanyak RM1.79 bilion lagi daripada para penghutang dan ini bukanlah satu jumlah yang kecil. Pelupusan jumlah terbaki dengan izin, *residual balance* ini harus dilakukan dengan telus. Ramai penghutang yang akan cuba menanggung di air keruh dan menebus hutang-hutang lama mereka pada harga yang lebih rendah daripada tanggungjawab yang sepatutnya.

Mereka akan cuba membeli hutang-hutang ini dengan harga murah memandangkan Dana Harta akan ditutup. Selain itu Dana Harta juga tidak patut diganti oleh syarikat atau badan lain yang mempunyai tugas yang sama, saya mengungkap kata pengerusinya iaitu Datuk Zainal Abidin Putih, pengurusan skop kerja Dana Harta sebegini akan menimbulkan mara bahaya, moral dengan izin, *moral hazard* kepada institusi kewangan tempatan. Saya menyeru kepada Kementerian Kewangan agar lebih telus dan terbuka dalam melaksanakan fasa terakhir operasi Dana Harta

supaya tidak ada pihak yang mengambil kesempatan membuat keuntungan besar secara tidak patut.

Kita tidak harus lupa bahawa, Dana Harta mendapat sokongan modal daripada wang rakyat dan tidak harus ada pihak yang mengeksploitasi kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi. Yang ini penting Tuan Yang di-Pertua, iaitu bukan untuk kepentingan peribadi sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu aspek yang banyak dibahaskan kelmarin iaitu tentang dasar pengajian tinggi. Saya masih tertanya-tanya sebenarnya apakah dasar pengajian tinggi kita sekarang?.

Kita telah pun dibangkitkan dan diperingatkan tentang usaha untuk menjadikan universiti-universiti di Malaysia ini sebagai universiti yang berkelas dunia. Maka yang menjadi persoalan kepada kita, apakah universiti-universiti ini akan menggunakan bahasa Inggeris keseluruhannya dalam pendidikannya ini. Apa yang kita faham sekarang ini seolah-olah bahawa ada usaha-usaha yang menunjuk kepada arah penggunaan bahasa Inggeris secara menyeluruh akan digunakan di institut pengajian tinggi kita, iaitu kita akan *reverse* kembali ke belakang seperti mana yang pernah kita amalkan sebelum ini.

Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, apabila pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris, sedar atau tidak sedar bahawa sebenarnya kita sedang menuju ke satu arah iaitu penggunaan bahasa Inggeris keseluruhannya dalam semua mata pelajaran sehinggalah nanti sampai ke peringkat pengajian tinggi terutamanya kepada mereka yang mengambil dalam bidang sains, sebab apabila mereka mengambil dalam bidang sains, maka Fiziknya - Inggeris, *Chemistrynya* - Inggeris, Biologinya - Inggeris, Sains Tambahan - Inggeris, Matematik - Inggeris, *Accounting* - Inggeris dan sebagainya. Maka semuanya akan menjadi bahasa Inggeris.

Maka persoalannya ialah di manakah kedudukan bahasa Melayu yang menjadi bahasa perpaduan dan bahasa ilmu, kita tidak menafikan betapa pentingnya penguasaan bahasa Inggeris, tetapi di manakah kita ingin meletakkan bahasa Melayu yang selama ini telah berjaya menyatupadukan rakyat di Malaysia ini sebagai masyarakat yang bersatu padu. Dan apakah bahasa Melayu ini tidak mampu untuk menjadi bahasa ilmu.

Kita tidak menafikan keperluan, kemestian penguasaan bahasa Inggeris. Saya, Tuan Yang di-Pertua mendengar ceramah yang disampaikan oleh Nur Amalina pelajar terbilang negara yang mendapat 17 1A, yang bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri satu ketika nanti. Dia boleh berbahasa Inggeris dengan baik, dia boleh membuat beberapa *quotation* dalam bahasa Inggeris daripada beberapa orang tokoh ternama dan yang terbilang di negara luar,

sedangkan dia juga belajar di sekolah kebangsaan, kenapakah dia mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik sudah tentu ialah berpunca daripada daya saing yang ada kepada Nur Amalina. Kesungguhannya, motivasinya dan keinginannya untuk mencapai kejayaan. Dan apabila ditanya kepada beliau kenapa dia tidak mahu meneruskan pengajiannya di sekolah berasrama penuh, dia mengatakan bahawa dia menolak tawaran itu berpunca kerana sekolah mengatakan mereka tidak mampu memberikan kebenaran kepada dia untuk mengambil 17 mata pelajaran.

Apabila dia mengambil keputusan untuk keluar daripada sekolah tersebut barulah sekolah mengatakan mereka bersedia untuk mengusahakan mencari guru-guru tambahan untuk mengajar dia, untuk beberapa mata pelajaran tambahan dan menyediakan bilik khas untuk beliau. Tetapi Nur Amalina tetap menolak tawaran tersebut dengan alasan, pertama dia kata, dia tidak mahu dia bersikap tidak adil kepada pelajar lain kerana diberikan keistimewaan tersebut.

Yang kedua, ini yang penting kerana dia ingin membuktikan bahawa jika dia mendapat 17A bukanlah kerana keistimewaan tersebut, tetapi lebih merupakan kerana kesungguhannya, kegigihannya, daya saingnya, keupayaannya untuk mengejar kejayaan.

Sebab itulah kita melihat dia mampu berbahasa Inggeris dengan baik. Maka inilah Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya mengatakan bahawa tidak semestinya apabila kita menukar segala-galanya dalam bahasa Inggeris maka penguasaan bahasa Inggeris mereka akan bertambah baik. Kita lihat sahaja pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara yang keseluruhannya dalam bahasa Inggeris baik di Amerika, baik di UK dan di tempat-tempat lain dan kadang-kadang mereka bergaul dengan masyarakat Inggeris. Tetapi akhirnya apabila kita melihat keupayaan bahasa Inggeris mereka juga tidak memberangsangkan walaupun bertahun-tahun duduk di negara barat itu. Kenapa?

Kerana mereka tidak mempunyai kesungguhan dan keinginan dan daya saing untuk menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Itu sahaja puncanya.

Jadi kalau persoalannya bahasa Inggeris ini terlalu lemah mengapa ia mengorbankan usaha kita menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan apatah lagi bahasa perpaduan yang mana selama ini telah berjaya menyatupadukan masyarakat kita. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya menjadi keliru dengan dasar pengajian tinggi sekarang ini. Ke mana arah tujuhnya? Kalau ingin menjadi *world class university* maka saya juga mengesyorkan semalam iaitu bahawa kita boleh melantik naib-naib canselor yang jawatan itu mesti diiklankan supaya mereka bersaing untuk menjadi naib canselor dan kita memilih mereka ini berdasarkan kepada keupayaan mereka, *research* yang telah mereka lakukan.

Bukan kerana hubungan peribadi dengan orang-orang tertentu untuk menjadi naib canselor. Akhirnya universiti tidak ke mana, masyarakat universiti berpecah seperti mana yang berlaku di Universiti Teknologi Malaysia sekarang ini. Apa yang berlaku di UTM? Berlaku pertembungan, pergeseran dan pertelingkahan antara pensyarah dengan pensyarah. Berlaku kelompok-kelompok di universiti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya mencadangkan jawatan ini perlu diiklankan, tidak bermakna bahawa jawatan ini diiklankan kepada profesor-profesor dari luar tetapi sekurang-kurangnya diiklankan di kalangan profesor-profesor dalaman iaitu di Malaysia sendiri. Kalau kita mengambil contoh seperti apa yang berlaku di UIA, naib canselornya sebelum ini memang dari luar, pensyarahnya ramai daripada luar.

Tetapi minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada pihak yang mengatakan terutamanya ini di sektor swasta mereka lebih suka mengambil graduan dalam bidang undang-undang daripada UIA berbanding daripada universiti lain kerana katanya keterampilan pelajar-pelajar yang lahir daripada UIA ini adalah lebih baik. Bahkan saya dimaklumkan oleh JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) sendiri apabila dia mengambil pekerja baru di JAKIM mereka lebih suka mengambil lulusan dalam bidang agama daripada UIA berbanding daripada bahagian Akademik Islam di Universiti Malaya Tuan Yang di-Pertua. Mereka lebih suka mengambil graduan daripada UIA berbanding daripada Akademik Islam di Universiti Malaya. Kenapa? Apakah ini berpunca kerana pelajar di situ didedahkan dengan percampuran di antara pelajar-

pelajar luar dan pensyarah-pensyarah luar dan pimpinan universiti yang lebih mengutamakan kepada kualiti sebenarnya.

Sebab itulah *world class university* ini harus diberikan definisi yang lebih khusus. Kita ingin tahu sebenarnya apakah kerajaan tidak ada cadangan untuk mewujudkan apa yang dikatakan sebagai *research university* ataupun sekurang-kurangnya seperti PROTON itu dibangunkan menjadi sebuah universiti yang dipanggil sebagai universiti automatif. Saya mengambil contoh di Amerika Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Colgate mempunyai universitinya sendiri yang dinamakan universiti itu sebagai Universiti Colgate Amerika. Nama pun Universiti Colgate Tuan Yang di-Pertua.

Jadi apa salahnya syarikat-syarikat besar seperti PROTON ini menjadikan kilang mereka ini sebagai satu universiti iaitu universiti automatif. Sebab itulah saya mengatakan tadi bahawa kita merasa hairan apabila UPM baru-baru ini telah menghantar memorandum membantah fakulti mereka iaitu Fakulti Aeroangkasa ini dipindahkan ke UKM. Kenapakah ini berlaku? Apakah mereka merasakan bahawa Aeroangkasa ini terlalu penting dan kenapa perkara ini diarahkan supaya mereka memindahkan Fakulti Aeroangkasa ini ke UKM.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang dasar pengajian tinggi ini tidak lengkap jika sekiranya saya tidak menyentuh usaha kerajaan seperti mana juga disentuh dalam Titah Diraja iaitu untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Kita menyokong penuh usaha kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan itu. Sekolah kebangsaan sepatutnya diterima ramai sebagai satu aliran persekolahan yang penting kepada negara kita dengan tujuan untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan untuk melahirkan satu masyarakat Malaysia yang menerima satu aliran pendidikan yang berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kualiti yang tinggi.

Tetapi dalam usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan ini saya berharap Kementerian Pelajaran memberikan perhatian kepada P&P iaitu pengajaran dan pembelajaran supaya P&P ini dipertingkatkan dari masa ke semasa. Kita lihat P&P atau pengajaran dan pembelajaran di sekolah kebangsaan ini adalah terlalu *rigid*. Guru-guru tidak dibenarkan untuk menggunakan kaedah mereka sendiri untuk mengajar para pelajar ataupun murid.

Kalau ini berlaku dianggap melanggar apa yang sudah ditentukan oleh Kementerian Pelajaran dan mungkin boleh diambil tindakan. Tetapi kalau kita bandingkan dengan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan, guru-guru dibenarkan melakukan tindakan yang lebih kreatif dari segi kaedah P&P ini. Sebab itulah kita melihat perkembangan pelajar-pelajar seolah-olah berlaku perbezaan di antara sekolah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan. Ini harus diberi perhatian oleh pihak kementerian sebenarnya.

Kita juga berharap bahawa bebanan tugas guru yang cukup membebankan ini haruslah dikurangkan. Jangan nanti seperti mana dibangkitkan dalam Dewan ini sebelumnya ada guru-guru yang diminta untuk membantu mengecat sekolah ataupun apa-apa sahaja kerja yang di luar daripada bidang tugas mereka terutamanya apabila berlaku sebarang aktiviti tertentu maka guru-guru diminta untuk melakukan kerja-kerja tambahan yang menyebabkan mereka tidak dapat untuk memberikan tumpuan kepada tugas mereka sebenarnya.

Oleh kerana itulah Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa sistem perguruan di negara kita ini mestilah dipertingkatkan sebenarnya supaya sekolah kebangsaan ini memang dapat diperkasakan dan yang lebih penting daripada itu ialah kita dapat merapatkan jurang di antara bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Sekian.

Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah pun berbahas dengan begitu bermaklumat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

12.58 tgh.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong

pada perasmian Parlimen yang lalu baginda amat prihatin di atas segala perjalanan pentadbiran negara yang telah disimpulkan secara menyeluruh dalam Titah Ucapan baginda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa kementerian di antaranya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung dengan masalah ibu tunggal dan anak yatim. Adakah kementerian bercadang untuk membuat kajian semula dengan secara terperinci ke atas bantuan yang diberikan kepada anak yatim dan ibu tunggal mengikut keperluan dan peredaran zaman. Kementerian juga perlu mengutamakan penyeragaman pemberian ini supaya ianya tidak diiktirafkan sebagai mufliis PPRT kerana hari ini kita lihat beberapa negeri hanya memberikan bantuan kepada ibu tunggal sebanyak RM70. Dalam masa sehari RM70 dapat diselesaikan Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan negara kita yang harus diberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kempen Utamakan Keluarga oleh kementerian yang seharusnya memikirkan dalam sehari sebulan ataupun dalam dua bulan sekali diisytiharkan sebagai hari keluarga di mana pada hari tersebut semua aktiviti NGO, swasta dan kerajaan mesti mengisarkan kepada aktiviti yang melibatkan semua anggota keluarga ataupun pada hari tersebut dikecualikan daripada semua aktiviti di luar rumah.

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Duduk ini bukan kerana orang tepuk tetapi kerana masa dah cukup. *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ke pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

DR04052005/1430/FAIZAL

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah sila sambung ucapan.

2.30 ptg

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung kembali hujah saya yang masih berkisar dengan masalah wanita. Sejak kementerian ini ditubuhkan sehingga kini keberkesanan dalam membela nasib wanita khususnya ibu tunggal, wanita teraniaya dan lain-lain masalah wanita yang memerlukan kaunseling masih belum boleh dibanggakan. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mewujudkan pusat-pusat khidmat kaunseling di setiap daerah sekurang-kurangnya tiga tempat.

Tuan Yang di-Pertua, wanita telah terbukti sebagai seorang yang beramanah, patuhi dengan janji dan tanggungjawab, penghargaan ini mestilah diiktiraf oleh kementerian dengan memberikan kemudahan berbentuk geran, pinjaman mudah bayar, *easy payment*, dengan izin, tanpa cagaran serta bimbingan usahawan dengan cara ini kita dapat menambah bilangan jumlah usahawan wanita yang lebih berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pula ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan terhadap penjaja-penjaja. Sejalan dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin mencadangkan kepada PBT supaya menyahut seruan tersebut dengan mengeluarkan lesen penjaja di lokasi yang sesuai dan dapat memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak, *win to win situation*, penjaja maju dalam berniaga manakala PBT dapat keuntungan melalui pengutipan lesen.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya memperbanyakkan ruang niaga yang strategik, sistematik dan bersih. Sudah sampai masanya untuk kementerian memulakan konsep *day market* sepertinya negara maju yang lain di mana satu tapak khas yang disediakan di bawah satu bumbung dengan mengeluarkan lesen harian seperti pasar malam, pasar tetap tani tetapi dengan lebih tersusun, tapak niaga ini juga boleh digunakan sebagai tempat berniaga dan beriadah dan di masa yang lain boleh dijadikan tapak ekspo, pasar Ramadhan, *roof sale*, *garaj sale*, *jumble sale* dan sebagainya.

Dengan memperkenalkan konsep ini, maka akan hilanglah payung-payung yang berselerak khususnya di pasar tani. Format gerai ala kandang kuda, gerai di bawah pokok ketapang akan terhapus dengan sendirinya seterusnya terlahirlah sistem penjaja alaf Malaysia baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Perladangan. Ladang-ladang yang wujud dan berkembang dengan pengeluaran hasil yang lumayan, yang telah meraih keuntungan yang besar kepada syarikat-syarikat seperti Good Hope, IOI, Guthrie, Tabung Haji tetapi tidak mengamalkan konsep membina kebajikan pekerja. Setelah 48 tahun kita merdeka, nasib pekerja ladang masih belum lagi terbela yang mana pada hari ini kehidupan mereka rata-rata masih miskin, kotor dan tidak dapat menikmati kemudahan asas yang lebih sempurna. Kementerian harus merangka satu pelan tindakan persefahaman di antara kerajaan dengan sektor perladangan bagi membolehkan pekerja-pekerja ladang turut menikmati kesempurnaan hidup seperti di luar ladang.

Kita tidak sanggup melihat pekerja ladang ini hanya menerima gaji yang bertaraf PPRT ataupun mungkin pendapatan mereka lebih teruk daripada penerima PPRT. Pihak kementerian hendaklah memastikan pengusaha ladang mengemukakan pelan kemudahan asas seperti pendidikan, khidmat kesihatan, dewan komuniti dan sebagainya. Saya mencadangkan kepada kementerian supaya mengambil tindakan kepada pengusaha ladang yang gagal menyediakan kemudahan asas, kebajikan dan kepentingan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada Kementerian Pelajaran. Hari ini negara sedang menghadapi masalah pengangguran graduan bagi mengatasi permasalahan ini Kementerian Pelajaran hendaklah mengkaji semula pelantikan guru-guru kontrak selepas persaraan wajib. Tidak dinafikan bahawa pengalaman guru berkenaan jauh lebih baik daripada graduan penganggur tetapi adakah ia bersesuaian dengan ragam pelajar hari ini dengan keadaan infrastruktur bangunan empat tingkat dan yang lebih ketara sekali kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukkan yang berganda sedangkan ramai siswazah menganggur boleh ditawarkan dengan gaji yang lebih rendah, manakala peruntukkan selebihnya boleh digunakan untuk keperluan lain.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah-sekolah MRSM telah terbukti kejayaannya dalam mengeluarkan pelajar-pelajar yang terbilang. Keputusan mereka amat membanggakan, saya ingin mencadangkan supaya sekolah-sekolah asrama penuh seperti ini perlulah diperbanyakkan supaya lebih ramai generasi muda akan mendapat kejayaan yang cemerlang yang *guaranty*. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar itu mestilah menjadi seorang pelajar cemerlang yang *wholesome*, maksudnya janganlah sampai menjadi ulat buku, tidak pernah bergaul dan berkomunikasi, tidak fasih dan *confident* bertutur dalam apa-apa bahasa pun lebihkanlah pelajaran berbentuk kemahiran, sosial daripada akademik serta mengadakan latihan-latihan berkumpulan supaya pelajar tidak menjadi orang yang mementingkan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang hendak saya sarankan ialah berhubung dengan melanjutkan perkhidmatan secara kontrak kepada pegawai-pegawai yang bersara wajib. Ini telah menutup ruang bagi pegawai bawahan untuk dinaikkan pangkat yang mana pegawai berkenaan akan rasa kurang selesa malahan tertekan bekerja kerana terpaksa pencen dengan jawatan hari ini tanpa diberi peluang menggantikan pegawai yang bersara wajib mungkin kalau diberi peluang, beliau lebih baik ataupun lebih cekap daripada pegawai sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kemarahan menteri yang ingin menjaga kepentingan negara dalam mencari jalan penyelesaian menentang penyangak-penyangak negara. Masalah dihadapi tetapi tidak pernah jumpa penyelesaiannya ialah pengedaran CD cetak rompak. Apakah sebab masalah ini tidak dapat diatasi, sedangkan kita tahu bahawa mesin membuat CD cetak rompak itu dibeli daripada negara luar. Persoalannya di manakah cara kemasukan peralatan berkenaan mestilah melalui laut, darat ataupun udara, tidak mungkin ia terus daripada langit dan kita tahu bahawa setiap laluan ini mesti ada pegawai penguatkuasaan yang meliputi pelbagai agensi. Di manakah kesilapan sehingga alat pembuatan yang besar ini boleh masuk ke negara kita.

Kalau yang besar boleh masuk tanpa halangan, maka sampai mati kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah kemasukan dadah. Satu tindakan yang drastik harus difikirkan oleh kementerian-kementerian yang terlibat supaya satu tindakan

bersepadu dapat dilaksanakan bagi menumbangkan penjenayah yang boleh mengakibatkan kehancuran kepada negara kita. Tuan Yang di-Pertua, belum selesai masalah cetak rompak, timbul pula masalah air mineral yang begitu tinggi. Dan, kini yang terbaru, timbul pula masalah diesel kepada negara dan kalau silap cara mengatasinya boleh menyebabkan ekonomi negara terjejas. Tuan Yang di-Pertua, sistem kuota yang diperkenalkan nampaknya tidak mendatangkan kesan yang positif. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk mencontohi langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin, yang mana beberapa agensi kerajaan disatukan dan diberi kuasa penguasaan.

Saya percaya bagi membantu kekurangan pegawai penguasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus bekerjasama dengan agensi lain seperti RELA, Polis, Polis Bantuan, Tentera mahupun Kastam dan sebagainya bagi membuat penyeliaan di setiap tempat penjualan dan pembelian minyak, khasnya di stesen minyak. Dengan yang demikian, kementerian dapat pastikan berapa sebenarnya keperluan untuk penjual minyak harga subsidi dan penjualan minyak harga komersial. Seperkara lagi kita minta supaya kementerian meneliti antara penyebab perkara ini boleh berlaku. Adakah kerana sistem ala Yahudi yang dibawa oleh pengeluar minyak, yang rata-rata hendak menjadikan pengusaha stesen minyak, bukan sebagai rakan kongsi berniaga tetapi sebaliknya menjadi kuli kepada mereka, yang mana sebenarnya dasar *smart partnership* gagal diterjemahkan melalui perniagaan ini.

Yang di-Pertua, saya bimbang, seandainya perkara ini dipandang remeh oleh kementerian, kerajaan akan gagal melahirkan pengusaha minyak yang berjaya tetapi sebaliknya melipatgandakan keuntungan kepada pengeluaran minyak. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mengkaji semula:

- (i) pensyaratan perjanjian yang dibuat di antara pengeluar dan pengusaha minyak yang mana dilihat berat sebelah;
- (ii) pengecualian beberapa cukai kepada syarikat pengeluaran minyak,;antara lain seperti pengecualian kerja-kerja *maintenance*, tetapi hari ini *maintenance* ditanggung sendiri oleh pengusaha stesen minyak,

- (iii) bayaran komisen bank melalui penggunaan kad kredit yang ditanggung oleh pengusaha stesen minyak sebanyak 1%, sedangkan kalau kita gunakan kad kredit kita sendiri untuk membeli-belah, komisen ini dipotong melalui bayaran balik pengguna;
- (iv) komisen yang terlalu rendah, yakni satu sen bagi setiap liter;
- (v) ketiadaan pertimbangan perikemanusiaan dan sentiasa mengetepikan kebajikan pengusaha stesen minyak.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang dihadapi oleh pengusaha stesen minyak inilah antara punca, penyebab yang mengundang kepada banyaknya penjualan minyak secara haram kerana pulangan yang amat minimum dan keperluan modal yang terlalu besar, yang membebankan pengusaha-pengusaha stesen minyak. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, baginda melahirkan rasa syukur di atas pendekatan baru Islam Hadhari yang mengutamakan sikap berbudi bahasa, melahirkan insan yang lebih bermoral bagi menentukan pendekatan baru ini, dapat diserapkan, maka kerajaan melalui Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi harus menitikberatkan masalah lapuk yang sering diperkatakan, iaitu berhubung dengan penapisan penyiaran yang ditayangkan sama ada di TV kerajaan mahupun TV swasta.

Hari ini remaja tidak perlu pergi ke pusat hiburan kerana hiburan dengan sendiri datang kepada mereka kerana terlalu banyak penayangan hiburan yang menjolok mata yang disiarkan. Sudah sepatutnya pihak kementerian memperbanyakkan rancangan bimbingan melalui drama yang boleh dijadikan contoh teladan, rancangan forum perdana dan sebagainya mengikut penyesuaian masa dan hari. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada kementerian yang bertanggungjawab dalam menentukan status negara Malaysia sebagai pusat pengeluaran barangan halal, berapa banyakkah pengusaha Islam maksud saya, pengusaha Islam, bukan jenama Islam yang terlibat dalam mengusahakan produk halal ini? Sejauh manakah pencapaian kerajaan bagi menentukan bahawa barangan yang dieksport adalah benar makanan halal dan perkara

ini mestilah dipandang serius dan sensitif kerana ia mengakibatkan hukum hakam agama kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri, ingin saya merakamkan terima kasih kepada pentadbiran Parlimen kerana kali ini kita bersidang dalam keadaan bilik Dewan yang mulia ini begitu cantik dan canggih yang dengan sendirinya....

Datuk Syed Ali bin Tan Sri syed Abbas Alhabshee: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah yang telah memberi laluan kepada saya. Saya pun turut sama berkongsi.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Datuk Syed, Puan Hajah Sharifah Azizah selalu dia bagi laluan. *[Ketawa]*

Datuk Syed Ali bin Tan Sri syed Abbas Alhabshee: Betul! Tuan Yang di-Pertua. Saya turut berkongsi bersama dengan Yang Berhormat tentang pandangan dalam Dewan Negara yang mana hari ini kita nampak Ahli-ahli Dewan Negara bertambah ceria, nampak bersemangat. Dahulu dia malap sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah, Insya-Allah, Dewan sudah cantik, semua sudah cantik tetapi kita tengok nama kita di depan itu pakai kertas. Dia tidak canggih. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, apakah kalau kita ganti dengan nama yang *proper*, cantik sedikit, saya rasa lebih ceria. Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan yang baik tambah pula kita datang daripada satu kapal. *[Ketawa]* Saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Ali tadi kerana dalam kita ke arah Malaysia yang maju baru ini, haruslah nama itu lebih canggih lagi. Kalau tidak dengan kayu, dengan tembaga. Jadi, itu cadangan saya kepada pentadbiran Parlimen.

Saya sambung semula ucapan saya. Kali ini kita bersidang dalam keadaan bilik Dewan yang mulia ini begitu cantik dan canggih, yang dengan sendirinya melahirkan satu nafas, semangat baru seta memperkukuhkan lagi sikap kewibawaan kepada semua Ahli Dewan pada hari ini. Dengan yang demikian, saya mohon menyokong usul yang dibawa Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, Presiden Kelab Senator. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

2.48 ptg

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Bismillah. Alhamdulillah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya hulurkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas dalam Titah Ucapan Tuanku. Tidak ketinggalan juga bahawa dalam Titah Ucapan Tuanku dan pada 21 Mac baru-baru ini, yang telah menggambarkan sedikit sebanyak cara-cara kehidupan orang-orang Malaysia ini, di mana keprihatinan rakyat Malaysia di dalam kita menangani mangsa-mangsa Tsunami ini begitu baik sekali. Saya berasa bangga apabila dikatakan seorang rakyat Malaysia kerana diselubungi dan dipenuhi dengan rakyat-rakyat yang berbilang kaum, yang mengetahui kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa Tsunami. Tidak tertumpu sahaja kepada negara kita di Malaysia tetapi juga di Sumatera, Aceh dan juga di Sri Lanka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu merangkumi dalam perbahasan saya ini kepada semua aspek-aspek yang telah diberi di dalam Titah Ucapan Tuanku. Saya akan pergi kepada pengkhususan kepada dua, tiga perkara sahaja dengan lebih mendalam, oleh kerana perkara-perkara lain telah pun diberi dan disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada fasa ekonomi di dalam Titah Ucapan Tuanku fasa 6 di mana pertumbuhan ekonomi di negara kita ini begitu membanggakan sekali.

Kalau kita lihat dari nota-nota ataupun maklumat-maklumat yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2004, khususnya akhir tahun 2004 telah menumbuh sejumlah 7.1% dan tertinggi sekali semenjak tahun 2000. Kalau kita lihat juga pada pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia ini pertumbuhannya kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang lain kecuali di China yang merekodkan pertumbuhan ekonomi KDNK yang begitu tinggi sekali, negara kita tidak kurang juga dari segi pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat dan juga di United Kingdom menunjukkan bahawa penurunan ekonomi ini kalau kita bandingkan dengan tahap pencapaian negara kita ini. Malah kalau kita lihat di negeri Jepun pun ini

menunjukkan satu pencapaian yang tidak membanggakan kalau kita bandingkan dengan negara Malaysia ini.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi beberapa angka-angka untuk menguatkan lagi hujah-hujah saya ini kalau kita lihat. Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat pada tahun 2003, pencapaian KDNKnya hanya 3%, pada tahun 2004 ianya mencapai sejumlah 4.4%. Di negeri Jepun pada tahun 2003 - 3.2% dan pada tahun 2004 mencapai pada 2.6% sahaja. Di United Kingdom, pada tahun 2003 - 2% dan 2004 ialah 3%. Kita ambil di negara kita di negara Asian ini berbanding dengan Thailand, Filipina, Indonesia dan Malaysia. Di Thailand pada tahun 2003 mencapai tahap 6.9% kalau kita bandingkan pada tahun 2004 - 6.1%, di Filipina iaitu 4.7% pada tahun 2003 dan 6.1% pada tahun 2004. Indonesia iaitu 4.9% dan 5.1% pada tahun 2004. Di Malaysia mencatat sejumlah 5.3% pada tahun 2003 dan 7.1% pada tahun 2004.

Untuk makluman sahaja, negara China mencatat 9.3% pada tahun 2003 dan 9.5% pada tahun 2004. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi serta pengawasan perkembangan ekonomi ini merupakan salah satu benda yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan khususnya kerajaan Barisan Nasional dengan baik dan bangganya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kalau kita pergi lebih mendalam bahawa pengeluaran perkilangan ini dalam mencetuskan ekonomi kita ini dalam hendak maintainkan ekonomi kita ini terdiri daripada perkilangan dan juga dari segi sektor galian ataupun mining. Walau bagaimana pun kalau kita lihat dari segi pembinaan pula mencatat pertumbuhan yang negatif yang kalau saya beri secara angkanya pembinaan telah mencatat pertumbuhan pada tahun 2003 hanya 1.9% dan pada tahun 2004 ialah minus ataupun tolak 1.9%, kalau kita pecahkan kepada quarter pula, pada Q1 ataupun first quarter ialah minus 0.6, turun kepada minus 1.7, minus 3.0 dan pada minor quarter 2004 ialah minus 3.3%. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa sektor ini amat-amatlah diperlukan untuk memberi satu pernafasan oleh kerana pertumbuhan di dalam sektor pembinaan ini akan mencetuskan lagi pertumbuhan ekonomi-ekonomi yang lain yang mana ia akan mencetuskan 33 rangkaian yang lain untuk memberi satu pertumbuhan ekonomi dari segi change reaction kepada industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pula dari segi keperluan-keperluan mengapakah ekonomi kita ini bertambah baik di dalam sektor-sektor yang lain kalau kita bandingkan sektor-sektor yang ada di dalam negara kita ini disebabkan oleh beberapa perkara iaitu salah satu perkara ialah tajaan orang ramai yang sekarang ini mencukupi dan melebihi daripada apa yang diperlukan di peringkat luar sahaja. Ini bermakna bahawa wang saku di dalam poket kita ini dalam suri rumah tangga sudah melebihi perbelanjaan yang diperlukan sebagai perbelanjaan asas.

Kita juga tahu ketahui bahawa perbelanjaan kerajaan telah menurun dan menguncup tetapi kalau kita lihat pertumbuhan dari segi pelaburan-pelaburan asing juga dan pelaburan-pelaburan tempatan masih juga meningkat kepada 2.2% dan ini jelas menunjukkan bahawa kekurangan perbelanjaan pihak kerajaan ini akan juga memberi cetusan kepada pihak swasta untuk belanja dengan lebih berhemah lagi dan lebih memberi penambahan kepada pelaburan-pelaburan yang mereka akan labur. Pada keseluruhannya kita melihat bahawa pencapaian ekonomi kita di negara Malaysia ini amatlah membanggakan dengan sebagaimana yang saya nyatakan iaitu pertumbuhan sejumlah 7.1%.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi saya hanya akan mengkhususkan ucapan perbahasan saya ini di dalam beberapa perkara sahaja yang saya akan cetuskan di sini ialah dalam perkara pembinaan. Di dalam Titah Ucapan Tuanku ada disarankan bahawa syarikat-syarikat binaan digalakkan keluar negara untuk mencari pasaran-pasaran yang baru, oleh kerana pasaran-pasaran di Malaysia ini - pasaran-pasaran tempatan telah mencapai satu tahap yang telah saturated ataupun telah pun mencapai satu tahap yang tidak boleh dikembangkan lagi dengan begitu pesat. Di ikuti pula dengan saranan menteri dan juga saranan-saranan kabinet untuk bertukar kepada sistem Industrialize Building System (IBS) yang akan mengurangkan pergantungan terhadap buruh-buruh seperti keperluan buruh-buruh asing dan kita terus menunjukan kepada perkara-perkara yang lebih sistematik.

Izinkan saya memberi beberapa data di dalam syarikat-syarikat yang telah keluar negara. Jumlah kontraktor Malaysia yang telah keluar negara ialah sejumlah 62 orang. Jumlah kontrak yang telah berjaya ialah sejumlah 32 buah kontrak. Negara yang telah diceburi ialah sejumlah 25 buah negara, jumlah kontrak yang diperolehi ialah 33 bilion.

Jumlah kontrak yang telah siap ialah 11 bilion, hanya tinggal 22 bilion sahaja lagi yang masih dijalankan oleh kontraktor-kontraktor tempatan yang keluar negara. Kalau kita bandingkan dengan jumlah kontraktor yang ada di seluruh Malaysia ini iaitu 62, 780 orang. Jadi 62 orang daripada 62, 000 dalam erti kata peratusannya ialah 0.01% sahaja yang ada dan berjaya keluar negara untuk mendapat hasil-hasil daripada pasaran-pasaran baru ini. 99.99% lagi masih lagi kekal di negara kita ini.

Walaupun saranan ini bagus, walaupun pembahagian mencari pasaran yang baru ini perlu digalakkan, namun dalam realiti yang sebenarnya kerajaan masih lagi perlu dan mesti melihat kepada jumlah kontraktor yang begitu besar, 99.9% masih lagi bergantung pada perbelanjaan kerajaan.

Kalau kita lihat dari segi jumlah kontraktor yang saya katakan tadi berbanding dengan jumlah penduduk yang ada di negara kita ini, kalau kita ambil 25.2 juta rakyat yang ada di Malaysia ini, jumlah kontraktor yang memberi khidmat kepada tiap-tiap rakyat ialah seorang kontraktor akan memberi khidmat kepada nisbahnya kepada 400 orang penduduk di Malaysia ini.

Ini menunjukkan bahawa jumlah ini satu jumlah yang begitu tinggi, malah tidak keterlaluan kalau saya katakan ia satu jumlah yang tertinggi sekali di dalam dunia. Kalau kita banding di negara Jepun, satu kontraktor akan memberi khidmat kepada 10,000 penduduk dan di sini hanya 400 sahaja yang sudah tentu ia akan menjadi satu industri yang tidak begitu menguntungkan dan akan mencemaskan pada masa-masa yang akan datang.

Jumlah perbelanjaan pihak kerajaan pula dalam Rancangan Malaysia Kelapan berjumlah RM160 bilion, kalau dipuratakan dalam 5 tahun di antara RM30 bilion ke RM35 bilion sahaja dibelanja oleh pihak kerajaan tiap-tiap tahun untuk menampung kontraktor-kontraktor ini. Oleh yang demikian, perlulah pihak kerajaan ada satu rancangan khusus cara mana boleh kita memenangi, dalam kita memenangi bahawa kontraktor-kontraktor ini perlu terus hidup pada masa-masa akan datang.

Kerajaan mesti pupuk, didik serta asuh mereka ini supaya jangan mereka mati kelaparan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Ismail bin Kasim: Pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Roslan. Saya ingin bela sedikit tersentuh nasib kawan-kawan terutamanya kontraktor biasanya kelas F dan kelas A, B, C, D, dan sebagainya yang dilihat kebelakangan ini ramai yang terpaksa menutup operasi dan pejabat masing-masing akibat ketiadaan tender daripada kerajaan. Dan kita menunggu dan setengahnya terpaksa menunggu hampir dua tahun selepas mendapat surat niat daripada kerajaan tapi menunggu ini seperti menunggu buah yang tidak jatuh, sampai sekarang masih belum dikeluarkan. Apa pandangan Yang Berhormat kerana apabila kita cuba diminta oleh rakan-rakan kontraktor ini untuk menyampaikan pandangan dan juga bantahan mereka kepada EPU dan Kementerian Kewangan serta kementerian-kementerian terbabit, cuma jawapan yang diberikan sekarang ini ataupun surat yang dikeluarkan oleh atas arahan Ketua Pengarah KSU, PKSU dan sebagainya, mengatakan bahawa tidak ada lagi projek yang dikeluarkan secara rundingan terus kepada sebarang syarikat pembinaan. Maksudnya semua akan dibuat mengikut proses tender seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Tetapi kebelakangan ini kita lihat masih ada di kalangan syarikat-syarikat yang masih mendapat projek secara rundingan terus dan kita rasakan seolah-olah ada dua percanggahan pandangan ataupun ketetapan yang dibuat oleh pihak kementerian. Jadi selaku Presiden Persatuan Kontraktor saya minta pandangan Yang Berhormat Datuk berhubung dengan perkara ini.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Ismail telah pun mengetahui bahawa perkara yang berlaku seperti yang dikatakan tadi memang berlaku mengikut pengetahuan saya. Dalam satu ucapan ataupun satu kenyataan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga selaku Menteri Kewangan Pertama bahawa tiada lagi kontrak-kontrak yang akan diberi secara runding terus. Hanya tender-tender secara telus akan diberi, akan ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor.

Tetapi masih terdapat juga kontraktor-kontraktor yang mendapat kontrak-kontrak secara runding terus, mungkin kerana perkara-perkara yang lama ini telah pun memberi ikatan kepada yang dahulu, saya tidak pasti, bolehlah kita mendapat hujah serta

gulungan daripada kementerian-kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Kewangan dan Kementerian Kerja Raya ataupun Kementerian Pelajaran yang masih lagi memberi kerja-kerja ini, menawarkan kerja-kerja ini kepada kontraktor-kontraktor berkenaan.

Hanya daripada saranan Yang Berhormat tadi, saya mengambil kesempatan di sini untuk mencelah bahawa carilah kontraktor-kontraktor yang tulen supaya mereka ini yang sudah diberikan kerja dapat memberi nafas baru, dapat dipertahankan supaya tidak gulung tikar sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melanjutkan lagi perbahasan saya ini di dalam hal-hal yang selanjutnya. Satu masa dahulu kerajaan selepas berlakunya 13 Mei 1969, kerajaan telah menggubalkan satu dasar yang begitu baik iaitu Dasar Ekonomi Baru. Malah saya dengan bangga mengatakan bahawa saya juga hasil daripada Dasar Ekonomi Baru. Adik-adik yang duduk di sana, Insya-Allah merupakan anak kepada Dasar Ekonomi Baru. Saya bangga kehadiran adik-adik pada petang ini untuk mendengar dan mengetahui selok-belok apakah perancangan, cara manakah dasar-dasar kerajaan ini dibuat di masa kini dan masa-masa yang akan datang.

Sesungguhnya adik-adik patut merasa bangga kerana boleh berada di dalam Dewan ini dan memperlihatkan bagaimana perbelanjaan, undang-undang dan dasar-dasar kerajaan dapat dibuat.

Di dalam Dasar Ekonomi Baru ini pada ketika itu kerajaan telah memberi satu kempen yang begitu kuat sekali kepada pelajar-pelajar supaya belajar dengan tekun dan menjadi orang-orang yang berguna, malah disuruhnya kita mengambil jurusan-jurusan Sains. Ramai di antara orang-orang Melayu khususnya berminat kepada Sastera tetapi selepas tingkatan 3 dipaksa mengambil Sains walhal pada ketika itu kita tertanya-tanya apakah Sains?

Hasil daripada dasar pelajaran kerajaan pada ketika itu, maka ramailah orang diberi satu pernafasan ataupun *exposure* yang baru terhadap Sains. Timbullah daripada dasar ini *feedback* - jurutera, *scientist*, doktor dan sebagainya. Saya mengkhususkan kepada jurutera ini di mana banyak cabang kejuruteraan yang diceburi oleh penuntut-penuntut pada ketika itu. Tidak ketinggalan juga ramai daripada orang-

orang Melayu, Cina dan India mengkhususkan kepandaian, kecerdikan mereka ini menjadi seorang jurutera, arkitek, juru ukur bahan, mekanikal *engineer* dan sebagainya.

Sekembalinya mereka daripada luar negara mendapatkan ijazah-ijazah ini maka mereka diberi kerja di jabatan-jabatan kerajaan dan selepas pada tahun 1980 memberi galakan pula supaya mereka ini menceburi di dalam hal-hal perniagaan. Ramai daripada mereka ini yang telah membuka firma-firma mereka sendiri, ramai daripada mereka ini yang berjaya pada satu ketika dahulu.

Lantas pada tahun 1999, kerajaan memperlihatkan juga bahawa satu suntikan baru dari segi ekonomi perlu juga diberi di dalam mencetuskan kepada negara kita ini supaya berkembang dengan lebih pesat lagi ekonomi kita, dan salah satu ialah memberi sekolah-sekolah sejumlah 602 buah sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Kementerian Pelajaran pagi tadi dalam Jawapan Lisan, 602 buah sekolah telah diberikan pada tahun 1999.

Oleh kerana pada ketika itu JKR tidak mampu untuk menyelenggarakan, ramailah PMC telah diberi kerja kepada mereka ini dan kebanyakan PMC ini, *project management consultant* ini terdiri daripada orang-orang Melayu, orang bumiputera dan juga berbilang-bilang kaumnya. Sekarang ini dengan ketandusan projek, apa akan terjadi kepada mereka ini, golongan-golongan profesional yang begitu baik, hasil daripada kempen kerajaan untuk menjadikan mereka ini orang-orang yang berguna pada masa-masa yang akan datang.

Sekarang ini saya boleh mengatakan bahawa tidak kurang 80% daripada mereka ini menghadapi masa yang kritikal, hidup hampir-hampir mahu mati, hampir-hampir mahu gulung tikar oleh kerana ketiadaan projek ini. Oleh yang demikian saranan kerajaan untuk mengalihkan kesemua projek ini di bawah jagaan JKR, saya memohon kepada kerajaan supaya memikir dan mengalihkan balik kerja-kerja ini kepada golongan profesional-profesional yang dibentuk dan dicetuskan daripada idea-idea pihak kerajaan itu sendiri.

Janganlah hendaknya kita mempercepatkan pemikiran kita kepada menukarkan satu benda kepada suatu benda dengan tanpa melihat kesan-kesan yang buruk, yang akan berlaku kepada mereka ini. Oleh yang demikian, saya juga mengharapkan

bahawa kerja-kerja yang lain seperti kerja-kerja yang telah diberi oleh pihak kerajaan dapat diperkecilkan supaya ramai lagi yang dapat menyertai dan merasai sama.

Saya ingin membawa contoh di dalam kerja-kerja yang telah diberi oleh pihak kerajaan kepada kontraktor-kontraktor yang tidak membawa *effect* ataupun keberkesanan sebagaimana yang dirancang. Dalam penyelenggaraan jalan yang telah diberi oleh pihak kerajaan kepada tiga buah syarikat, kita, pihak saya telah pun membuat satu kajian di dalam mereka ini melaksanakan kontrak-kontrak ini, apakah kesan terhadap kontraktor-kontraktor di bawahnya. Kontrak penyelenggaraan jalan ini telah diberi, saya ambil contoh, di Pantai Timur, tempat saya, yang merangkumi empat buah negeri iaitu di Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan yang diberi kepada satu syarikat bernama Road Care.

Pada awalnya, Road Care ini telah mencari kontraktor-kontraktor yang kecil, Kelas F dan sebagainya, memberi kerja-kerja kontrak selama 2 tahun campur 1. Kontrak ini diikat jamin oleh syarikat ini dengan kerajaan selama 15 tahun campur 5, 15 tahun campur 5 tahun opsyen dan diberi subkontrak kepada kontraktor-kontraktor kecil hanya 2 campur 1. Apabila tamat 2 campur 1 ini, maka kontraktor induk ini telah menukarkan kontraktor-kontraktor kecil ini kepada kontraktor-kontraktor yang lain dengan alasan bahawa harga terlalu tinggi.

Banyaklah perkara yang tidak kena dalam menjalankan kerja-kerja kontrak ini yang mendatangkan kemudaratan kepada kontraktor-kontraktor kecil ini, penindasan yang tidak terbela...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya ingin bertanya sedikit tentang Konsep Payung yang digunakan oleh kerajaan, iaitu kita bagi kepada satu kontraktor besar dan diharapkan kontraktor-kontraktor ini “*sub*”kan kerja-kerja lain itu kepada kontraktor-kontraktor kecil. Tetapi dari segi kos, kalau kita gunakan Konsep Payung, kontraktor besar ini ia akan mengambil untung atas setiap subkontrak ini dan subkontrak ini juga tidak perlu mengambil untung. Jadi kos sudah tentulah akan melambung naik.

Apa pendapat Yang Berhormat kalau katakan kita pecahkan kontrak-kontrak itu dijadikan kontrak-kontrak yang kecil-kecil supaya kita bagi kepada semua orang, tidak melalui satu kontraktor sahaja supaya kita dapat menurunkan kos, itu satu.

Dan yang kedua, tadi soalan Yang Berhormat kepada menteri iaitu tentang *final account*. Yang Berhormat ada bertanya tentang *final account* ini bila kita hendak *close* dan sebagainya dan jawapan daripada menteri tadi ialah *final account* akan ditutup selepas *defect liability period*, sedangkan kita tahu dalam setiap tender ataupun kontrak, dia ada *stakeholders* yang disimpan oleh kerajaan selama mungkin 2 tahun atau 3 tahun atau kalau tidak ada *stakeholders*, *the performance bond*. Jadi ini adalah wang yang akan digunakan semasa *defect liability period* dan selalunya *final account* ini dibuat sebelum ataupun semasa penyerahan projek-projek yang telah siap, kita dapat CPC daripada arkitek ataupun jurutera, kita boleh buat *final account*.

Tetapi sehingga ke hari ini, apa yang saya dimaklumkan daripada menteri tadi, saya rasa satu jawapan yang agak berlainan kerana *final account* katanya dibuat selepas *defect liability period*. Itu yang kedua.

Dan yang ketiga, kita hendak bantu kontraktor dan banyak kontraktor ini, khususnya kontraktor-kontraktor bumiputera banyak bergantung kepada projek-projek kerajaan. Bila dia bergantung kepada projek-projek kerajaan, kadang-kadang kita tengok dia punya *defect liability period*, dengan izin, terlalu panjang, hampir tiga tahun, ada dua tahun, ada tiga tahun. Jadi bila ada *defect liability period* yang dipegang selama tiga tahun, maka kontraktor terpaksa menanggung 5% yang sebenarnya keuntungan kepada kontraktor itu dipegang oleh kerajaan selama tempoh tiga tahun.

Duit itu tidak boleh dipakai. Selepas tempoh *defect liability period*, barulah duit itu boleh kita guna pakai. Sedangkan kalau kita perhati betul-betul tempoh *defect liability period* ini tidak semestinya kita katakan tiga tahun, setahun pun kita sudah boleh nampak. Kadang-kadang 10 tahun baru kita nampak. Jadi kontraktor terpaksa menanggung untung yang dia dapat itu dia terpaksa tunggu tiga tahun, baru dia boleh dapat. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat sedikit sebanyak mengetahui dan fasih di dalam hal-hal kontrak ini dan mengikuti perkembangan-perkembangan rancangan-

rancangan kerajaan di dalam Sistem Payung ataupun ikatan kontrak dalam *defect liability period* ataupun DLP ataupun kontrak kerajaan yang telah dijalankan sekarang ini iaitu *final account*.

Di dalam sistem payung ini, satu ketika dahulu menjadi satu sistem yang telah dipakai oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dalam menjalankan kerja-kerja jalan kampung yang telah diberikan kepada satu kontraktor induk dan diubahsuai selepas itu, bertukarnya Menteri, ubahsuainya kepada sistem yang lain tetapi berkonsepkan yang sama, memberi kontraktor pelaksana dan kontraktor induk. Saya mengetahui bahawa konsep ini ada baik dan ada buruknya. Konsep payung, yang baiknya ialah dari segi pihak kerajaan dapat mengurangkan tingkah laku dengan kontraktor-kontraktor yang ramai, hanya ambil satu orang kontraktor sahaja dalam satu negeri itu untuk menyelenggarakan kesemua kontrak yang ada. Yang buruknya, banyak iaitu yang pertama sekali kontraktor-kontraktor kecil tidak mendapat harga yang baik, kontraktor-kontraktor kecil boleh ditindas, kontraktor-kontraktor kecil mungkin tidak dibayar setimpal dengan apa yang telah dibuat kerjanya. Oleh yang demikian, sekarang ini saya percaya pihak kerajaan telah pun ubahsuai kerja-kerja ini sekarang dan sekarang ini saya masih lagi menunggu apakah sistem terbaru pula yang akan dikendalikan oleh pihak kerajaan di dalam menjalankan kerja jalan-jalan kampung.

Penjelasan yang keduanya ialah *defect liability period* iaitu tempoh kecacatan; ada yang sepuluh tahun, ada yang satu tahun. Saya tidak dengar lagi yang tiga tahun, yang lima tahun ada iaitu ia tidak dipanggil *defect liability period* tetapi dipanggil *design guarantee*, *design-build* punya sekolah mesti memberi tempoh *design* tadi selama lima tahun. *Defect liability period* masih tertakluk kepada dua tahun. Saya tidak nafikan bahawa pandangan Yang Berhormat tadi bahawa cara ini akan mengikatkan jumlah wang yang ada dengan sepatutnya yang diterima oleh pihak kontraktor dipegang oleh pihak kerajaan. Tetapi, secara puratanya kerajaan tidaklah sebegitu zalim, ia memberi juga kepada kontraktor laluan supaya memberi bank *guarantee* supaya ditukarkan dengan wang yang telah diikat oleh pihak kerajaan.

Yang seterusnya ialah saya menjangkakan jawapan Kementerian Pelajaran pagi tadi bahawa *final account* ini merupakan salah satu yang akan dibuat selepas daripada *defect liability period*. Ia betul oleh kerana apabila segala kecacatan yang ada kepada

bangunan itu sudah tentu mesti dibaiki dahulu barulah *final account* itu boleh dibuat. Tetapi di sini ingin saya mencelah, Tuan Yang di-Pertua bahawa *final account* merupakan salah satu benda yang akan memudaratkan kontraktor. Ada saya memberi contoh *final account* yang sampai lima hingga, tujuh tahun yang masih tidak dapat diselesaikan. Ini berasaskan kepada beberapa perkara dan mengikut pengalaman yang telah saya lalui, ada sampai tujuh, lapan tahun masih lagi *final account* ini, akaun muktamad ini tidak dapat dijelaskan disebabkan oleh beberapa faktor yang di luar dugaan ataupun tidak dirasai oleh pihak kementerian itu sendiri.

Sebagai contoh, kalau kita ambil Kementerian Kerja Raya. Apabila sesuatu kontrak itu tamat, habis dilaksanakan di peringkat fizikalnya, timbullah peringkat yang non fizikal supaya mereka ini menamatkan kontrak pada akaun muktamad. Tetapi untuk menamatkan akaun muktamad ini, maka ia memerlukan sejarah (*history*) of the project. Untuk mendapatkan sejarah projek ini perlulah kepada *superintending officer* dan kebanyakannya, lazimnya berlaku apabila tamat sesuatu kontrak itu, *superintending officer* ini, *engineer* ini akan bertukar kepada projek yang lain, maka sejarah projek ini sudah tentu tidak dapat diketahui dan ia akan menjadi dari satu hari ke satu hari, dari satu minggu ke satu minggu, satu bulan sampai bertahun-tahun, barulah ia boleh dan tidak tahu apakah sejarah yang seterusnya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: [Bangun]

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Roslan. Bila bercakap tentang *defect liability period* ini, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat ini seorang kontraktor, saya bukan kontraktor dengan sebab itu saya hendak tahu siapa yang hendak disalahkan dalam masalah ini. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, saya hendak tanya, siapa yang harus kita salahkan? Kalaulah Yang Berhormat kata tadi projek itu mempunyai sejarahnya, apabila sudah disiapkan, dalam tempoh kita hendak membangunkan atau hendak membina sesuatu projek yang kita jalankan, sudah tentu banyak *instructions*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh *superintending officer* tadi.

Kalau tidak silap saya, daripada *contractual agreement*, sepatutnya kalau *superintending officer* sudah mengarahkan sesuatu kerja untuk dijalankan oleh

kontraktor, kontraktor kena jawab, beritahu saya setuju, ini harganya, dalam tempoh sekian hari bulan dan itu akan membuktikan bahawa projek itu telah pun dijalankan apabila *superintending officer* tadi menjawab, bersetuju bahawa ini harus dijalankan. Jadi, tidak ada cerita tentang sejarah, sama ada *superintending officer* sudah ditukarkan atau sudah tiada lagi di situ. Ini yang saya hendak tanya, siapa yang disalahkan? Kalau kita kata kontraktor tidak begitu profesional dalam menjalankan tugas, mengapa tidak kita minta kerajaan supaya membantu kontraktor-kontraktor ini untuk meningkatkan profesionalisme di peringkat kontraktor-kontraktor kita supaya lebih tahap mereka ini dapat membantu kerajaan untuk menyelesaikan projek. Kalau kita rasa kerajaan lambat bagi menyelesaikan *defect liability period* kerana sesuatu sebab, kita cadangkan kepada kerajaan untuk menentukan supaya kerja-kerja yang dibuat ini lebih amalannya kepada apa yang kita katakan *good governance* pada hari ini. Saya hendak minta pandangan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di dalam pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat ini, perkara pokoknya ialah *final account*. Di dalam menentukan *final account* ini, termasuk *defect liability period* tadi, ada beberapa perkara yang perlu diadakan iaitu sejarah kontrak itu.

Tuan Yang di-Pertua, merupakan seorang doktor. Dalam merawat seseorang itu mesti ada *case history*, *history of the patient*, begitu juga *history of the project*, mesti ada, barulah boleh kita membuat satu rawatan dan menutupkan akaun tadi. Apabila tamat, *defect liability period* pun selesai, timbullah *final account* yang dikatakan tadi. Jadi, pokoknya ialah *final account*, bukan *defect liability period*. *Defect liability period* hanya memperbaiki benda yang tidak sempurna pada pembinaan itu sendiri.

Tujuan *final account* ini ialah untuk mendapat wang yang ada, yang siap, yang telah siap kerja diberi kepada kontraktor, terutama sekali ketika ini semasa ketiadaan kerja, supaya mereka ini boleh merasai keuntungan-keuntungan yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Dato' Omar tadi. Jadi, hendak dikatakan siapa yang salah, siapa yang patut kita tumpukan di sini, kesemuanya perlu ditumpukan. Saya tidak nafi bahawa ada kontraktor-kontraktor yang lemah. Tetapi, kalau saya ambil contoh JKR tadi, bahawa pegawai-pegawainya sering bertukar daripada satu projek *site* ke projek *site* yang baru. Apabila tamat, maka sudah tentu sejarah di dalam membuat arahan

kerja tadi *various order* dengan izin, arahan beban kerja sudah tentu sudah lupa. Jadi kalau lupa ini, *history* tidak ada, tidak ada yang hendak memberi satu pengesahan, maka *final account* akan berjalan daripada setahun ke setahun sampai tujuh atau lapan tahun.

Mengikut kiraan saya, tidak kurang daripada RM500 juta jumlah ini yang telah pun siap kerja, yang masih lagi tidak dibayar oleh pihak-pihak *client* termasuk kebanyakannya daripada pihak kerajaan. Kalau kita tumpukan kepada sekolah, 602 buah sekolah tadi, satu pun sehingga hari ini masih lagi tidak dibuat *final account*. Jumlah ini adalah satu jumlah yang besar. Kalau kita lihat keadaan ketenatan kontraktor-kontraktor yang ada sekarang ini, maka saya merayu. Saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mempercepatkan *final account* ini agar mereka yang menjalankan kerja-kerja ini, yang telah pun selesai dapat merasai dan memberi satu sekatan untuk digulungtikarkan syarikat-syarikat mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada yang saya katakan tadi, penyelenggaraan kerja yang mana terdiri kebanyakannya kepada kontraktor-kontraktor kelas F. Jumlah kontraktor kelas F ialah hampir-hampir 35,000 orang, merangkumi lebih kurang 59% daripada jumlah kontraktor-kontraktor yang ada dan ini merupakan asas kepada industri ini secara umumnya dan juga merupakan asas perkukuhan politik di dalam negara kita ini yang ada sekarang. Di dalam hujah saya, di dalam memberi perkara-perkara yang telah dibuat, tadi banyak perkara yang telah diberi kepada kontraktor-kontraktor kelas F ini di dalam membuat kerja-kerja penyelenggaraan jalan ini, bukannya datang daripada daerah yang sama.

Ada daripada daerah-daerah yang lain, yang pergi membuat kerja-kerja ini kepada daerah-daerah yang tidak sepatutnya diberi mengikut syarat lesen yang telah dikeluarkan. Ianya arahan kerja yang telah diberi tidak dibayar. Harga-harga yang telah diberi adalah terlalu rendah dan menekankan. Potongan-potongan yang telah diberi tidak jelas. Pembayaran-pembayaran yang telah dibuat dengan potongan yang begitu keras, ianya dengan sendirinya telah merugikan kontraktor itu sendiri. Penamatan kerja tanpa surat amaran dan alasan yang mencukupi sering dibuat oleh pihak kontraktor induk tadi. Tiada jaminan kesinambungan kerja kepada kontraktor ini juga melemahkan semangat. Hanya diberi dua campur satu sahaja, padahal mereka ini telah diberi 15

tahun campur lima tahun oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya perkara-perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Datuk Haji Karim Ghani: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Sila.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Saya sungguh tertarik atas penjelasan Yang Berhormat, terutama sekali kepada kontraktor-kontraktor kecil dan pembekal-pembekal kerajaan. Saya banyak menerima sungutan, bahawa walaupun telah dijanjikan, kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal kerajaan apabila selesai memberikan khidmatnya, mereka harus dibayar dalam masa tiga bulan. Tetapi, masih banyak lagi sungutan mengatakan ada sampai lima bulan, enam bulan, lapan bulan pun belum dibayar sedangkan pada ketika ini, apabila projek sangat berkurangan, kontraktor-kontraktor ini menawarkan harga yang paling murah.

Tetapi, apabila pembayaran sampai lima, enam bulan masih belum dibayar, maka keuntungan itu habis sahaja untuk membayar bank dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat? Apakah kerajaan memantau janji yang hendak membayar dalam masa tiga bulan ini masih lagi dilaksanakan supaya kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal tidak mengalami kesusahan sehingga banyak, khabarnya pada ketika ini kontraktor-kontraktor ini yang mempunyai komitmen terpaksa menyorokkan kereta yang hendak ditarik dan overdraf yang hendak dibatalkan dan pekerja-pekerja yang tidak dibayar gaji. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya ada kontraktor-kontraktor induk yang membuat sedemikian. Tetapi, tidaklah ianya membuat tidak membayar. Secara kontraknya ianya membayar. Tetapi, cara membayarnya dengan membuat potongan. Yang saya katakan tadi, potongan yang tidak munasabah. Ia mengikuti kontrak dan melakukan pembayaran tetapi sepatutnya kalau saya memberi contoh, sepatutnya dibayar sejumlah RM100,000. Dia potong sini, dia potong sana, akhir-akhirnya hanya RM10,000 sahaja dia bayar. Jadi, 90% lagi telah diberi dengan alasan-alasan yang tidak munasabah sebagaimana yang saya memberi contoh. Itu salah satu kerugian apabila kita memberi kontrak ini kepada kontraktor-kontraktor gergasi dan yang melemahkan tanpa kontraktor-kontraktor kecil ini, tiada

tempat untuk mengadu di manakah sepatutnya, sebab kesinambungan kerja ini juga bergantung kepada kontraktor-kontraktor besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya.....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu Yang Berhormat hendak beri laluan?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya serah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu hak Yang Berhormat, bukan hak saya.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Baiklah. Dr. Fuad.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Fuad dulu.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit soalan di sini. Sekarang, kalau dilihat dalam segi kejayaan kontraktor-kontraktor dengan izin, kita ada kelas A, kelas B, kelas BX, kelas C, kelas F. Lihat berapa ramai golongan kontraktor-kontraktor dan golongan semua ini. Kejayaan dari segi peratusnya kelas A mungkin tidak sampai 5%. Malah, kelas B, kelas C, kelas D, kelas E dan kelas F. Mengapa sedemikian rupa berlaku? Adakah kontraktor bumiputera tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pembinaan? Yang selalu dipersalahkan kontraktor-kontraktor yang tidak dapat menyiapkan kerja-kerja. Dalam pengalaman saya, beberapa tahun yang lampau, yang pertama masalahnya pembekalan bahan binaan. Susah hendak dapat bahan-bahan binaan. Kalau dapat sekalipun, harganya mahal. Mengapa tidak boleh buat macam *Pernas Trading* dahulu, boleh bekalkan bahan-bahan binaan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera supaya mereka dapat melaksanakan kerja-kerja binaan dengan sempurna?

Yang kedua, dalam segi pengalaman bekerja. Dulu kita ada dengan tenaga pekerja yang mahir. Sekarang, semua orang sudah lari, sebabnya kerja-kerja binaan tidak ada. Itu salah satu sebab mengapa kontraktor bumiputera tidak berjaya. Lagi satu sebab adalah mengenai dengan jumlah kerja yang ada sekarang berbanding dengan jumlah kontraktor yang ada. Bila ada satu kerja, sekarang semua buat *open tender*. Dahulu kita ada *negotiated contract* dengan izin, ada *selective tender* dengan izin. Sekarang, semuanya *open tender*, tender terbuka. Bila ini berlaku, lebih kurang 150

hingga 200 kontraktor akan masuk sesuatu projek. Kita lihat di sini, harga-harga yang masuk boleh dikatakan harga-harga yang terendah yang mana tidak mampu hendak buat, lebih bawah daripada bajet, hendak pilih kontraktor pun susah.

Saya rasa kalau bolehlah mungkin Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan cuba teliti, selidik dan tengok mengapa sedemikian rupa berlaku. Mengapa kita tidak boleh memohon kepada kerajaan timbang balik di atas *negotiated contract* ataupun rundingan terus. Mungkin kita boleh buat di setiap negeri bahagikan kepada kawasan-kawasan supaya semua kontraktor diberi peluang untuk sebut harga di setiap negeri melalui daerah atau negeri. Sekarang semua terbuka dan subkontrak pula kepada orang ramai.

Bagi *negotiated contract* ataupun *selective tender* tidak secara *open tender*, tetapi *open tender* mungkin boleh berlaku pada tender-tender yang kecil. Pada tender-tender yang besar saya ingat ini mungkin kita buat *negotiated contract* mungkin di atas JKR *rate*, walaupun kita takut *negotiated tender* ini untungnya mungkin *profit margin* sampai 20%. Kalau kita pergi kepada JKR *rate* 15%, mengapa tidak bolehkah kita buat *negotiated tender* melalui tender terhad, katakanlah 10 atau 15 kontraktor dipilih mengikut *quotation*, dengan izin sebagai mana kita buat *travel agent* di mana bila hendak bagi satu kontrak agen dia boleh pilih agen ini atau agen itu.

Begitu juga dalam kelas A, bila kelas B, BX, C, E dan F. Saya rasa cara begini barulah kita tengok keadilan berlaku dari segi pemberian kontrak kepada kaum-kaum bumiputera sama ada kelas A, B atau C. Mungkin juga boleh berlaku dari segi *Smart Partnership*. Sekarang kita tengok bila kontraktor bumiputera dapat, subkontrak

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya Yang Berhormat lupa yang mana Yang Berhormat hanya diberi laluan.

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya hendak tanya bila bagi kepada subkontrak, dia subkontrak pula kepada kaum bukan bumiputera. Mengapa tidak boleh masuk *Smart Partnership* dari segi macam ini barulah kita dapat melihat pemberian kontrak kepada kaum bumiputera akan berlaku dengan sihat. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat sebagai mana pengalaman yang telah dilalui untuk memperlihatkan bahawa keadilan dan kesaksamaan dalam pembahagian kontrak ini akan berlaku. Kita ada tiga sistem yang dijalankan oleh pihak kerajaan sekarang ini dalam menawarkan kerja-kerja ini.

Pertama secara *negotiated*, kedua secara *selective* dan ketiga secara *open tender*. Apa cara sekalipun kita guna pasti ada yang tidak berpuas hati. Oleh kerana kalau kita beri secara *negotiated* kenapa beri kepada A tidak beri kepada B. Kalau kita beri secara *selective* sahaja kita juga membuat pertanyaan kenapa panggil hanya sekelompok sahaja, 10 orang tidak dipanggil dan kalau kita panggil secara *open tender* pula kenapa beri kepada nombor 17 tidak beri kepada nombor 1. Oleh yang demikian, saya serah soalan ini atau pandangan ini kepada kementerian yang berkenaan untuk menggulung cara-cara yang terbaik dalam kita menangani masalah ini sekarang. Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Datuk Yaacob.

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang hendak saya bangkitkan ada dua perkara. Satu telah disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Fuad dan yang keduanya Tuan Yang di-Pertua saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat tentang ada kaitannya dengan penutupan *final account* dan juga berkaitan dengan siapnya sesuatu projek, di mana masalah untuk menutup satu *account* timbul berkaitan dengan pengenaan *interest rate* (faedah) apabila tafsiran mengenai CF dan TCF timbul. Sehingga hari ini tidak ada kata putus mengenai definisi CF dan TCF. Apa pandangan Yang Berhormat sama ada TCF itu boleh dianggap sebagai CF atau sebaliknya? Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pandangan serta hujah khusus kepada *final account*. Saya masih lagi memperjuangkan *final account* ini kepada keseluruhan kontraktor oleh kerana jumlah yang ada dalam *final account* (akaun muktamad) ini tidak kurang daripada RM500 juta secara yang minimum. Dan kerja-kerja ini telah pun siap, semuanya sudah siap dan boleh dibayar hanya masalah *documentation* sahaja, dan di sinilah saya rasa saya bersependapat dengan Yang Berhormat. Apabila kita tidak menyiapkan kerja maka

kerajaan ataupun pihak klien akan mendenda kita dipanggil *LAD* (*Liquidated and Ascertained Damages*) dengan izin.

Apabila kita sudah siap bertahun-tahun dan duit ini telah pun disimpan oleh pihak klien kerajaan ataupun sebagainya. Perlulah pada hemat saya diberi satu imbuhan pulangan balik secara FD atau apa-apa cara kepada kontraktor oleh kerana bukan salah kontraktor itu duit ini tidak dibayar, bukan salah sesiapa, tetapi mungkin oleh kerana dokumentasi (*documentation*) tidak sempurna, *documentation* tidak ada ataupun pegawai-pegawai yang berkenaan tidak ada, maka perkara ini tidak dapat dilaksanakan sehingga sampai bertahun-tahun melebihi daripada had kontrak yang telah diizinkan *final account* itu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melanjutkan lagi hujah saya ini iaitu berkaitan dengan IBS. Saya mengambil sedikit sahaja dalam IBS ini oleh kerana ramai orang telah bercakap ataupun pihak-pihak kerajaan bercakap tentang IBS. Dengan ringkas IBS ini ialah *Industrialized Building System*, di mana kita akan membina bangunan-bangunan. Kerja-kerja pembinaan ini dengan sistem yang telah ditetapkan. Saya berpuas hati

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat mengambil maklum bahawa Dewan Negara sudah pun beri masa satu jam bagi mendengar masalah-masalah kontraktor. Itu belum mendengar masalah cikgu, doktor, PPRT, minoriti dan nelayan. Mungkin mereka hendak mendengar masalah, Yang Berhormat akan mengambil masa berapa lama lagi agak-agak?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya jangka dalam 10 ke 15 minit. Saya tidak akan sentuh sebagai mana yang saya katakan tadi hal-hal doktor dan lain-lain lagi. Saya sentuh ini sahaja sebab saya khusus kepada ini yang lain itu saya serahkan kepada pakar-pakar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit, boleh?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Insya-Allah. Khusus kepada IBS ini ialah fahaman yang telah dibawa oleh pihak kerajaan, bahawa IBS ini akan menguntungkan pihak kerajaan dan pihak kontraktor dengan mengurangkan pekerja-pekerja asing. Pekerja-pekerja asing yang sekarang ini menjadi satu masalah kepada negara kita, maka pihak kerajaan telah menukarkan kepada IBS sistem. IBS sistem ini tertumpu

kepada tiga perkara iaitu *design* di dalam hal-hal *structure* - 50%, *design* dari segi hal *architecture* - 30% dan *design* dari segi hal-hal lain sebanyak 20%.

Merangkumi ini maka apabila perkara-perkara ini dibuat, sistem ini akan menguntungkan ataupun masih lagi tertanya-tanya. Oleh kerana ia akan dimonopoli pula oleh kontraktor ataupun *suppliers* yang besar. Mustahil kontraktor kelas F dapat membina satu sistem yang memerlukan IBS sistem.

IBS sistem ini memerlukan pembinaan yang *repetitive* dengan izin yang berulang-ulang kali seperti bagaimana yang diperlukan untuk membina kondominium atau pun *developer* pemaju-pemaju perumahan. Di dalam projek-projek *one off* dengan izin, tidak mungkin IBS sistem ini di dalam *certain* struktur boleh digunakan sejumlah 50 peratus. Oleh yang demikian saya merayu dan juga memohon kepada kementerian berkenaan supaya membuat dan mengkaji dengan lebih mendalam lagi IBS ini supaya tidak nanti golongan-golongan kecil akan tertindas di dalam melaksanakan sistem IBS ini.

Di dalam masalah-masalah yang telah saya kemukakan tadi bahawa banyak masalah kontraktor yang dirasai dan dilalui. Saya percaya pihak kerajaan juga akur dengan masalah ini sehingga sekarang ini timbul kerja-kerja yang tidak ada di kalangan kontraktor-kontraktor baik orang Melayu, Cina atau pun India. Atas dasar itu maka pihak kerajaan telah pun mengisytiharkan baru-baru ini RM2.4 bilion untuk dibelanjakan dengan lebih awal lagi daripada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dengan ini saya mengalu-alukan supaya ianya dipercepatkan dan juga dipecah-pecahkan kerja-kerja ini dengan lebih kecil lagi supaya ramai lagi, kontraktor ini dapat menyertai sama dalam memenangi tender-tender ini khusus untuk memperlihatkan mereka ini akan dapat menampung kos-kos operasi mereka ini. Saya juga mengharapkan bahawa di dalam memberi tawaran-tawaran ini secara lebih telus amatlah digalakkan supaya tidak lagi timbul perkara-perkara yang tidak diingini oleh pihak-pihak tertentu yang akan memberi satu pandangan yang tidak baik.

Peruntukan lesen, juga jumlah lesen yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak kerajaan CIDB atau pun PKK begitu banyak sekali jumlahnya dan ini telah menjadi satu rungutan di kalangan kontraktor-kontraktor. Baru-baru ini pihak kementerian telah pun

membuat pengumuman bahawa kontraktor-kontraktor kelas F....lesen-lesen ini akan dibekukan buat sementara.

Ini amatlah dialu-alukan oleh kerana kita juga mencadangkan bahawa kontraktor-kontraktor kelas F mestilah duduk maksimumnya lebih kurang 10 tahun sahaja dan mesti dinaikkan kelas mereka ini ke kelas yang lebih tinggi supaya mereka ini menyertai kerja-kerja yang lain pula, tidak tertumpu kepada kelas F sahaja daripada umurnya 20 tahun sehinggalah umurnya 60 tahun, tertumpu kepada skop kerjanya pada kelas F sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya dibuat satu bancian kontraktor ini secara menyeluruh dan mencari kontraktor-kontraktor yang tulen sahaja supaya dapat kita menghapuskan kontraktor-kontraktor yang tidak diingini, hanya mempunyai lesen sahaja tetapi tidak berkecimpung langsung di dalam kerja-kerja ini. Marilah sama-sama kita menukarkan imej kontraktor ini daripada imej seorang Ali Baba kepada seorang kontraktor yang lebih tulen, yang lebih berprofesional sebagaimana usaha Tuan Yang di-Pertua untuk memartabatkan lagi Dewan Negara kita ini.

Inilah salah satu peranan yang boleh kerajaan mainkan dalam kita memperlihatkan bahawa usaha untuk menjadi seorang kontraktor ini lebih berdisiplin dan lebih berprofesional di masa-masa yang akan datang.

Peranan, *Government Link Companies* (GLC) juga amatlah dialu-alukan di dalam kita memastikan bahawa kerja-kerja kesinambungan ini dapat diberi kepada kontraktor-kontraktor tulen ini. Sekarang ini GLC banyak ke luar negara daripada satu negara ke satu negara, bawalah kontraktor-kontraktor tulen ini bersama dan janganlah pergi seorang sahaja dan beri kerja-kerja ini kepada kontraktor-kontraktor lain.

Ada perkara-perkara yang telah berlaku di mana kontraktor-kontraktor lain dapat kerja di luar negara seperti di Sudan, Pakistan dan sebagainya yang langsung tidak diberi kepada kontraktor-kontraktor daripada Malaysia yang boleh mengikut sama dengan syarikat-syarikat GLC ini seperti Petronas, TNB, Telekom dan sebagainya.

Tawaran tender secara lebih telus juga amatlah digalakkan sebagaimana yang saya katakan tadi cara mana sekali pun yang kita laksanakan pasti akan mendapat rungutan daripada pihak-pihak kontraktor ini. Carilah satu formula yang terbaik agar

mereka ini, agar cara pemberian kerja-kerja ini akan lebih telus di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa di dalam Titah Ucapan Diraja juga ada menyebut akhirnya iaitu di dalam hal-hal khidmat polis dan juga khidmat tentera yang baru-baru ini telah diberi kenaikan gaji. Saya percaya dan saya merasa bangga dalam menduduki negara kita ini dengan begitu aman dan tenteram dapat kita menjadi seorang warga negara yang boleh mencari kerja-kerja atau pun mencari perniagaan-perniagaan yang lebih sempurna dalam keadaan yang aman yang telah diberikan oleh Allah s.w.t melalui tentera dan polis yang ada sekarang ini.

Saya menyokong penuh kenaikan gaji yang telah dibentangkan atau pun diumumkan oleh kementerian kepada pihak-pihak Polis Diraja dan angkatan tentera ini. Kerana saya percaya saya tidak boleh berdiri dalam Dewan yang mulia ini tanpa usaha-usaha mereka sekarang ini, tanpa usaha-usaha mereka yang terdahulu daripada ini dan tanpa usaha-usaha mereka di masa-masa yang akan datang. Akhir kata, saya sekali lagi duduk di sini mohon menyokong titah ucapan, sekian Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

3.57 ptg.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih menyokong ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diadakan pada perasmian Parlimen baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, gejala dadah merupakan satu penyakit yang berbahaya bagi negara kita. Penyakit dadah ini kalau tidak dibasmi sudah tentulah satu Tsunami yang lebih besar lagi akan melanda negara kita lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pembasmian dadah ini bukanlah terletak kepada agensi dadah atau pun Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sahaja. Pembasmian dadah ini adalah terletak kepada semua pihak termasuk Ahli-ahli Dewan, ibu bapa, masyarakat dan semua pihak bertanggungjawab. Kita lihat, belia-belie adalah yang ramai terlibat

dalam penyalahgunaan dadah dan juga gejala sosial, maka Kementerian Belia dan Sukan adalah dipertanggungjawabkan untuk membasmi perkara-perkara ini.

Saya akan cuba memendekkan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua dan saya akan bawa perkara-perkara yang tidak disentuh oleh Yang Berhormat rakan-rakan saya dan saya akan cubalah memberi peluang kepada Yang Berhormat lain kecuali tidak ada orang mengganggu saya dalam ucapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Kementerian Belia dan Sukan, kita tidak boleh,,,,, belia-belie juga memainkan peranan yang penting di dalam negara kita. Belia juga adalah aset negara di masa hadapan, maka kita lihat hari ini sukan juga banyak ditumpukan oleh kementerian tetapi tidak setara mana pun yang berjaya. Jadi kita tidak mahulah, kementerian hanya belajar.....

Tuan Yang di-Pertua: Niatnya bukan hendak mengganggu Yang Berhormat, niat dia hendak tingkatkan mutu perbincangan silakan, sila teruskan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua pun ganggu juga. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Kita tidak mahu Kementerian Belia dan Sukan membelanjakan wang yang begitu besar terhadap sukan. Kita lihat di hari ini pemain bola sepak atau kita lihat bola sepak juga memainkan peranan yang penting untuk menaikkan imej negara begitu juga dengan sukan-sukan lain.

Kita lihat di negara-negara lain atlet-atlet dan pemain-pemain bola sepak yang berjaya bukan datangnya dari bandar. Kebanyakan mereka datangnya dari luar bandar. Sebab itu kita mahu Kementerian Belia dan Sukan menumpukan banyak di luar bandar. Kita lihat lagi Persatuan Belia dan juga persatuan-persatuan sukan di daerah. Kita mahu Kementerian Belia dan Sukan memperuntukkan wang untuk membelanjakan ataupun memberikan bantuan kepada persatuan-persatuan.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan yang mana telah mengadakan Program Pengupayaan Persatuan Belia di mana persatuan-persatuan belia yang tidak aktif telah pun diaktifkan dan tiap-taip tahun sasarannya adalah 12 persatuan setiap daerah dengan ganjarannya RM3,000 setiap persatuan. Kita mahu program ini diteruskan pada tahun 2005. Begitu juga dengan

ganjaran-ganjaran lain. Janganlah apabila kita buat program pengupayaan ini kita belanja wang RM3,000 satu persatuan tetapi selepas itu kita tidak bagi bantuan kepada persatuan. Bagaimana persatuan ini hendak hidup? Jadi kita berharap kepada Kementerian Belia dan Sukan bila persatuan itu dah aktif kita mesti ambil perhatian bantu mereka ini. Kita lihat pada.....

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan ya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya beri laluan, sila.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Ismail Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Musa yang dikasihi. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat Dato' atas dua perkara sebab Dato' bercakap tentang topik bola sepak dan belia.

Pertama tentang bantuan modal yang diberikan kepada persatuan-persatuan belia, adakah Yang Berhormat Dato' rasakan dengan adanya bantuan ataupun sumbangan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada persatuan-persatuan belia ini boleh menyebabkan persatuan belia boleh balik ke landasan asal iaitu dapat menarik golongan muda untuk bersama-sama dengan persatuan kerana apa yang saya lihat di sini sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi Belia 4B Malaysia, saya merasakan masih bukan hanya bergantung kepada sumber kewangan sahaja tetapi ada banyak faktor lain yang boleh kita bincangkan dan kongsi bersama untuk kita menarik generasi muda ini menyertai persatuan belia dan bersama dengan aktiviti yang dirancang.

Berhubung dengan bola sepak, saya ingin tanya pandangan Dato' tentang pada saya tahap bola sepak negara walaupun bantuan dan tajaan yang diberikan sejak sekian lama dalam meningkatkan mutu bola sepak negara dan termasuklah penganjuran liga seperti Liga Super, Liga Premier, Liga division 1, division 2, dan

seterusnya FAM dan sebagainya itu telah lama diperkenalkan, tetapi kita lihat kita masih berada dalam *ranking* 115 kalau tidak silap saya di peringkat dunia ataupun di peringkat *ranking* FIFA. Ini merupakan sesuatu yang cukup memalukan kalau kita bandingkan dengan jiran-jiran kita Thailand, Indonesia Singapura sekalipun dan tidak termasuk Filipina dan sebagainya.

Jadi saya ingin tanya pandangan Dato' berhubung dengan perkara yang telah dibincangkan sejak sekian lama dan saya pernah menyarankan di Dewan yang mulia ini tetapi Dewan lamalah, bukan Dewan baru ini, kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan ketika penggulungan *Mid-Term Review* kalau tidak silap saya pada tahun lepas, cadangan untuk kita buat sementara waktu bagi kita mengimport dua tiga *players* daripada negara-negara yang memang terkenal dalam kancah bola sepak ini seperti Amerika Selatan, Afrika dan sebagainya yang kita ambil tiga *key players* yang diberi taraf kerakyatan untuk kita bermain dengan pasukan negara seperti mana yang dibuat oleh Singapura dan langkah drastik yang dibuat oleh Singapura ini telah menyebabkan Singapura berjaya menjadi Juara Piala Tiger dalam sekelip mata, suatu yang tidak dapat diramalkan oleh mana-mana pihak yang Singapura akan menjadi johan Piala Tiger hasil daripada tindakan-tindakan drastik yang dibuat. Jepun juga mengamalkan perkara yang sama.

Tetapi bila kita mencadangkan, dengan penuh semangat patriotismenya Menteri Belia dan Sukan mengatakan kita hendak latih, hendak lahirkan *our own striker* sendiri mengikut acuan kita. Jadi saya rasa kita akan ketinggalan jauh ke belakang sedangkan jurulatih yang kita ambil pun bukan masih berada dalam *world class coach* lagi. Masih dalam.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, saya bagi laluan sahaja bukan saya suruh berucap panjang. *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kasim: Saya pulang balik pada Dato'lah. Saya pulang balik pada Dato', terima kasih. Mohon penjelasan Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan dua perkara tersebut sebab itu saya kata pokoknya kewangan. Kalau tidak ada duit tidak usah cakaplah apa pun tidak boleh buat, tidak usah cakaplah. Yang kedua saya

sudah kata tadi pemain-pemain kita boleh jadi ada di luar bandar. Sebab itu kita kena mempertingkatkan persatuan belia dan sukan ini di luar bandar. Persatuan-persatuan sukan daerah kita kena bagi bantuan. Persatuan-persatuan belia kita kena bagi bantuan. Soal-soal lain itu soal remeh-temeh yang kita boleh selesaikan. Lihat pemain Perlis sendiri pernah sekali juara. Juara bukan dia sepak bola tapi dia baling bola, dia menang dah. Ini kebijaksanaan. Tahniah itu atas bijaksana. Sebab itu saya kata pemain ini boleh jadi dia ada di Perlis, ada di Kedah, kebanyakan boleh jadi di Pulau Pinang.

Jadi ini yang kita kata di luar bandar sebab itu kita kena mempertingkatkan persatuan belia di luar-luar bandar. Satu lagi kita tengok Program Pengupayaan ini telah pun meningkat. Setahun 12 persatuan telah pun dihidupkan. Tapi kalau kita tidak jaga 12 persatuan itu akan mati semua. Kita lihat baru-baru ini pada tahun 2004 tiap-tiap persatuan belia negeri boleh meluluskan peruntukan RM10,000 ke bawah untuk persatuan-persatuan belia di daerah-daerah. Tetapi pada tahun 2005 tidak ada peruntukan. Makna persatuan-persatuan belia di negeri tidak boleh meluluskan walaupun hendak minta RM500 kena datang ke kementerian. Ini apa punya perancangan? Buat keupayaan 12 persatuan belanja RM36,000 hendak minta RM500 kementerian kena luluskan. Padahal Perdana Menteri dah kata jangan banyakkann kerenah-kerenah di kementerian.

Percayalah kepada pejabat belia negeri-negeri. Pejabat belia negeri tahu apa yang persatuan ada. Jadi kalau kita dikongkong semua oleh kementerian, saya ingat lebih baik kita tutup semua pejabat-pejabat belia negeri dan daerah, tumpukan kepada kementerian. Jimat belanja. Kena bagi kuasa. Kita kena percaya kepada pegawai-pegawai kita di negeri dan daerah. Jadi saya percaya ada yang kementerian tidak tahu apa yang berlaku di peringkat bawah. Jadi saya berharaplah pada Kementerian Belia dan Sukan supaya kaji semula perkara peruntukan untuk negeri-negeri ini.

Lagi satu iaitu Tabung Ekonomi Belia. Kita hendak menggalakkan usahawan-usahawan belia untuk berniaga. Kita lihat pada tahun 1997 lagi Tabung Ekonomi Belia ini telah pun dihentikan. Kita berharap kepada Kementerian Belia dan Sukan ini, Menteri yang muda, wanita pula yang gigih supaya dapat Tabung Ekonomi Belia ini disambung kembali.

Begitu juga dengan program Pengkhidmat Sosial. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian. Saya baca surat khabar hari ini memang kementerian telah pun bercadang untuk bawa ke kabinet. Jadi program Khidmat Sosial, saya tengok ada pelajar-pelajar kita yang menunggu keputusan SPM dia ada masa yang begitu panjang. Sebab itu gejala sosial ini akan berlaku masa ini. Masa peringkat para pelajar ini tidak tahu hendak buat apa, tidak tahu hendak pergi mana. Lepas itu dia ada masa dia keluar ke bandar. Bila pergi ke bandar dia akan jumpa kawan-kawan. Kawan-kawan inilah mula dadah, gejala sosial, curi motosikal dan macam-macam berlaku. Jadi kalaulah ada program Khidmat Sosial ini maka para pelajar yang menunggu keputusan SPM lebih kurang tiga bulan kita boleh memberi program ini merangkumi aktiviti seperti ceramah, latihan program keluarga angkat, rekreasi, perkhemahan dan lain-lain lagi.

Puan Wan Zubaidah binti Omar: Mohon laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Wan Zubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa sudah tidak ada lagi pelajar-pelajar selepas SPM yang duduk sahaja-sahaja tidak ada kerja sebab mereka semua sudah menghadiri Program PLKN. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Program Latihan Khidmat Negara ini beberapa orang sahaja satu daerah dia ambil, tidak tahulah kalau kawasan Yang Berhormat dia ambil semua. Yang saya tahu di kawasan saya ini kalau dia ambil dua orang, tiga orang, yang pelajar-pelajar lepas SPM ini ramai sebab itu kita kata kita tidak boleh mengharap pada Program Latihan Khidmat Negara.

Kita mahu Program Khidmat Sosial di daerah itu sendiri ada.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Bangun]*

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingat hendak tanya tadi *[memandang ke arah Dato' Dr. Chin Fook Weng]*

Program Khidmat Sosial di daerah, jadi kita buat latihan di daerah. Saya ingat apabila mereka lepasan SPM ini, maka mereka gunakan masa mereka ini untuk latihan dalam program ini.

Dato' Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon laluan Yang Berhormat.....*[Ketawa]*.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Hah.

Dato' Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan Yang Berhormat tentang Program Khidmat Sosial ini dan sebagainya. Semalam kita ada bercakap panjang lebar mengenai tanggungjawab ibu bapa. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sekali lagi, kalau semua masalah sosial hendak dibebankan kepada kerajaan, apa ibu bapa buat? Ibu bapalah kena tanggungjawab, memerhatikan.

Saya ambil contoh saya ada enam anak Yang Berhormat. Saya akan menjaga dan memerhatikan anak saya dan kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat jaga anak masing-masing, mengawasi, saya rasa kita tidak perlulah terlalu banyak kementerian dan jabatan untuk melihat masalah-masalah sosial ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat kena fikir, Yang Berhormat ada enam orang anak. Orang kaya seperti Yang Berhormat bolehlah, anak-anak lepas SPM Yang Berhormat boleh bawa anak-anak Yang Berhormat pergi melancong di sana, di sini tetapi Yang Berhormat tidak boleh tubuh khidmat sosial negara. Yang Berhormat ada duit pun tidak boleh hendak hantar anak Yang Berhormat ke Program Latihan Khidmat Negara kerana kerajaan buat.

Ini kerajaan kita, kerajaan buat macam ini hendak bantu kita, apa salahnya. Adakan program-program ini untuk anak kita. Kita jangan bercakap soal dua, tiga orang. Dua, tiga orang, orang korporat, dua, tiga orang, orang Ahli Dewan Negara yang kaya-kaya, jangan, kita kena bercakap untuk keseluruhan rakyat Malaysia yang mahu menikmati program-program daripada kerajaan.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua iaitu tentang penggerak Rakan Muda dan penolong Rakan Muda. Penggerak Rakan Muda di bawah pengambilan Pekerja Khidmat Singkat ataupun PKS telah diwujudkan di setiap daerah mulai Ogos 2004 sehingga kini. Pengambilan penggerak Rakan Muda dan penolong Rakan Muda ini adalah mengikut Dewan Undangan Negeri dan di tempatkan di Pejabat Belia dan Sukan Daerah.

Mereka ini menjalankan tugas untuk menggerakkan persatuan belia dan memberikan bantuan dan khidmat nasihat terutama belia yang berumur 18 hingga 25

tahun. Kita haraplah kepada Kementerian Belia dan Sukan, penggerak Rakan Muda ini janganlah diambil Pekerja Khidmat Singkat ada kerja, ada gaji, ambil mereka ini sebagai kontrak sebab kalau ambil mereka sebagai kontrak, mereka akan tumpukan dengan kerja mereka. Ini kalau kita bagi ada kerja, ada gaji, mereka tidak boleh. Padahal kita tengok penggerak Rakan Muda dan penolong ini memberi kesan yang baik, saya tahu di daerah saya, daerah lain saya tidak tahulah. Banyak membantu belia-belie yang di bawah umur 18 hingga 25 tahun. Saya berharaplah supaya Kementerian Belia dan Sukan dapat mengkaji semula program-program ini.

Saya balik kepada Kementerian Kewangan, saya hendak menyentuh sedikit iaitu tentang penubuhan Bank PKS ataupun Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana. Kita lihat hari ini Kementerian Kewangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah bercakap setahun dahulu tetapi hingga sekarang pelaksanaan belum berlaku lagi. Kita lihat pada jawapan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan sendiri yang mengatakan bahawa, insya-Allah akhir tahun ini baru akan ditubuhkan.

Tetapi saya hairan bagaimana bank ini hendak membantu usahawan-usahawan bumiputera ini untuk menyelesaikan masalah kewangan mereka. Kalau bank ini jangan cakaplah dia mesti masalah dia penjamin, masalah cagaran tidak boleh selesai masalah-masalah usahawan bumiputera. Apa yang saya cadangkan supaya kita ada PUNB (Perbadanan Usahawan Nasional Berhad) yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu usahawan. Kenapa kita tidak gunakan PUNB ini untuk membantu usahawan, kalau hendak bantu, bantu betul-betul.

Perbadanan Usahawan ini dia ada banyak pegawai-pegawai yang berpengalaman, dia boleh bantu syarikat. Bank ini masa senang dia senanglah kita, masa susah hang mati dululah saya masih hidup. Ini konsep bank, kamu hendak mati kamu punya fasal saya hendak hidup. Inilah saya katakan kalau hendak tubuh bank tidak boleh menyelesaikan masalah. PUNB kita ada sudah tubuh agensi kerajaan di bawah PUNB tetapi kita tidak mahu menggunakannya agensi-agensi anak buah kita. Tubuh sini, tubuh sana sehingga terlalu banyak bank, besok dia gabung balik. Sudah lihat ini, besok bergabung balik, tiga bank di kecilkan ini satu perkara yang baik. Bila bank ini dikecilkan yang untung siapa? Pengusaha. Yang jadi mangsa siapa? kakitangan bank sendiri.

Kita lihat kakitangan bank hari ini menjadi mangsa, dahulu dia kerja dengan bank lain setelah digabungkan, saya minta Kementerian Kewangan sendiri ambil perhatian tentang kakitangan kebajikan bank-bank ini. Ada kakitangan bank ini dipaksa supaya berhenti kerja. Dahulu pengurus cawangan bank tetapi hari ini dia jadi sebagai *salesman*. Alasan dia bawa *consultant* daripada luar negara, konon-kononnya hendak menjimat cermatkan bank, hendak jimat cermat apa? Hendak suruh orang berhenti kerja, paksa orang suruh jadi kerja *salesman*, pengurus cawangan bank jadi *salesman*.

Kalau sudah hendak berhentikan kerja bayarlah pampasan, apa kejam sangat ini. Bayar pampasan, saya ingat dia akan berhenti, ini paksa bank. Saya minta Kementerian Kewangan siasat ini, saya ada bukti, saya boleh bagi kementerian bila hendak, bila-bila masa dan saya tahu siapa yang menjadi mangsa kakitangan bank ini. Ada dalam cadangan saya ingat saya sudah tulis pun surat kepada Kementerian Kewangan. Saya berharaplah Kementerian Kewangan ambil tindakan perkara ini.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua tentang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya setuju dengan sahabat saya tadi Yang Berhormat cakap tadi iaitu tentang kontraktor-kontraktor kelas F ini. Kementerian Kemajuan Luar Bandar ini dahulu jalan-jalan kampung ini di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Sekarang ini kerja dia diambil alih oleh JKR.

Bagaimanalah kontraktor kelas-kelas F hendak hidup. Kita cakap hendak membangunkan kontraktor kelas F. Kerja jalan kampung ini pun JKR hendak buat, Kementerian Kerja Raya hendak ambil alih. Sudahlah sekolah dia hendak buat, bangunan-bangunan semua hendak buat, jambatan dia hendak buat, semua dia hendak buat, jalan kampung pun dia hendak buat. Saya mintalah kepada Kementerian Luar Bandar ambil alih kerja ini, jalan-jalan kampung bukan susah sangat sebab sekarang jalan kampung ini bila Kementerian Luar Bandar dia akan serah kepada Pejabat Daerah. Pejabat Daerah di kawasan masing-masing akan tolonglah kontraktor-kontraktor kelas F ini. Kontraktor kelas F ini bolehlah hidup, kalau tidak bukan kata gulung tikar, gulung kain putihlah lepas ini, kalau tidak ada benda ini dengan izinlah Tuan Yang di-Pertua. Saya berharaplah kepada Kementerian Luar Bandar ini ambil perhatian tentang perkara ini.

Lagi satu tentang kebajikan, Kemajuan Masyarakat (KEMAS), kakitangan KEMAS ini kita suruh buat kerja macam-macam. Kebajikan mereka ini kita ambil tahulah. Kerajaan suruh swasta menjaga kebajikan pekerja, buat itu untuk pekerja yang kerajaan juga kena tunjuk teladan yang baik. Hendak suruh orang buat, kita kena tengok kerja kita dahulu. Adakah kakitangan kita, kita jaga dengan elok, kebajikan mereka itu. Ada kawan saya beritahu hendak kerja dengan KEMAS ini kena ada tiga perkara, kalau boleh sabarlah:

- (i) Jangan kahwin, untuk wanitalah;
- (ii) kalau kahwin jangan anak lebih daripada dua orang dan
- (iii) jangan sakit.

Kakitangan KEMAS ini di ambil kerja sebagai kontrak, 3 tahun lepas itu 2 tahun, 2 tahun sampai umur 56 tahun dan apabila dia bersalin, kalau dia kerja sampai 56 tahun ini, katalah kalau dia kerja 3 tahun itu, dia kahwin. Kahwin yang pertama itu, setahun itu insya-Allah dia akan dapat anak seorang dia seronok. Yang kedua dapat anak yang kedua. Apabila dapat seorang dia akan seronok dapat anak kedua tetapi apabila pergi ketiga sudah tidak bolehlah sebab dia tidak dapat cuti bersalin lebih daripada anak dua orang, kalau hendak bersalin juga anak ketiga kena berhenti kerja. Ini undang-undang mana kita pakai ini, Tuan Yang di-Pertua. Cakap hendak jaga kebajikan, ini kah kebajikan yang kita jaga. Tidak tahulah Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen di Kementerian Kemajuan ada anak tidak lebih dari dua orang selepas itu dia hendak sistem dijalankan dalam kementerian saya tidak tahulah itu.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sila, ini bos saya kena bagi peluang.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya cuma hendak tanya Dato' Musa, betulkah kerajaan kata apabila masuk nombor satu boleh lagi, anak kedua boleh, yang ketiga kena berhenti kerja ini, jangan kita.....kalau ada syarikat-syarikat yang macam itu, saya ingat kita minta supaya kerajaan tengok apa yang benar-benar terjadi. Tetapi kalau dalam kerajaan sendiri saya rasa tidak ada. Jangan kita.....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Tiada gaji

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tiada gaji betul, tetapi bukan makna dia suruh berhenti kerja. Saya takut nanti kita keliru dalam *Hansard* kita ini....susah kita bercakap.

Saya ingat kita perbetulkan balik. Kalau tidak betul kita tarik balik, kalau betul kita teruskan. Itu saya takut. Sebab kita Ahli-ahli Dewan Negara ini kena perbetulkan apa yang bercakap ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingat saya tidak soal saya betul, ataupun kesilapan daripada penjelasan mengenai Pekeliling Perkhidmatan Bil 2/2003. Saya tidak tahu yang mana satu yang betul. Tetapi Insya-Allah, saya akan siasat perkara ini sebab dalam penjelasan mengenai Pekeliling Perkhidmatan Bil 2/2003 surat PKLB KEMAS 22 Jilid 48 saya tidak faham ini. Jadi dia kata... saya hendak baca sedikit, boleh? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Cuti sakit, nombor satu. Saya hendak baca semualah. "Pegawai layak mendapat cuti sakit dengan jumlah keseluruhan tidak melebihi 15 hari setahun. Persoalannya. Apakah tindakan susulan sekiranya cuti sakit swasta lebih 15 hari? Penjelasan dia. Sekiranya cuti sakit sama ada yang disahkan oleh doktor swasta atau kerajaan selama 15 hari, pegawai hendaklah menggunakan baki cuti rehat atau cuti tanpa gaji yang ia layak. Sekiranya baki cuti rehat atau cuti tanpa gaji juga tidak mencukupi, perkhidmatan kontrak pegawai hendaklah ditamatkan. Cuti bersalin. Pegawai wanita layak mendapat kemudahan-kemudahan, cuti bergaji penuh dua kali kelahiran bagi tempoh kesudahan kontrak."

Kita lihat kontrak KEMAS, "Diberi kontrak kali pertama selama tiga tahun dan pelantikan seterusnya dua tahun sehingga genap umur 56 tahun. Apakah sepanjang tiga tahun kontrak pertama mereka mendapat dua kali kelahiran atau apabila disambung kontrak dua tahun lagi, mereka masih mendapat dua pilihan lagi atau sepanjang perjuangan kontrak mereka sehingga mencapai umur 56 tahun. Pegawai kontrak layak mendapat kemudahan cuti bersalin sekali bagi setiap tiga tahun. Berkhidmat secara kontrak dan terhad kepada dua kali sepanjang tempoh perkhidmatan kontrak. Ini bererti bagi keseluruhan tempoh kontrak, pegawai hanya layak mendapat kemudahan tersebut dua kali kelahiran sahaja. Pegawai yang melahirkan anak selepas kelahiran habis digunakan hendaklah ditamatkan kontraknya."

Saya tidak tahu yang mana satu betul, saya ada Pekeliling di depan saya. Tidak tahulah kalau ada terbaru. Jadi, saya tidak tahulah mana betul saya minta...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Penjelasan Dato'.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betul sebenarnya apa yang dibacakan oleh Dato' Musa kerana saya juga didatangi oleh pegawai-pegawai kontrak. Maksudnya apa yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah adalah macam melanggar dasar yang dibuat oleh kerajaan dahulu yang hendakkan 70 juta rakyat Malaysia. Jadi saya setuju dan menyokong cadangan yang dibawa oleh Dato' Musa tadi, maksudnya benda itu memang betul.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Musa.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Musa bagi laluan?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sila, sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Dato' Musa. Kalau daripada apa yang saya faham, yang saya dengar daripada Dato' Musa itu, bahawa pegawai-pegawai secara kontrak, kadang-kadang kita kena faham pegawai-pegawai secara kontrak dengan pegawai yang telah pun menjadi pegawai tetap. Dia ada bezanya. Jadi, kalau kontrak, kita minta supaya kerajaan mengkaji semula pegawai-pegawai kontrak ini sampai mana yang kita hendakkan dia dapat kontrak. Kalau dua tahun, kita kata tidak cukup tambah empat tahun, janganlah sampai kontrak, sampai bila-bila. Itu kita boleh minta. Tetapi kalau dalam isu kontrak, memanglah mesti ada, kalau ada sesuatu yang berlaku dalam tempoh kontrak, memang kita harus tamatkan perkhidmatannya. Sebab itu saya kata tadi, saya hendak tanya dengan jelas, pegawai yang macam man? Kontrak ataupun yang pegawai tetap? Itu perbezaannya. Jangan kita.... sebab itu pada pendapat sayalah, terpulang kepada Dato' Musa sendiri sama ada bersetuju dengan pandangan saya ataupun tidak, terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah cakap tadi, KEMAS ini memang kontrak tiada yang tetap. Jadi

saya masih lagilah memohon supaya Kementerian kaji semula, walaupun pekerja kontrak. Mereka ini membuat kerja. Fikirkanlah. Mereka ini SOCSO tiada, yang ada hanya EPF. Pencen sudah tiada. Buat kerja ini macam pegawai kerajaan lain juga. Masa pilihan raya ini Yang Berhormat kena faham, kita latu orang KEMAS yang buat kerja. So, kita kena belalah nasib orang ini. Kalau tidak macam mana depa hendak tolong kita? Jadi saya mintalah Kementerian kaji balik. Satu lagi ini 90 hari. Ini satu lagi. Kalau kakitangan KEMAS ini berlaku kemalangan masuk hospital, hendak pergi kerja naik motor. Pekerja KEMAS ini naik motosikal - *accident*.

Berlaku kemalangan masuk hospital. Kalau cuti dia lebih dari 90 hari, dia kena tamatkan perkhidmatan dia. Logikkah perkara ini? Sudahlah insurans tiada, SOCSO tiada. Orang KEMAS tiada, tanyalah orang KEMAS kalau tidak betul. Tanya Yang Berhormat bekas pegawai KEMAS. Jadi inilah saya minta keadilan. Kalau kita hendak suruh swasta buat, kita hendak suruh orang lain buat, kita kena perbetulkan, kerajaan kena perbetulkan sistem dia dahulu, baru kita boleh bercakap. Kalau tidak orang akan tempelak kerajaan pun tidak buat, kakitangan KEMAS pun tengok macam ini, hendak suruh kita buat macam mana? Jadi inilah, saya minta kerajaan atau khasnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya kaji semua balik perkara-perkara ini..

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Musa kerana begitu berminat untuk memperjuangkan hak warga KEMAS. Mungkin kerana 90% anggota KEMAS terdiri daripada wanita. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu kontrak KEMAS ini tidak macam ini. Maknanya dahulu walaupun ia secara berkontrak, kontrak biasa dibenarkan melahirkan anak sehingga enam. Tetapi, kali ini apabila KEMAS mula diserapkan kepada JPA, kontrak yang dibuat melalui JPA yang menyebabkan benda ini dan harus diperjuangkan. Saya ucapkan terima kasih sekali kepada Dato' Musa kerana memperjuangkan dan saya sebagai bekas Penyelia Kanan KEMAS amat mengalu-alukan supaya Kementerian mempertimbangkan kembali apa yang telah dibuat dengan pembaharuan kontrak-kontrak kepada kakitangan KEMAS, terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih di atas sokongan dan kita balik kepada Pulau Pinang. Saya hendak bercakap sedikit Tuan Yang di-Pertua, boleh ya? Masalah Pulau Pinang?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat hari ini Jambatan Pulau Pinang. Jambatan Pulau Pinang ini, baru-baru ini kerajaan telah membuat keputusan iaitu Jabatan Pulau Pinang yang kedua ini akan ditangguhkan. Jadi saya hendak membuat beberapa perkara. Saya ingat ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri dan Ahli-ahli Dewan ini semua pernah ke Pulau Pinang dan hari ini betapa seksanya orang Pulau Pinang - kesesakan di atas jambatan. Sebab itu kita perlukan Jambatan Pulau Pinang yang kedua. Kita lihat pada angka.... Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca dalam surat khabar hari ini iaitu pada tahun 2004, 22 juta kenderaan yang menggunakan jambatan dan kalau setiap bulan 1.8 juta kenderaan yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang adalah sengsara. Bayangkanlah betapa sesaknya Jambatan Pulau Pinang.

Kita mahu Jambatan Pulau Pinang ini..... sebagai negeri pelancongan. Macam-macam ada di Pulau Pinang, macam-macam ada. Maksud saya makanan, pemandangan, laut, itu maksud saya macam-macam ada, yang lain itu saya tidak tahulah. *[Ketawa]* Jadi, kita mahu Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pelancongan, jambatan Pulau Pinang kedua ini kena disegerakan. Kalau kesesakan lalu-lintas ini kita biarkan, jangan lupa ada orang yang mati kerana kesesakan lalu-lintas. Jadi, saya berharaplah pada Kementerian Kerja Raya janganlah tangguh-tangguh lagi, segerakanlah jambatan Pulau Pinang yang kedua ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam dua, tiga hari ini kalau Ahli-ahli Dewan, naik jambatan Pulau Pinang, dahulu kita lihat bila kita naik jambatan Pulau Pinang begitu indah, mata dapat melihat pemandangan yang begitu cantik, kiri dan kanan adalah laut tetapi hari ini saya tidak tahu perancangan siapa, bila kita naik jambatan kita lihat ada *divider* mereka buat, mereka tutup pula. Bermaknanya, kalau kita hendak pergi daripada Seberang ke Pulau Pinang, kita tidak nampak laut sebelah sana, padahal dahulu begitu cantik sekali mata memandangi tetapi hari ini mencacatkan mata memandangi.

Kita hendak kecantikan tetapi hari ini mencacatkan, saya tidak tahu buat *divider* ini, dengan izin, dipanggil pembahagi jalan, ditutup, konon-kononnya orang yang daripada Seberang ini hendak pergi ke pulau kalau ada kemalangan sebelah sana, mereka tidak tengok. Bukan itu alasannya, memang sekarang ini kalau dibayangkan tiap-tiap bulan 1.8 juta kenderaan yang gunakan itu, kalau tidak kemalangan pun ia akan menjadi sesak. Semua orang seronok ke Pulau Pinang, semua orang hendak pergi bercuti ke Pulau Pinang dan terima kasihlah oleh kerana ekonomi Pulau Pinang sudah meningkat.

Jadi, saya minta kepada kementerian, siapakah yang membuat perancangan ini, satu pembaziran, ini dikatakan sebagai pembaziran. Mungkin suatu hari nanti syarikat konsesi kata dia belanja begitu banyak sekali, sampai *divider* itu pun dia buat, dia kira masuk dalam cost dia, akhirnya mereka berkata rugi, kena naik dan turun. Padahal yang mereka buat itu adalah membazir, tidak cantik langsung. Saya ingat Yang Berhormat silalah ke Pulau Pinang tengok, Yang Berhormat akan menyokong saya macam Yang Berhormat Hajah Azizah tadi menyokong saya. Saya mintalah kepada kementerian supaya kajilah kalau hendak buat sesuatu ini mesti ada perancangannya, kalau tidak dia akan menjadi cacat. Satu lagi, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Saya ingat akta, rang undang-undang yang baru-baru ini kita telah pun lulus tetapi terminal bas di Butterworth itu masih lagi tidak dibangunkan, banyak kerenah sangat.

Saya tidak tahu, kementerian kata Suruhanjaya, Suruhanjaya kata kementerian dan ini akan satu lagi masalah sosial atau masalah kekotoran berlaku. Ada orang kata pada saya, dia pergi ke Butterworth, Allah punya teruk katanya, kotor dan tidak tersusun. Jadi, bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendak membangunkan ataupun dari segi pelancongan kalau Butterworth itu sendiri sebagai satu stesen, terminal bas yang perlu di situ, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawa peniaga-peniaga kecil juga boleh berniaga. Jadi, kalau terminal bas ini tidak dibangunkan, maka ekonomi di kawasan itu tidak boleh dibangunkan. Jadi, saya berharaplah kepada Kementerian Pengangkutan segerakanlah membangun atau membina terminal bas di Butterworth itu supaya jangan ada lagi kerenah-kerenah lain yang akan membebankan rakyat Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu selesailah ucapan saya dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Datuk Syed Ali.

2.43 ptg

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Yang Berhormat . Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan dalam perbahasan menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong sewaktu upacara perasmian sidang Parlimen Penggal yang Kedua Mesyuarat Pertama yang berlangsung pada bulan Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham ramai rakan-rakan saya yang akan bercakap dan membahaskan usul ini, saya mahu terus kepada perkara yang pertama yang saya hendak menyatakan iaitu mengenai dengan syarikat yang terbesar negara iaitu Syarikat Petronas. Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa syarikat Petronas telah melabur di lebih 30 buah negara di serata tempat di dunia dan baru-baru ini kita dengar KWSP akan melabur di luar negara juga. Apa yang saya minta pada hari ini ialah supaya pelaburan Petronas yang saya difahamkan lebih daripada RM1 bilion ringgit, yang telah dilaburkan di 30 buah negara, lebih daripada 5 tahun, kita hendak tahu apa hasil.

Saya difahamkan lebih daripada 30 buah negara yang telah dilaburkan oleh Petronas hanya satu atau dua negara yang telah mendatangkan keuntungan, yang lainnya tidak. Jadi, kalau boleh saya minta dapat diberi keperincian tentang pelaburan Petronas di luar negara dan keuntungan ataupun kerugian, supaya Dewan yang mulia ini dapat maklum balas tentang pelaburan Petronas, supaya KWSP juga dapat berjaga-jaga apabila hendak membuat pelaburan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang banyak profesional-profesional yang bekerja di Petronas, syarikat Petroleum seperti *geologist*, *petroleum engineer* dan sebagainya, banyak yang telah meletakkan jawatan *ataupun* berhenti daripada Petronas. Saya ingin tahu, adakah ini kerana gaji ataupun ada sesuatu di sebaliknya. Saya harap pihak yang berwajib menyiasat akan perkara ini dan kita tidak

mahu profesional-profesional yang bekerja dengan syarikat terbesar negara meninggalkan syarikat ini dan kita tahu ada sesuatu yang berlaku dalam syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh pada hari ini mengenai dengan isu tidak cukup diesel di pasaran. Sudah banyak bercakap pasal isu ini, hanya satu yang saya hendak bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, mengenai dengan pengeluaran lesen PDA 7 iaitu *Petroleum Development Act 7* kepada individu tertentu. Lesen ini bagi mereka membekalkan kepada stesen-stesen nyamuk iaitu stesen-stesen kecil yang didirikan oleh mereka di pendalaman, di sempadan negara, di kawasan-kawasan kampung dan rancangan-rancangan FELDA. Pemegang lesen ini kaya-raya kerana kuota yang besar dan berkemampuan menyeleweng kepada penyeludup dan juga menjual kepada kilang-kilang kerana mereka mempunyai sendiri lori-lori dan juga kuota besar daripada kementerian. Jadi, saya harap pihak kementerian dapat menerangkan PDA 7 ini macam mana dia beri, dan bagaimana kuota yang diberikan kepada individu-individu tertentu?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan? Tuan Yang di-Pertua, boleh ya, Yang Berhormat?

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi iaitu pembekal-pembekal lesen haram ini, diesel-diesel haram ini kepada pembekal-pembekal tetapi apakah pandangan atau pendapat Yang Berhormat bahawa tauke-taukelah, kita kata, yang mendapat diesel-diesel ini, kita tarik lesen mereka sahaja, apakah mereka sudah buat keuntungan yang begitu besar sekali? Mereka adalah sebagai penderhaka kepada negara kita sendiri. Apa kita mahu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri tarik lesen mereka kemudian itu kita bebaskan mereka ini? Ataupun tindakan ataupun hukuman yang lebih berat yang patut dikenakan kepada mereka ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan untuk sambungan Dato' Musa ini.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk. Sebagai sambungan atas penjelasan yang dipohon

oleh Yang Berhormat Dato' Musa. Saya rasa bukan setakat rakan-rakan kita yang dapat *geran* daripada PDA 7 sahaja. Soal penyeludupan diesel ini adalah *suatu* yang cukup *complicated*, saya mengambil contoh, kalau disebut penyeludupan *ini* ia banyak berlaku di kawasan sempadan dan kebetulan Yang Berhormat Dato' Musa tahu/ah saya pun tinggal dekat kawasan sana. Saya pernah membangkitkan juga di hadapan Yang Berhormat Menteri beberapa kali supaya menyiasat stesen-stesen nyamuk, bukan istilah saya, Yang Berhormat Syed Ali yang beri tadi, yang dibenarkan, didirikan di kawasan sempadan kerana saya hendak maklumkan di dewan yang mulia ini.

Kaedah penyeludupan yang diguna pakai bukan sahaja melibatkan tauke-tauke ini tapi orang Thailand misalnya. Mereka membesarkan tangki minyak diesel untuk kenderaan. Dia tak payah seludup, dia datang secara formal untuk mengisi minyak diesel, dia besarkan tangki minyak dengan keadaan yang cukup besar yang boleh isi puluhan ribu liter dan balik dia jual. Kemudian dia datang balik, kalau tak boleh jual di Perlis, dia akan pergi ke Kedah, begitu juga dengan kawasan Kelantan, dia akan merangkak sampai ke Terengganu, asalkan dia mendapat bekalan dan balik disimpan dan dijual kerana mendapat pasaran harga yang keuntungannya lebih 100% yang mereka dapat jual di negara jiran.

Lagi satu kuota yang diberi kepada persatuan nelayan. Persatuan nelayan ini, apabila bot-bot nelayan yang ingin ke laut termasuk bot laut dalam misalnya, mereka mengisi dengan kuota yang mereka membuat laporan ataupun akan pergi ke laut dalam tempoh seminggu atau sebagainya. Tapi apa yang berlaku, yang berlaku terlalu besar apabila bot laut dalam ini botnya besar, kapasitinya besar, mereka isi dalam jumlah yang banyak yang tak sepatutnya mereka dapat walaupun digunakan kaedah borang, perlu mendapat kebenaran daripada pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di peringkat negeri dan sebagainya. Tapi benda ini masih berjalan, kemudian apabila mereka bergerak ke laut, di tengah laut akan berlaku proses penjualan minyak ini bersama rakan nelayan mereka dari negara jiran ataupun terus mereka mendarat di pelabuhan di Jeti Satun dan sebagainya.

Jadi bukan saja pemilik PDA 7 yang terlibat malah persatuan nelayan, stesen-stesen minyak nyamuk kemudian pelancong-pelancong daripada Thailand yang memang mereka melancong ke negara kita untuk mendapatkan minyak diesel,

kemudian mereka balik ke negara mereka untuk mendapatkan keuntungan seperti mana yang mereka dapat. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat sahabat-sahabat saya yang berminat pula semua dengan diesel ini. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya mereka yang menyalahgunakan pasaran *black market* diesel ini patut diberi hukuman yang lebih berat. Ada cadangan supaya diambil tindakan seperti ISA, berbagai-bagai cadangan diberikan.

Saya berpendapat penyeludupan yang berlaku ini bukan sahaja di atas darat malah seperti sahabat saya katakan tadi di tengah lautan pun boleh berlaku, dan individu-individu dan pemandu sangat mudah menyeleweng minyak diesel kerana boleh diperolehi dengan menggunakan seberapa banyak kredit kad dalam stesen minyak 24 jam tanpa gangguan. Sindiket ini selalu menggunakan banyak kad kredit di *palm* stesen pada lewat malam.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri terlalu lemah, mustahil jika sindiket yang telah menyeleweng selama dua tahun lalu, baru sekarang dapat ditangkap. Memang benar terdapat lebih kurang 50 orang pengusaha stesen minyak dari seramai lebih 3,000 pengusaha stesen seluruh negara yang menyeleweng, tetapi hanya seorang sahaja Tuan Yang di-Pertua, ditamatkan lesennya dan yang lain-lain belum berupaya diambil tindakan walaupun kejadian lebih 4 bulan.

Saya berharap kementerian jangan saja heboh dalam media setiap masa mengenai penyelewengan di stesen-stesen ini, tetapi tidak langsung mengambil apa-apa tindakan kepada mereka yang benar-benar menyeleweng.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya umum kepada kita berapa banyak pemegang lesen PDA 7 yang mendapat bekalan setiap bulan untuk diagihkan kepada stesen-stesen nyamuk ini di kampung-kampung, pedalaman, sempadan dan kawasan Felda. Mengapa kementerian berkaitan tidak sentuh langsung tentang kumpulan PDA 7 ini. Padahal merekalah yang benar-benar berupaya menyeleweng subsidi diesel ini, kerana mereka mempunyai lori tangki dan *contact* yang baik dengan pembeli dan kakitangan kerajaan yang berkaitan dengan kawalan diesel.

Undang-undang penyelewengan subsidi diesel hendaklah dipindah dan diubahsuai. Hukuman sekarang terlalu ringan, RM25,000 mereka boleh bayar Tuan Yang di-Pertua, mereka untung berjuta-juta ringgit. Saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan sebanyak mungkin pemberi maklumat dengan mengadakan undang-undang seperti berikut; semua bekalan diesel yang dirampas, kenderaan dan sebagainya hendaklah dinilai dan $\frac{3}{4}$ daripada keseluruhan nilai rampasan hendaklah dihadiahkan kepada pemberi maklumat. Kempen anti seleweng seludup hendaklah diadakan secara besar-besaran, dengan cara ini semua akan memberi kerjasama menghalang penipuan, penyeludupan dan juga penyelewengan pada setiap masa.

Kita dapati pegawai kanan kementerian di bahagian petroleum terlalu lama memegang jawatan sehingga melebihi 10 tahun, sepatutnya *post-post* mereka perlu diganti setiap 3 hingga 5 tahun oleh lain-lain pegawai PTD untuk mengelak daripada kelalaian, kelemahan, rasuah dan tidak mempunyai idea bernas membela ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pengusaha-pengusaha stesen minyak yang menyeleweng hendaklah diambil tindakan serta-merta oleh kementerian, bukannya menunggu syarikat minyak mengambil tindakan kepada mereka. Kementerian yang mengeluarkan lesen, kementerianlah yang berkuasa untuk menarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Kementerian Pelajaran, saya ingin meminta penjelasan dari pihak kementerian mengenai dengan rasa tidak puas hati daripada kalangan golongan guru, iaitu pihak Kementerian Pelajaran ingin membuka jawatan-jawatan perkhidmatan pendidikan kepada pegawai ataupun pegawai-pegawai JPA bukan daripada kalangan pendidik sendiri. Ini telah menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan keluarga pendidik di mana dianggap sebagai satu perebutan jawatan dan kuasa serta boleh menjatuhkan imej profesion tersebut.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, banyak jawatan di kementerian sendiri telah dibuka untuk dibawa masuk bukan daripada kalangan pendidik. Jadi oleh sebab mereka ini tidak mahir, tidak tahu dan tidak melalui pendidikan di dalam persekolahan, maka mereka ini diminta tidak memasuki dalam jawatan-jawatan tertinggi di perkhidmatan pendidikan.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, mereka juga menyuarakan kenapa dan mahu penjelasan mengapa peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dijadikan peraturan atau syarat untuk menggerakkan dan kenaikan pangkat guru. Kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bagaimanakah PTK boleh menilai tugas guru yang diadakan di luar bilik darjah seperti guru disiplin, guru sukan, kokurikulum yang sentiasa berdepan dengan risiko keselamatan dan tekanan mental. Jadi susah kalau ada PTK ini hendak menilai kecekapan guru-guru adalah tidak setanding dengan apa yang diadakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang mana kita sedia maklum bahawa terdapat seramai 40,000 banduan dalam 30 penjara di seluruh negara kita Malaysia. Apakah perancangan dan strategi Jabatan Penjara Malaysia bagi menangani masalah kesesakan dalam penjara-penjara di seluruh negara. Negara-negara maju menggunakan sistem *parole* untuk menangani masalah kesesakan di dalam penjara-penjara mereka. Sudahkah atau bilakah Jabatan Penjara Malaysia bercadang untuk mewujudkan sistem ini. Kita melihat negara-negara Barat seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Eropah mengamalkan sistem seperti komuniti servis dan *home detention* sebagai satu strategi dan kaedah untuk menangani masalah kesesakan tersebut.

Adakah Jabatan Penjara Malaysia mempunyai perancangan yang serupa ke arah melaksanakan sistem-sistem yang sama di negara kita ini? Kemudahan-kemudahan pekerjaan yang dirancang dan diprogramkan oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk banduan-banduan dalam kategori prabebas agar mereka boleh berdikari selepas dibebaskan kelak. Adakah ini juga telah dirancang oleh Jabatan Penjara?

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah menyalahi Akta Penjara 1955 sekiranya mana-mana syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan menawarkan pekerjaan sebagai pegawai keselamatan kepada banduan-banduan prabebas ini. Sekiranya banduan-banduan prabebas ini diberi pekerjaan sebagai pegawai keselamatan, tidakkah ianya satu tindakan yang akan menimbulkan satu kontroversi dan persepsi kepada masyarakat? Kenapa Jabatan Penjara Malaysia ingin menjadikan banduan-banduan prabebas sebagai pegawai keselamatan? Tidakkah banyak lagi sektor dan industri yang

boleh memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Sekiranya banduan-banduan menjadi pegawai keselamatan, tidakkah ianya satu risiko yang amat tinggi kepada mereka yang boleh melarikan diri atau melakukan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta siapakah yang bertanggungjawab untuk mengawal selia banduan-banduan yang terlibat semasa menjalankan tugas sebagai pegawai keselamatan ataupun semasa mereka berada di asrama mereka. Apakah jenis latihan yang akan diberi kepada banduan-banduan sebelum mereka menjalankan tugas sebagai pegawai keselamatan. Dan saya difahamkan juga banduan-banduan yang terlibat masih lagi di bawah penyeliaan dan kawalan Jabatan Penjara Malaysia kerana masih lagi banduan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan, minta laluan

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang banduan-banduan ini, begitu juga dengan penagih dadah. Mereka ini boleh jadi sudah melakukan kesalahan ataupun kesilapan tetapi apa pandangan Yang Berhormat, kalau banduan-banduan ini kita tidak beri peluang untuk bekerja ataupun kita tinggalkan mereka begitu, mereka akan jadi jahat lagi dahsyat. Tetapi apa salahnya kita ambil mereka ini beri peluang. Ada banduan yang sudah insaf, begitu juga penagih dadah. Inilah kita, masyarakat ini, kita tengok banduan atau penagih, kita tidak mahu bantu. Jadi kalau kita bantu mereka ini, insya-Allah mereka akan jadi lebih baik lagi daripada orang yang tidak jadi banduan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bukan tidak setuju, setuju, Yang Berhormat, yang banduan-banduan ini diberi peluang tetapi kenalah Jabatan Penjara ataupun pihak-pihak yang bertanggungjawab. Mereka ini apabila keluar jangan buat lagi masalah sebab kita tahu. Saya bagi contoh, Jabatan Penjara Malaysia, ia memilih banduan-banduan yang dia kata bersih untuk menjadi pegawai keselamatan. Tetapi kita kena tahu mereka telah melakukan...

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Bangun]*

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tentang hujah yang dibawakan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Ali ini. Cuma saya hendak bertanya, mengapa kita bagikan banduan-banduan ini kerja sebagai *security officers*. Mengapa tidak kita berikan dalam sektor pertanian. Banyak yang kita import pekerja-pekerja asing. Dalam sektor binaan, mengapa tidak kita berikan mereka ini peluang untuk masuk bekerja dalam bidang-bidang yang selama ini kita gunakan orang-orang luar untuk bekerja dalam sektor yang berkehendakkan ramai pekerja dalam hal ini. Jadi apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju juga dengan pandangan Yang Berhormat. Memang banyak sektor kita perlu, bukan sahaja keselamatan. Sebab itulah saya minta pihak yang bertanggungjawab dan yang berwajib kena mengenal pasti dan melihat sebab banduan-banduan ini dia ada macam-macam punya rekod. Jadi apabila untuk memberi keselamatan itu, dia kena tengok rekod yang ringanlah, jangan asal kata banduan, dia serahkan semua jadi keselamatan. Jadi memang apa yang sahabat-sahabat saya kata tadi memang banyak lagi pekerjaan yang kita boleh serahkan, terpulang kepada Jabatan Penjara mengenal pasti apa jua yang banduan-banduan ini boleh lakukan.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Silakan, Yang Berhormat.

[Ketawa]

Tuan Ismail bin Kasim: Pendapat saya sedikit kontra berhubung dengan banduan yang diserapkan sebagai pegawai keselamatan kerana pada pandangan saya, tempat-tempat ataupun premis yang diberi untuk bekas-bekas banduan ini seperti mana yang Yang Berhormat Datuk Syed Ali maklumkan di Dewan yang mulia ini, mereka dipenjarakan sudah tentu ada rekod-rekod ataupun jawatankuasa yang membuat penapisan terhadap rekod seseorang banduan. Kerana pada pandangan saya kalau kita tidak percaya kepada rakyat kita sendiri walaupun mereka bekas banduan, sedangkan bekas banduan Korea, yang mendirikan jambatan Pulau Pinang yang siap itu semua banduan Korea itu. Jambatan Pulau Pinang ini disiapkan, diberi kepercayaan sampai begitu.

Tetapi dalam soal keselamatan ini, kita melihat kalau sekarang ini *Nepalese* ataupun pegawai-pegawai keselamatan daripada Nepal yang memang kita tidak tahu latar belakang mereka yang diberi gaji yang hampir RM1,200 sebulan sebagai gaji wajib mereka, hasil perjanjian G to G dengan Kerajaan Nepal, mereka datang ke negara kita dan kita tidak tahu latar belakang mereka, mungkin mereka juga kadang-kadang terlibat dengan jenayah di negara mereka tetapi bila datang ke negara kita, mereka dianggap *clean*, dengan izin, kerana tidak ada sebarang rekod jenayah.

Tetapi adalah lebih baik kita melihat mereka di kalangan banduan yang tidak terlibat dalam salah laku ataupun jenayah berat seperti kalau menipu bank ke, rekod-rekod ini semua dalam perkhidmatan penjara, mereka sudah ada *track record*. Sebab itulah kita dapat bagi mereka sekurang-kurangnya kepercayaan kepada mereka sebagai bekas banduan dan rakyat negara kita sendiri daripada kita meluluskan terlalu banyak *Nepalese* yang sekarang ini berleluasa, bukan sahaja menimbulkan masalah sosial kerana mereka ini seperti Shah Rukh Khan dan sebagainya dan menarik minat gadis-gadis kita ini.

Jadi daripada kita import *all the Nepalese*, dengan izin, ke negara kita, lebih baik kita bagi peluang kepada banduan-banduan yang sudah mahu berubah menjadi baik. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Syed Ali?

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. [*Ketawa*] Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi kalau kita bawa *Nepalese*, Bangladesh ini mai sini, ramai kita punya anak dara ini sudah terikut-ikut. Sudah jadi pula depa hendak kahwin dan orang-orang ini semua hendak duduk Malaysia. Jadi lebih baiklah kita gunakan banduan-banduan kita. Tetapi saya mintalah pihak yang bertanggungjawab supaya mengenal pasti sebelum sesuatu jawatan itu diberi kepada bekas-bekas banduan. Banduan-banduan ini dia ada macam-macam kes, Tuan Yang di-Pertua, kes merompak, kes merogol, mencuri, kesalahan jenayah dan macam-macam lagi. So kita kenal pasti apa dia kesesuaian dan barulah kita minta pihak berwajib itu untuk mengagih-agihkan supaya mereka ini juga patut diberi tempat. Kalau kita anggap mereka keluar daripada penjara dengan tidak ada kerja, dia duduk sebulan atau dua bulan, dia boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua, lama-lama dia tidak tahan dia balik kepada perkara yang lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada masalah trafik, masalah lalu-lintas yang saya rasa semua orang menghadapi, terutamanya di Kuala Lumpur ini. Saya hendak minta Menteri Kerja Raya melihat masalah pembinaan jalan sebagai langkah penyelesaian segera kepada masalah kesesakan trafik yang tidak pernah selesai. Ini kerana kita tidak membina jalan susur keluar dan masuk dengan sempurna. Malah hampir semua jalan di Malaysia adalah sama dan tidak sistematik.

Saya bagi contoh di persimpangan masuk jalan Pandan Indah ke Pandan Jaya, kenderaan terpaksa berhimpit-himpit masuk dan mengakibatkan kesesakan trafik yang begitu teruk sekali. Contoh kedua iaitu persimpangan masuk *Middle Ring Road* (MRR2) ke Ampang, Shah Alam dan Cheras yang mengalami masalah yang sama, Tuan Yang di-Pertua. Kita menghadapi masalah kesesakan jalan raya ini sudah cukup lama. Cuba kita lihat pembinaan jalan raya yang sistematik di negara-negara maju, lorong beri laluan langsung tidak ada di sini.

Ini adalah kerana pengguna jalan susur keluar dan susur masuk mempunyai jalan mereka sendiri tanpa perlu menyibuk atau menghimpit lorong kenderaan yang lain. Dewan yang mulia ini kita mempunyai arkitek-arkitek, para profesional yang bukan sahaja lulusan dari dalam dan luar negara malah ramai yang antara mereka yang telah berjaya membangun negara kita dengan berbagai-bagai bangunan. Sudah tentulah mereka lebih melihat dan menggunakan sendiri jalan raya dan lebuh raya yang sistematik ini. Kita pun apa kurangnya? Saya percaya rakan-rakan kita dalam Dewan ini banyak melancong dan menjalankan urusan di luar negara. Masalah *traffic congestion* hampir tidak wujud. Apa salahnya kita mengenal pasti sistem jalan yang sistematik di negara sendiri? Ini tidak, sebaliknya kita makin risau dengan jumlah pertambahan kenderaan dari masa ke semasa hingga satu ketika kita ada Kempen Kongsi Kereta iaitu '*car full*' yang pernah dilaksanakan satu masa dahulu bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri melihat ada *sticker* yang ditulis, diletakkan di belakang kereta iaitu, "*Car Full You Fool*", masa kempen itu berjalan. Ini bermakna, kempen ini benar-benar mewakili kemarahan rakyat tetapi kita sebagai pemimpin masyarakat perlu melihat masalah ini dengan lebih realistik dan lebih meluas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, tadi sahabat saya, Dato' Musa ada menyebut. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang agensi yang di bawah kementerian ini seperti RISDA, kita ada Pengerusi FELCRA di sini, Dato' Hamzah bin Zainudin, kita ada FELDA, kita ada Pengerusi RISDA, Dato' Haji Abdul Rahman Suliman. Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi ini kita lihat sebagai agensi yang memainkan peranan yang begitu penting bagi membantu masyarakat dan juga syarikat-syarikat di bawah RISDA, FELDA, FELCRA dan sebagainya. Apa yang saya hendak bawa pada hari ini dan saya hendak minta pihak kementerian supaya apabila tamat tempoh perkhidmatan ahli-ahli lembaga pengarah yang dilantik oleh kementerian mahupun pengerusi sebelum tamat tempoh itu, bagilah surat sama ada tamat ataupun disambung semula. Jangan sudah tamat dua, tiga bulan, tempat itu tidak diisi, agensi tersebut tidak dapat bergerak, mesyuarat tidak dapat diadakan, anak-anak syarikat semua duduk diam-diam. Ini satu masalah dan apabila perkara ini berbangkit, barulah kementerian hendak menyasat dan sebagainya. Saya tidak tahu birokrasi di mana terjadi? Adakah daripada pegawai-pegawai kerajaan ataupun daripada pihak kementerian sendiri? Sebab ini cukup penting, agensi tersebut perlu berjalan. Jadi apabila tamatnya tempoh penglibatan lembaga pengarah mahupun pengerusinya, maka secepat mungkin tempatnya perlu diisi ataupun disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Tenaga Air, Komunikasi dan Multimedia. Pagi tadi kita dengar nama TMnet yang baru, Telekom Malaysia, salah satu servis yang telah dibuat oleh TMnet ialah *Streamix Wireless*, ia ada buat satu produk *Streamix Wireless* dan produk ini dihebahkan satu Malaysia, satu produk yang begitu baik, yang mempercepatkan penggunaan komputer dan sebagainya. Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kawasan Ampang di Kuala Lumpur-Selangor, *border* antara Kuala Lumpur dan Selangor ada tempat-tempat yang tertentu tidak boleh dapat *Streamix* ini. Bagaimana kita hendak *expand* ke luar bandar? Ini satu masalah. Kalau produk yang kita hendak bawa, kita hendak mencapai Wawasan 2020 tetapi dalam bandar sendiri *Streamix* tidak boleh dapat. Jadi saya berharap pihak kementerian minta Telekom ini, TMnet ini supaya melihat dan menyelesaikan masalah ini supaya keyakinan rakyat bila memohon itu boleh dapat. Ini

boleh mohon, tidak boleh dapat. Oh, ditutup dengan pokoklah, ditutup dengan bukitlah, bermacam-macam alasan yang diberi.

Saya melihat ini satu perkara yang boleh diselesaikan dan minta pihak TMnet sendiri supaya mengambil tindakan segera supaya masalah-masalah di dalam bandar khususnya dapat diselesaikan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju pandangan Yang Berhormat Datuk Syed Ali tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat kemungkinan kementerian ini, dia tidak ada wakil kementerian dalam agensi-agensi kerajaan ini; baik dalam TNB, Telekom atau lain-lain lagi. Sebab itu, kadang-kadang apa yang TNB dan Telekom buat ini kementerian tidak tahu. Jadi saya percaya perkara ini, kementerian tidak ada wakil, *so communication break down*, dengan izin. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Saya merasakan sekiranya ini di bawah kementerian, kementerian patut menghantar seorang wakil seperti dalam RISDA ataupun dalam FELCRA pun, dia ada wakil kementerian duduk dalam lembaga tersebut dan saya rasa patutlah wakil daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi duduk di dalam lembaga pengarah ini supaya dapat sama-sama mengenal pasti masalah-masalah ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap perkara-perkara yang saya bawa tadi dapat....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat ada menyebutkan berkaitan dengan Streamix. Saya terbaca dalam satu ulasan akhbar yang mengatakan bahawa Streamix yang telah dibekalkan oleh pihak Telekom ini, contohnya Streamix 1.0 mega. Keupayaannya untuk memberi laluan yang begitu cepat, tidak sebagaimana yang diiklankan, malah kadang kala terputus begitu sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat tentang keupayaan apa yang telah diiklankan dengan keupayaan sebenar yang belum dapat dirasai oleh pelanggan?

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Ha, itulah saya kata sepatutnya pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi melihat sebelum satu produk itu dihebohkan satu negara, produk yang terbaik, yang dapat menyelesaikan masalah untuk mempercepatkan dalam penggunaan internet dan sebagainya, maka hari ini sahabat saya beritahu, kadang-kadang yang diiklankan dengan apa yang dapat tidak sama. Ini tanggungjawab kementerian supaya kementerian mengenal pasti sesuatu produk sebelum dibenarkan TMnet ini mengheboh-hebohkan produknya yang terbaik, yang dapat memberi faedah kepada rakyat. Jadi saya harapkan pihak kementerian akan mengambil kira apa jua yang kita bangkitkan pada hari ini dan saya tidak mahu bercakap panjang Tuan Yang di-Pertua, sudah dekat 5.10, saya hendak bagi peluang kepada rakan-rakan.

Dengan itu saya ingin menyokong usul perbahasan pada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya terima kasih Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee. Silakan Yang Berhormat Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk.

5.05 ptg.

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta membahaskan ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada upacara Pembukaan Parlimen pada 21 Mac 2005. Saya turut menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana dalam Titah Ucapan Baginda telah menyentuh semua aspek berkenaan negara kita. Satu aspek yang telah disentuh di dalam Titah Ucapan Baginda ialah menggesa kerajaan memastikan pembangunan negara mestilah seimbang dan meliputi seluruh pelosok tanah air. Baginda juga mahu semua kementerian dan agensi kerajaan memberikan komitmen dan bersungguh-sungguh untuk mengimbangkan pembangunan di antara wilayah sama ada di Semenanjung Sabah dan Sarawak. Ini adalah untuk mengurangkan jurang pembangunan yang berbeza-beza di antara wilayah. Saya ingin menyeru semua pihak agar menitikberatkan saranan Seri Paduka Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin fokus perbahasan saya pada hari ini kepada negeri Sabah. Apabila bandingan dibuat di antara pembangunan di Semenanjung dan di Sabah, saya dapati jurang perbezaannya amat ketara sekali. Mengapa perkara ini boleh berlaku? Saya ingin tahu, apakah kekangan yang menghalang pembangunan di Sabah? Adakah kerana kekurangan infrastruktur atau kekurangan pekerja yang mahir atau tiada sumber asli boleh didapati di Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya lihat, Sabah kaya dengan sumber aslinya. Ada yang sudah diusahakan seperti tanaman kelapa sawit, perlombongan dan pertanian. Petronas baru-baru ini telah menjumpai telaga minyak baru di perairan Sabah dan kontrak untuk kerja menggerudinya telah pun diberikan dan kerja-kerja telah pun bermula. Ini adalah satu langkah yang bijak kerana harga minyak dunia akan meningkat dan terus meningkat. Peningkatan harga minyak ini akan memberikan keuntungan yang besar kepada syarikat yang mengusahakannya. Sayangnya, saya tidak mendengar atau mengetahui yang Petronas akan membuka loji petrol kimia di Sabah. Ini bermakna, Petronas hanya membuat keuntungan dari Sabah. Tindakan ini sama seperti penjajah-penjajah yang datang.....

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan Yang Berhormat, laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Ismail bin kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Boleh? Sekejap sahaja, menjelaskan masalah Petronas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Agnes. Saya amat tertarik apabila Yang Berhormat menyatakan tentang royalti Petronas yang cari gali telaganya dikorek di sepanjang perairan Sabah tetapi masuk dalam perairan antarabangsalah, dikira dalam perairan antarabangsa. Cuma, saya amat bersetuju walaupun saya ini bukan mewakili negeri, supaya negeri-negeri yang tidak ada telaga minyak dapat berkongsi bersama, di mana royalti Petronas ini yang merupakan hak Kerajaan Persekutuan, hak federal. Royaltinya dibahagi sama banyak, sama rata kepada semua negeri di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya?

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Ini bermakna, Petronas hanya membuat keuntungan dari Sabah. Tindakan ini sama seperti penjajah-penjajah yang datang menakluki sesuatu kawasan dan mengambil kekayaan kawasan ini untuk bawa pulang ke negara asal mereka. Saya minta Petronas janganlah jadi seperti penjajah. Keuntungan yang diperolehi mestilah dikongsi bersama dengan rakyat Sabah. Membayar royalti sahaja tidak mencukupi. Sekiranya Petronas membina lojinya di Sabah, ia bukan sahaja memberi pembangunan ekonomi kepada rakyat Sabah. Ia juga akan memberi pembangunan yang *value added* dengan izin. Marilah kita lihat dari mula.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim tadi ialah bahawa, royalti minyak daripada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak perlu juga diagih-agihkan kepada negeri-negeri yang tidak mengeluarkan minyak, sama ada Yang Berhormat bersetuju tentang pembahagian ini?

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Setuju atau tidak, ya? *Is that what.....*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bersetuju ataupun tidak?

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Setuju. *[Ketawa]* Ini pun, saya rasa itu hasil ataupun royalti macam saya sebut tadi, itu pun tidak cukup. Jadi.....

Timbalan Yang di-Pertua: Maknanya, Yang Berhormat memang bersetuju supaya royalti minyak ini diagih-agihkan kepada semua negeri-negeri?

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Itu royalti dia.....*Sorry?* *[Menunjukkan reaksi tidak faham dengan soalan yang dikemukakan]* Itu, tengok rundingan dengan.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Ya. Itu rundingan dalam negeri kepada kerajaan.....

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.....

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk:tengok rundingan dia orang macam mana, bagi.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani sila duduk dulu. Beri peluang kepada Yang Berhormat Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk untuk menjelaskan.

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Ya, ya boleh.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, royalti ini, royalti yang diberikan Petronas kepada negeri-negeri adalah persetujuan waktu pembentukan Malaysia dulu. Jadi, tiap-tiap negeri yang mengeluarkan minyak dibagi royalti 5%. Itu hak negeri. Tetapi, daripada keuntungan Petronas ini, saya percaya bagilah kepada negeri-negeri yang tidak ada. Itu kita setuju. Apa masalahnya? Jadi, begitu juga pada Sabah, banyak kekeliruan yang terdapat dari mula lagi. Royalti 5% ini sebenarnya royalti *gross* daripada minyak yang keluar. Kalau ada minyak, kita dapat 5%. Berapa banyak pun yang dilaburkan oleh Petronas untuk mendapat minyak ini, itu hal Petronas. Kalau dia tidak dapat minyak itu, dia punya kerugian. Kalau dia dapat minyak, 5% bagi kita.

Cumanya, memang Sabahkah, Sarawakkah, Terengganukah, 5% itu pun tidak cukup. Kami minta kalau boleh, ditambah lagi. Cuma, yang bagi saya merasakan Yang Berhormat, Malaysia mengeluarkan minyak, untung Petronas ini. Tetapi, kita tidak tahu kenapa keuntungan Petronas ini tidak dibagikan lagi kepada rakyat Malaysia. Kenapa harga petrol kita mahal daripada harga petrol di Indonesia? Jadi sepatutnya kita yang mengeluarkan minyak itu, bagi rakyat Malaysia adalah keuntungan lebih daripada negara-negara yang tidak keluar minyak. Tidak hairanlah kalau di Singapura harga minyak lebih. Tidak hairanlah kalau di Filipina harga minyak lebih. Tetapi kita di Malaysia yang mengeluarkan minyak, sekarang ini 650 tong sehari, seharusnya harga kita lebih baik untuk rakyat Malaysia. Terima kasih. Jadi, macam mana pendapat Yang Berhormat?

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju Yang Berhormat punya penjelasan. Boleh saya?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk: Saya minta Petronas janganlah jadi seperti penjajah. Keuntungan yang diperolehi mestilah dikongsi bersama dengan rakyat Sabah. Sekiranya Petronas membina lojinya di Sabah, ia bukan sahaja memberi pembangunan ekonomi kepada rakyat Sabah, ia juga akan memberi pembangunan yang *value added* dengan izin. Marilah kita lihat dari mula. Pertamanya, kontraktor Sabah dapat mengambil bahagian dalam pembinaan loji tersebut. Peluang pekerjaan bagi rakyat Sabah telah bertambah dengan projek pembinaan ini.

Kedua, selain pembinaan loji, rumah untuk kakitangan juga perlu disediakan. Ini memberi peluang kerja kepada pemaju perumahan di Sabah.

Ketiga, syarikat pengangkutan Sabah dapat menawarkan khidmat pengangkutan kepada beberapa aspek operasi loji.

Keempat, secara tidak langsung kaitan perniagaan seperti penyediaan makanan, gedung membeli belah seperti emporium dan *supermarket* dapat turut berkembang dengan adanya loji ini.

Kelima, bila telah terbina dan beroperasi sepenuhnya ia memberi dorongan kepada rakyat Sabah untuk mempertingkatkan kemahiran mereka demi memenuhi permintaan pasaran pekerjaan yang memerlukan pekerja mahir di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan Sabah kaya dengan sumber asli. Banyak syarikat telah mendapat kebenaran untuk mengeksploitasi kekayaan bumi Sabah. Laporan akhbar ada menyatakan beberapa syarikat estet kelapa sawit telah menanam kelapa sawit secara besar-besaran di Sabah.

Di sini saya ingin meminta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini keluasan estet kelapa sawit, bilangan pekerja yang terlibat, loji penapis minyak kelapa sawit yang beroperasi di Sabah. Setahu saya penggunaan minyak kelapa sawit sangat luas, ia boleh dijadikan sabun, minyak masak, marjerin, gantian susu dan sebagainya.

Untuk menukar bentuk dari minyak kepada produk-produk lain ia memerlukan satu tempat yang ada bangunan, jentera dan pekerja atau lebih dikenali sebagai kilang pembuatan barangan. Ini adalah satu contoh. Terdapat banyak lagi bahan mentah yang terdapat di Sabah yang boleh diproses untuk menjadikan barangan yang bermutu tinggi.

Saya ingin meminta kementerian yang berkenaan untuk menyatakan berapakah banyak kilang yang mengeluarkan barangan hasil daripada sumber asli Sabah dan beroperasi di Sabah. Sudah sampai masanya kilang-kilang tersebut dibina di Sabah untuk mengambil kesempatan di atas kewujudan bahan-bahan mentah yang diperolehi dari bumi Sabah. Kos pembuatan barangan tersebut dapat dikurangkan jika ia dibuat di Sabah sendiri berbanding jika dihantar ke tempat lain untuk diproses. Di antaranya ialah kos pengangkutan dan kos penyimpanan bahan sebelum diproses.

Saya merayu kepada kerajaan dan para pengusaha supaya tidak hanya melihat Sabah sebagai kawasan tanaman atau perlombongan. Bantulah Sabah supaya menjadi negeri yang maju dengan mengadakan sektor perindustrian, pembuatan, perkhidmatan dan berbagai-bagai lagi di negeri ini. Ini dapat membantu pembangunan negeri Sabah dan mengurangkan jurang pembangunan yang ketara. Ini bukan sahaja hasrat saya dan rakyat Sabah, tetapi juga hasrat Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong sendiri yang mahukan pembangunan diseimbangkan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Datin Chong Set Mui untuk menyambung perbahasan.

5.25 ptg.

Datin Chong Set Mui: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan titah yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dalam Titah Baginda, Baginda telah menyuarakan isu-isu berkenaan polisi-polisi kerajaan dan tindakan pelan-pelan dari berbagai kementerian. Saya ingin membalas pandangan dan cadangan seperti berikut.

Pelancongan - di dalam penubuhan sektor pelancongan yang mana telah mencatatkan pertumbuhan yang menakjubkan dan telah memberi sumbangan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya berharap kerajaan akan memastikan pelancong-pelancong akan benar-benar datang untuk melihat warisan kebudayaan, keindahan dan menikmati kelazatan makanan di negeri kita. Kita harus menghalang mereka yang datang ke negara ini bertujuan untuk melakukan jenayah dan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan.

Peningkatan jenayah seperti rompakan, pecah rumah dan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan akan menjejaskan imej baik negara kita dan menjejaskan sektor pelancongan. Pihak polis dan pegawai Imigresen seharusnya peka dan memantau pelancong-pelancong yang kerap berulang alik ke negara kita tanpa mempunyai sebarang kepentingan urusan niaga di dalam negara kita. Mereka ini haruslah diperiksa semasa mereka memegang tiket pergi dan balik terutama sekali pelancong-pelancong wanita bujang. Ini adalah untuk menghalang mereka yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral.

Pembangunan infrastruktur luar bandar. Usaha kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan prasarana asas utiliti seperti bekalan air, elektrik dan jalan-jalan kampung di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan terpencil di Semenanjung Malaysia adalah tepat dan terus bersesuaian masanya. Bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa perlaksanaan projek-projek ini haruslah diselesaikan dengan baik kerana kerap kali berlaku peruntukan telah dibelanjakan sedangkan jalan-jalan, paip-paip air dan sebagainya yang telah siap tidak mencapai piawaian atau tidak bermutu, yang mana secara langsung menjadi beban kepada kerajaan dari segi penyelenggaraan pada jangka masa panjang.

Kita haruslah mengamalkan pengurusan yang berpiawaian dan terus melaksanakan dalam projek-projek ini, kerana kerajaan boleh disalahkan kerana menyediakan jalan-jalan di bawah *standard* yang menyebabkan kerosakan atau paip pecah atau tidak ada air langsung. Apabila sampai pilihan raya calon-calon kita akan menghadapi masalah untuk memberi penjelasan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi perbincangan Yang Berhormat itu?

Datin Chong Set Mui: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa perbincangan sudah cukup, maka Yang Berhormat boleh sambung besok.

Datin Chong Set Mui: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ke jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.31 petang.

3 Mei 2005

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M.,
S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
- " Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
- " Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)
- " Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- " Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
- " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
- " Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
- " Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
- " Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)

-
- " Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)
 - " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
 - " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
 - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
 - " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
 - " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
 - " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
 - " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
 - " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
 - " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
 - " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
 - " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
 - " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
 - " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
 - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
 - " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
 - " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
 - " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
 - " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
 - " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
 - " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
 - " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
 - " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
 - " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
 - " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
 - " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
 - " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
 - " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
 - " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)

- " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
- " Dato' Dr. S. Vijayarajnam (Dilantik)
- " Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)